



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA

I
a
p
o
r
a
n

t
a
h
u
n
a
n

a
n
n
u
a
l

r
e
p
o
r
t



To be a centre
of excellence
for corporate
information,
regulation,
development and
research, responsive
to a dynamic
business environment
towards enhancing
national economic
competitiveness.

Untuk menjadi
pusat kecemerlangan
bagi penyediaan
maklumat,
pengawasan,
pembangunan
dan penyelidikan
 korporat,
yang responsif
terhadap
 persekitaran
perniagaan yang
dinamik,
ke arah
mempertingkatkan
daya saing
ekonomi negara.

Steady and Committed

Emphasising a higher level of integrity for Malaysia's corporate entities, the Companies Commission of Malaysia is gearing its moves in one focused direction, at the right time and with steady momentum. This is indicated by the rotating gear wheels which are spinning in pace with the velocity of time. This design concept also signifies that the Companies Commission's operations are fully geared to meet the ever-changing and challenging future needs of the nation's corporate world.



Stabil dan Komited

Dengan menekankan tahap integriti yang lebih tinggi bagi entiti korporat Malaysia, Suruhanjaya Syarikat Malaysia sedang mengatur langkah ke arah satu matlamat yang fokus, menepati masa dan mempunyai momentum yang stabil – digambarkan oleh roda gear yang berputar mengikut halaju masa. Konsep reka bentuk ini juga membawa erti bahawa operasi Suruhanjaya Syarikat telah bersedia sepenuhnya untuk menghadapi keperluan masa hadapan dunia korporat negara yang mencabar dan sentiasa berubah.

Contents Kandungan

2	Minister's Foreword Prakata Menteri
7	Vision and Mission Visi dan Misi
8	The Companies Commission in Perspective Suruhanjaya Syarikat dalam Perspektif
10	Our Role and Authority Kuasa dan Peranan Kami
14	Chairman's Statment Kenyataan Pengerusi
20	Message from the CEO Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif
30	A New Structure for Better Synergy Struktur Baru untuk Sinergi
34	▪ Old Organisation Structure / Struktur Organisasi Lama
35	▪ New Organisation Structure (with effect from 01-03-2005) / Struktur Organisasi Baru (berkuatkuasa 01-03-2005)
36	▪ Members of the Commission / Anggota Suruhanjaya
48	▪ Executive Management / Pengurusan Eksekutif
48	Chief Executive Officer / Ketua Pegawai Eksekutif
48	Deputy Chief Executive Officers / Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif
48	Senior Management / Kumpulan Pengurusan Kanan
50	▪ Committees of the Companies Commission / Jawatankuasa Suruhanjaya Syarikat
54	▪ Head Office and State Offices / Ibu Pejabat dan Pejabat Negeri
56	▪ Client Service Charter / Piagam Pelanggan
60	Review of 2004 Tinjauan Tahun 2004
60	▪ Major Achievements / Pencapaian Utama
70	▪ Special Projects / Projek Khas
84	▪ Key Statistics / Statistik Penting
108	Events Peristiwa
118	Future Targets Sasaran Masa Hadapan
122	Financial Statements Penyata Kewangan



Minister's Foreword Prakata Menteri

**DATUK HJ. MOHD. SHAFIE
BIN HJ. APDAL**
Minister of Domestic Trade and
Consumer Affairs

Assalamualaikum wbkt dan salam sejahtera.

In 2004, the Companies Commission set out to do what it committed to in the year before – build on the strategic direction identified and adopted in the second half of 2003 by implementing key initiatives to work towards capacity optimisation and continuous enhancement of its new strategic objectives.

The Malaysian government announced in 2004 its aspiration for serious emphasis on developing a more efficient, transparent and accountable public service delivery system. The Companies Commission's internal capacity optimisation activities, which commenced in 2003 and are expected to continue in stages up till 2008, have now been proven to be far-sighted strategic moves which were implemented well before the government's announcement. These developments and the monitoring of their progress to-date prompted optimism that the team is on the right track towards practical realisation of its vision and mission to be a centre of excellence capable of providing prompt, efficient and quality services to the general public, a centre which is on par with other world-class regulatory bodies and which helps enhance national economic competitiveness for Malaysia.

I am also pleased to note the efforts made by this statutory body to further extend its reach to the people through the setting up of 3 new state offices in Selangor, Negeri Sembilan and Perlis in the second half of 2004. These new offices are a conscientious step towards expanding the provision of services to each and every state across the nation, a move much welcomed by the locals as it presents greater convenience for customers who no longer have to travel over long distances to deal in matters relating to the registration of companies and businesses. Additionally, these state offices also provide a crucial avenue for the head office to stay in touch with the pulse of regional requirements and maintain its relevance for all Malaysians. This has all been achieved amidst the enhancement of external surveillance,

Assalamualaikum wbkt dan salam sejahtera.

Pada tahun 2004, Suruhanjaya Syarikat melancarkan apa yang dijanjikan pada tahun sebelumnya – berdasarkan hala tuju strategik yang dikenal pasti dan diterima pakai pada separuh kedua tahun 2003 dengan melaksanakan inisiatif utama iaitu bekerja ke arah peningkatan berterusan dengan kapasiti optimum objektif strategik barunya.


Pada tahun 2004 juga, kerajaan Malaysia mengumumkan aspirasinya untuk memberi penekanan serius terhadap pembangunan sistem perkhidmatan awam yang lebih efisien, telus dan bertanggungjawab. Aktiviti pengoptimuman kapasiti dalaman Suruhanjaya Syarikat, yang dimulakan pada tahun 2003 dan dijangka berterusan secara berperingkat sehingga tahun 2008, terbukti merupakan langkah strategik berwawasan yang berjaya dilaksanakan sebelum pengumuman kerajaan. Perkembangan dan pemantauan kemajuan mereka sehingga kini, mendorong keyakinan bahawa mereka berada di landasan yang betul ke arah pencapaian realistik visi dan misi untuk menjadi pusat kecemerlangan yang berupaya memberikan perkhidmatan pantas, efisien dan berkualiti kepada masyarakat – sebuah pusat yang setanding dengan badan pengawalan bertaraf dunia yang lain dan yang membantu meningkatkan daya saing ekonomi negara.

Saya juga berbangga dengan usaha yang dibuat oleh badan berkanun ini untuk memperluaskan perkhidmatan mereka kepada orang ramai melalui penubuhan tiga pejabat negeri yang baru di Selangor, Negeri Sembilan dan Perlis pada separuh kedua tahun 2004. Penubuhan pejabat-pejabat baru ini merupakan langkah bijak ke arah memperkembangkan perkhidmatan ke setiap negeri di seluruh negara dan amat dialu-alukan oleh orang ramai kerana kini mereka tidak perlu lagi pergi jauh untuk melakukan urusan berkaitan pendaftaran syarikat dan perniagaan. Di samping itu, pejabat-pejabat negeri berkenaan turut berperanan sebagai saluran bagi ibu pejabat untuk memantau keperluan kawasan dan mengekalkan hubungannya dengan seluruh rakyat Malaysia. Kesemuanya berjaya dicapai dengan peningkatan pengawasan luaran, pemeriksaan undang-undang dan penguatkuasaan di bawah bidang kuasanya. Pada masa yang sama, Suruhanjaya Syarikat terus terlibat dalam menggalakkan amalan tadbir urus korporat yang baik memandangkan ia telah dilantik sebagai sekretariat Kementerian saya untuk membantu melaksanakan Pelan Integriti Nasional bagi institusi ekonomi.

statutory inspections and enforcement within its jurisdiction. At the same time, the Companies Commission has continued to be involved in the active promotion of good corporate governance, especially in view of it having been appointed the secretariat of my Ministry to help implement the National Integrity Plan for economic institutions.

Major changes in the economic sector of the nation have resulted from the liberalisation of world trade combined with factors such as the increasing dominance of information and communications technology (ICT) in the business arena and the changing legal and regulatory structure of corporate laws. The Companies Commission must adapt to the changing world environment in order to continue providing the necessary support to the business communities of Malaysia and helping them remain competitive and viable. The Companies Commission's timely initiative to review corporate law to achieve this objective is indeed well-targeted and greatly welcomed. It is the government's hope that these efforts, when fully implemented, would contribute to promoting enterprise and boost competitiveness, leading to a vibrant national economy.

It is my wish that the entire team at the Companies Commission will continue to strive for innovative changes and improvements, to keep an open mind to do better and to adapt well in the face of inevitable change and transformation in the national and global environment. A new breed of discerning customers and modern entrepreneurs has arisen to take up the challenge of setting up businesses in this time of renewed optimism and government support for commerce. It is thus imperative for all of us to be sensitive and remain relevant at all times to the evolving needs and requirements of the general public and serve them with integrity and competence. I have observed with delight the successful re-engineering of the organisation structure and workflow as well as evident vast improvements in the efficiency and effectiveness of the Companies Commission's internal capabilities during the year. Through continued efforts and commitment towards excellence, I believe that more could be achieved with greater ease in the coming year. Let us all look forward to an outstanding 2005.




Datuk Hj. Mohd. Shafie bin Hj. Apdal

Minister of Domestic Trade and Consumer Affairs

April 2005

Perubahan besar di dalam sektor ekonomi negara berlaku kesan daripada liberalisasi perdagangan dunia di samping faktor-faktor seperti peningkatan penguasaan teknologi maklumat dan komunikasi di dalam arena perniagaan, dan perubahan struktur undang-undang korporat. Suruhanjaya Syarikat mesti menyesuaikan diri dengan persekitaran dunia yang berubah untuk terus memberikan sokongan yang perlu kepada komuniti perniagaan Malaysia dan membantu mereka kekal kompetitif serta berdaya maju. Justeru, inisiatif Suruhanjaya Syarikat untuk menyemak semula undang-undang korporat adalah tepat pada masanya dan amat dialu-alukan. Adalah menjadi harapan kerajaan agar apabila usaha ini berjaya dilaksanakan sepenuhnya, ia dapat menyumbang ke arah menggalakkan perusahaan dan merangsang daya saing untuk mencapai ekonomi yang cemerlang.

Adalah menjadi harapan saya agar seluruh warga kerja di Suruhanjaya Syarikat akan terus berusaha ke arah perubahan dan peningkatan inovatif, berfikiran terbuka untuk terus maju dan menyesuaikan diri dengan perubahan dan transformasi yang tidak dapat dielakkan di dalam persekitaran nasional dan global. Generasi baru yang terdiri daripada pelanggan bijak dan usahawan moden telah bangkit untuk menghadapi cabaran dan membina perniagaan dengan sikap optimis serta sokongan kerajaan. Maka, adalah penting untuk kita sentiasa peka dan relevan terhadap perkembangan keperluan serta kehendak masyarakat umum dan memberikan perkhidmatan dengan ikhlas dan cekap. Saya gembira melihat kejayaan pengaturan semula struktur organisasi dan aliran kerja serta peningkatan meluas dalam kecekapan, dan keberkesanan kemampuan dalaman Suruhanjaya Syarikat di sepanjang tahun yang ditinjau ini. Dengan usaha dan komitmen berterusan ke arah kecemerlangan, saya yakin lebih banyak kejayaan boleh dicapai pada masa hadapan. Semoga kita akan lebih cemerlang pada tahun 2005.



Datuk Hj. Mohd. Shafie bin Hj. Apdal

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

April 2005

cemerlang excellence



Vision

To be a centre of excellence for corporate information, regulation, development and research, responsive to a dynamic business environment towards enhancing national economic competitiveness.

Visi

Untuk menjadi pusat kecemerlangan bagi penyediaan maklumat, pengawalan, pembangunan dan penyelidikan korporat, yang responsif terhadap persekitaran perniagaan yang dinamik, ke arah mempertingkatkan daya saing ekonomi negara.

Mission

- To promote and cultivate a conducive and dynamic business and regulatory environment.
- To provide timely, accurate and value-added information and services enabled by technology.
- To instil good corporate governance through continuous education and effective surveillance and enforcement.

Misi

- Untuk menggalakkan dan mewujudkan persekitaran perniagaan dan pengawalan yang sesuai dan dinamik.
- Untuk menyediakan maklumat dan perkhidmatan yang cepat, tepat dan bernilai tambah berasaskan teknologi.
- Untuk menyemai amalan tadbir urus korporat yang baik melalui pendidikan berterusan, pengawasan dan penguatkuasaan yang berkesan.

The Companies Commission in Perspective

Suruhanjaya Syarikat dalam Perspektif

A STATUTORY BODY AND SERVICE PROVIDER

The Companies Commission of Malaysia (the Companies Commission) is a statutory body regulating companies and businesses. We are also a registration authority and a source of company and business information (including annual returns and accounts) which helps the public make informed decisions. Our core activities are information registration, information provision and enforcement of relevant laws. On a daily basis,

- we register, incorporate and strike off companies and businesses in Malaysia; and
- we enforce compliance with relevant statutory and regulatory requirements, including lodgement, registering of documents that need to be filed, and the provision of company or business information to the public.

Concurrently, we conduct research activities relating to corporate policies and regulatory reforms to ensure that we respond to the changing corporate environment and maintain relevance for contemporary requirements of local and foreign companies and businesses in Malaysia. We have the statutory power to initiate changes to the laws and regulations within our jurisdiction and to enforce these legislation and regulations to facilitate development of a conducive and dynamic business and regulatory environment. This allows us to strive towards remaining competitive when measured against our international counterparts.

The key strength of the Companies Commission lies in our statutory power which allows us to undertake various corporation administration and development roles more effectively.

SEBUAH BADAN BERKANUN DAN PENYEDIA PERKHIDMATAN

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (Suruhanjaya Syarikat) merupakan badan berkanun yang mengawal selia syarikat dan perniagaan. Kami juga adalah pihak berkuasa pendaftaran, dan sumber bagi maklumat syarikat dan perniagaan (termasuk penyata tahunan dan akaun) yang membantu orang ramai membuat keputusan berdasarkan maklumat. Aktiviti utama kami ialah mendaftarkan maklumat, memberikan maklumat dan menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan. Setiap hari,

- kami mendaftarkan, memperbadankan dan membatalkan syarikat dan perniagaan di Malaysia; dan
- kami menguatkuasakan pematuhan menurut keperluan berkanun dan pengawalan yang sesuai, termasuk serah simpan, mendaftarkan dokumen yang perlu difailkan serta menyediakan maklumat syarikat atau perniagaan untuk orang ramai.

nota

Objektif Strategik

1. Mencapai kecemerlangan operasi dalam menyediakan perkhidmatan melalui inovasi dan penggunaan teknologi serta saluran perkhidmatan yang efisien.
2. Menarik minat, membangun dan mengekalkan sumber manusia yang berdaya saing dan mempunyai pelbagai kemahiran.
3. Memulakan, membangun dan melaksanakan rangka kerja pengawalan menyeluruh, selaras dengan perubahan persekitaran perniagaan.
4. Menyemai amalan tadbir urus korporat yang baik melalui pendidikan berterusan.
5. Memastikan pematuhan melalui pengawasan dan penguatkuasaan yang berkesan.
6. Mempertingkatkan hasil dan kecekapan operasi bagi memastikan pertumbuhan prestasi kewangan yang mantap.
7. Bekerjasama dengan badan profesional, agensi pengawalan dan pentadbir korporat antarabangsa.
8. Membangun dan memelihara imej korporat yang cemerlang.

Pada waktu yang sama, kami menjalankan penyelidikan berkaitan semakan semula polisi dan pengawalan korporat bagi memastikan kami dapat memberi respon kepada persekitaran korporat yang berubah dan mengekalkan kerelevanan, untuk keperluan syarikat dan perniagaan tempatan dan asing di Malaysia. Kami memiliki kuasa berkanun untuk membuat perubahan terhadap undang-undang dan peraturan di bawah bidang kuasa kami, dan untuk menguatkuasakan undang-undang dan peraturan bagi memudahkan pembangunan persekitaran perniagaan dan pengawalan yang sesuai dan dinamik. Ini membolehkan kami berusaha ke arah mengekalkan daya saing apabila dibandingkan dengan rakan-rakan kami di peringkat antarabangsa.

Kekuatan Suruhanjaya Syarikat terletak pada kuasa berkanun yang membolehkan kami menjalankan pelbagai tugas pentadbiran dan pembangunan syarikat secara lebih berkesan.

As a custodian of corporate statutory records, we maintain corporate archives for up to a period of between 6 to 15 years, depending on the type of records or data. Today, we have a network of established infrastructure that includes company and business registries in every state nationwide. At our head office, which includes Level 2 and 12 to 18 of Putra Place in Kuala Lumpur, company name searches and incorporation of companies can be conducted on Level 13, and business name searches and registration of businesses on Level 2. Together with the rest of our state offices, we strive to provide a friendly and efficient environment to serve and facilitate every customer in their dealings with the Companies Commission.

Strategic Objectives

- 1 To achieve operational excellence in providing services through innovation and use of technology and efficient delivery channels.
- 2 To attract, develop and retain competent and multi-skilled human resources.
- 3 To initiate, develop and implement a comprehensive regulatory framework in tandem with the changing business environment.
- 4 To instil good corporate governance through continuous education.
- 5 To ensure compliance through effective surveillance and enforcement.
- 6 To enhance revenue and operational efficiency to ensure sustainable growth in financial performance.
- 7 To collaborate with professional bodies, other regulatory agencies and international corporate administrators.
- 8 To develop and sustain an excellent corporate image.

OUR ROLE AND AUTHORITY

The Companies Commission is a statutory body which came into operation on 16 April 2002 as a result of a merger between the former Registrar of Companies (ROC) and the Registrar of Businesses (ROB) in Malaysia. We enforce the need for companies and businesses to file specific information about themselves, which is then made available to the public, and for some company and business categories, additional information such as annual returns and accounts as well. In actuality, we have a strong established presence that goes back over a century and a huge database of information which includes a total of 680,871 companies and 2,871,611 businesses listed in the register at the end of 2004.

We have the autonomous power to put in place dynamic initiatives to help develop the corporate and business sectors of Malaysia, as well as promote their growth and stability. The Companies Commission also serves as an enforcement authority for corporate compliance, maintaining global competitiveness for the nation while encouraging enterprise within a healthy and dynamic environment.

We support good corporate governance and make every effort to promote and provide an efficient and effective system to facilitate compliance.

Sebagai penjaga dan penyimpan rekod berkanun korporat, kami menyelenggara arkib korporat bagi tempoh sehingga 6 hingga 15 tahun, bergantung kepada jenis rekod atau data. Hari ini, kami mempunyai rangkaian infrastruktur yang mantap termasuk pejabat pendaftar syarikat dan perniagaan di setiap negeri di seluruh negara. Di ibu pejabat kami di Aras 2 dan 12 hingga 18, Putra Place, Kuala Lumpur, pencarian nama syarikat dan pemerbadanan syarikat boleh dilakukan di Aras 13, sementara pencarian nama perniagaan dan pendaftaran perniagaan di Aras 2. Kami berusaha untuk menyediakan persekitaran yang mesra dan efisien untuk memberikan perkhidmatan dan kemudahan kepada setiap pelanggan yang berurusan dengan Suruhanjaya Syarikat.

KUASA DAN PERANAN KAMI

Suruhanjaya Syarikat yang mula beroperasi pada 16 April 2002, merupakan badan berkanun yang terbentuk hasil daripada penggabungan Pendaftar Syarikat (ROC) dengan Pendaftar Perniagaan (ROB) di Malaysia. Kami melaksanakan keperluan syarikat dan perniagaan untuk memfailkan maklumat khusus tentang mereka, termasuk maklumat tambahan seperti penyata tahunan dan akaun bagi kategori syarikat dan perniagaan tertentu, untuk makluman orang ramai. Hakikatnya, kewujudan kami sejak lebih sedekad dahulu serta pangkalan data kami yang besar merangkumi 680,871 syarikat dan 2,871,611 perniagaan yang tersenarai dalam daftar setakat penghujung tahun 2004, membuktikan kemantapan kami.

Kami memiliki kuasa autonomi untuk menyusun inisiatif dinamik bagi membantu membangunkan sektor korporat dan perniagaan Malaysia, di samping merangsang pertumbuhan dan kestabilannya. Suruhanjaya Syarikat juga berperanan sebagai autoriti penguatkuasaan bagi pematuhan korporat, untuk memastikan daya saing global bagi negara dapat dikekalkan, di samping menggalakkan perusahaan di dalam persekitaran yang sihat dan dinamik.

(Kami menyokong amalan tadbir urus korporat yang baik dan sentiasa berusaha untuk mewujudkan dan menyediakan sistem yang cekap dan berkesan untuk memudahkan pematuhan.)

The Companies Commission is responsible for the administration and enforcement of the following legislation:

- Companies Act 1965 (Act 125);
- Registration of Businesses Act 1956 (Act 197);
- Trust Companies Act 1949 (Act 100);
- Kootu Funds (Prohibition) Act 1971 (Act 28); and
- any subsidiary legislation made under the above specified Acts.

We fulfil our roles, functions and activities with statutory backing from the Companies Commission of Malaysia Act 2001 (Act 614) and strong support from the Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs.

note

Functions

- Administration and enforcement of relevant Acts and related legislation.
- Custodian of corporate statutory records.
- Incorporation of companies and registration of businesses, as well as regulation of related matters.
- Supply of corporate and business information to the public.
- Acting as government agent in the enforcement and collection of prescribed fees.
- Inculcation of ethical conduct amongst directors, company secretaries, managers and personnel directly involved in the management of a company or business.
- Research and investigation on issues related to corporations, companies and businesses.
- Adviser to the Minister of Domestic Trade and Consumer Affairs on general matters pertaining to corporations, companies and businesses.
- Accomplishment of relevant and appropriate activities to ensure proficient administration and effective implementation of the Companies Commission's functions listed within the Act.

note

Powers

- Autonomy to utilise both fixed and variable assets.
- To impose fees or charges for services rendered.
- To appoint agents, experts or consultants to accomplish specific scope of works.
- To provide loans to employees.
- To plan and carry out human resource development programmes.
- To collaborate and/or cooperate with any other organisation(s) to form smart partnerships.
- To form committees to lead, perform and/or review its functions where members of such committee(s) may be existing Members of the Commission or any other person deemed suitable for the job.

Suruhanjaya Syarikat bertanggungjawab ke atas pentadbiran dan penguatkuasaan undang-undang berikut:

- Akta Syarikat 1965 (Akta 125);
- Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (Akta 197);
- Akta Syarikat Amanah 1949 (Akta 100);
- Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971 (Akta 28); dan
- mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta-akta yang tersebut di atas.

(Kami memenuhi peranan, tugas dan aktiviti dengan undang-undang berdasarkan Akta Suruhanjaya Syarikat 2001 (Akta 614) dan sokongan kuat daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.)

nota

Fungsi

- Mentadbir dan menguatkuasakan Akta dan undang-undang yang berkaitan.
- Menyimpan rekod berkanun korporat.
- Mengawal selia pemerbadanan syarikat, pendaftaran perniagaan dan peraturan perkara berkaitan.
- Membekalkan maklumat korporat dan perniagaan kepada orang ramai.
- Bertindak sebagai ejen kerajaan dalam penguatkuasaan dan pungutan fi yang ditetapkan.
- Menggalakkan tatalaku beretika di kalangan pengarah, setiausaha syarikat, pengurus dan warga kerja yang terlibat secara langsung di dalam pengurusan syarikat atau perniagaan.
- Menyelidik isu-isu berkaitan badan korporat, syarikat dan perniagaan.
- Berperanan sebagai penasihat kepada Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna berhubung perkara-perkara umum yang berkaitan dengan badan korporat, syarikat dan perniagaan.
- Menyempurnakan aktiviti yang sesuai dan relevan bagi memastikan pentadbiran yang cekap dan melaksanakan fungsi Suruhanjaya Syarikat yang tersenarai di dalam akta, secara berkesan.

nota

Kuasa

- Autonomi untuk menggunakan kedua-dua harta alih dan tidak alih.
- Mengenakan fi atau caj bagi perkhidmatan yang diberikan.
- Melantik ejen, pakar atau perunding untuk menyempurnakan bidang kerja yang khusus.
- Memberikan pinjaman kepada pekerja.
- Merancang dan melaksanakan program pembangunan sumber manusia.
- Bekerjasama dengan mana-mana organisasi bagi mewujudkan perkongsian pintar.
- Membentuk jawatankuasa untuk memimpin, melaksana dan/atau menyemak semula fungsi-fungsinya. Ahli jawatankuasa boleh terdiri daripada Anggota Suruhanjaya yang sedia ada atau orang lain yang difikirkan layak.



Chairman's Statement Kenyataan Pengerusi

Assalamualaikum wbkt dan salam sejahtera.


In cognisance to the Companies Commission's new corporate outlook, a new set of strategic objectives was drafted to support the new vision and mission statements approved by Members of the Commission in the third quarter of 2003. Implementation of several key strategic initiatives to support these underlying principles commenced immediately after the decision and continued throughout 2004. This reform was made with the aim of building a progressive team which is able to adopt a work methodology and attitude that effectively meet the demands of trade and industry in the new millennium. The year 2004 saw much change, when the strategic mechanism was being fine-tuned. Since my appointment as Chairman of the Companies Commission on 26 July 2004, I have witnessed tremendous dedication from the team in diligently carrying out and monitoring a portfolio of numerous key initiatives to improve its internal competence. At the same time, the team sought to extend the reach of its services across the nation.

The Companies Commission has adopted a bold modern approach to evaluate performance via Key Performance Indicators (KPIs) for all levels of staff, from top executives through all tiers of the organisation structure. This effort is in line with its corporate governance principles whereby a performance-driven team is one that

The Companies Commission has adopted a bold modern approach to evaluate performance via Key Performance Indicators (KPIs) for all levels of staff, from top executives through all tiers of the organisation structure.

Suruhanjaya Syarikat telah mengambil pendekatan moden yang berani untuk menilai prestasi menerusi Petunjuk Pencapaian Utama bagi semua peringkat kakitangan, daripada eksekutif terkanan hinggalah ke segenap peringkat struktur organisasi.

DATO' TALAAT BIN HJ. HUSAIN
Chairman
Pengerusi



Assalamualaikum wbkt dan salam sejahtera.

Selaras dengan perspektif korporat baru Suruhanjaya Syarikat, suatu siri objektif strategik dirangka bagi mendukung kenyataan Visi dan Misi yang diwujudkan pada suku kedua dan disahkan oleh Anggota Suruhanjaya pada suku ketiga tahun 2003. Pelaksanaan beberapa inisiatif strategik utama bagi menyokong prinsip ini dimulakan pada suku ketiga tahun 2003 dan diteruskan di sepanjang tahun 2004. Pembaharuan ini bertujuan membina warga kerja progresif yang mengamalkan metodologi kerja dan sikap yang dapat memenuhi keperluan perdagangan dan industri pada alaf baru ini, secara berkesan. Tahun 2004 memperlihatkan banyak perubahan apabila mekanisme strategik diubahsuai. Perlantikan saya sebagai Pengerusi Suruhanjaya Syarikat hanya bermula secara rasmi pada 26 Julai 2004, namun saya telah menyaksikan tahap dedikasi yang begitu tinggi di kalangan warga kerja dalam menjalankan pelbagai inisiatif utama untuk mempertingkatkan kecekapan dalaman dan pada waktu yang sama, memperluaskan perkhidmatannya ke seluruh negara.

Suruhanjaya Syarikat telah mengambil pendekatan moden yang berani untuk menilai prestasi menerusi Petunjuk Pencapaian Utama bagi semua peringkat kakitangan, daripada eksekutif terkanan hinggalah ke segenap peringkat struktur organisasi.


remains competitive and alert to the requirements of each individual's job function and strategic goals, against which they will be measured. Much emphasis has been placed on the development of human resources in 2004, in addition to the cultivation of a good corporate image, the recognition of our authority as a statutory body in enforcing compliance of specific legislations as well as the ensuring of efficiency in service delivery for customers at all times.

The Companies Commission has recorded improvements in its service delivery standards in the past year and these results are a direct benefit of the huge but worthwhile investment in our upgrading of the behind-the-scenes technology infrastructure which essentially supports all aspects of our business and work processes. While goals and objectives provide strategic direction, it is decidedly the individuals who could crystallise strategic plans into actual and tangible effective actions. To this end, everyone in the Companies Commission needs to work together as a cohesive whole thus projecting an intelligent and united front at all times to uphold and sustain a good corporate image for this statutory body. I firmly believe the Companies Commission will soon achieve this target admirably given the commitment and positive work attitude of its staff.



My heartiest congratulations to each and every member of our team, all of whom have contributed in one way or another to the collective results which we are proud to publish in this annual report. We must however caution ourselves against overconfidence as constant vigilance is required to keep in pace with changing times. A considerable investment of money and effort has been fulfilled to provide everyone with a more conducive working environment – the technology to facilitate everyone's work is nearing 100 percent completion; the change management programme to help the staff understand and embrace their new roles and responsibilities working in a technology-enabled environment is being capably

Tahniah kepada setiap warga kerja kita, yang telah menyumbang kepada hasil kolektif, yang dengan bangganya kita umumkan di dalam laporan tahunan ini.



Usaha ini adalah sejajar dengan prinsip tadbir urus korporat kami, yang mana kami yakin bahawa warga kerja yang didorongi prestasi akan kekal kompetitif dan sentiasa memenuhi keperluan peranan tugas dan matlamat strategik mereka, sebagaimana mereka akan dinilai. Pada tahun 2004, penekanan telah diberikan kepada pembangunan sumber manusia, di samping memupuk imej korporat yang baik, pengiktirafan autoriti kami sebagai sebuah badan berkanun dalam penguatkuasaan pematuhan undang-undang tertentu, dan juga memastikan kecekapan perkhidmatan untuk pelanggan pada setiap masa.

Tahun lalu, Suruhanjaya Syarikat telah mencatat peningkatan dalam standard perkhidmatannya hasil daripada pelaburan besar tetapi wajar dalam pembangunan infrastruktur teknologi yang pada dasarnya mendukung segala aspek perniagaan dan proses kerja kami. Walaupun matlamat dan objektif memberikan hala tuju strategik, warga kerjalah yang nyata sekali boleh mengubah pelan strategik menjadi tindakan yang berkesan. Justeru, setiap warga kerja Suruhanjaya Syarikat perlu bekerjasama serta mempamerkan kepintaran dan perpaduan pada setiap waktu bagi menyokong dan mempertahankan imej korporat yang baik bagi badan berkanun ini. Saya percaya matlamat ini bakal dicapai dengan cemerlang dengan adanya komitmen dan sikap positif terhadap kerja di kalangan kakitangan Suruhanjaya Syarikat.

Tahniah kepada setiap warga kerja kita, yang telah menyumbang kepada hasil kolektif, yang dengan bangganya kita umumkan di dalam laporan tahunan ini. Walau bagaimanapun, untuk bersaing dalam keadaan dunia yang berubah kini, kita mesti sentiasa berwaspada dengan sikap terlalu yakin kepada diri sendiri. Pelaburan wang dan tenaga yang besar telah dicurahkan bagi menyediakan akses setiap warga kerja kepada peralatan dan sokongan yang diperlukan bagi mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif – teknologi untuk memudahkan tugas setiap warga



My heartiest congratulations to each and every member of our team, all of whom have contributed in one way or another to the collective results which we are proud to publish in this annual report.

administered by the heads of departments; while the Corporate Law Reform Programme is well in progress to bring the Companies Act up to date and relevant in the present changing environment. In short, the foundation for a new and productive working condition has been initiated, and I believe that we are on track towards proving to the nation what we are capable of delivering in all aspects of service including compliance and enforcement.

Together with the rest of the Members of the Commission, I look forward to working with the management team and staff to achieve greater success in 2005.

A handwritten signature in black ink, consisting of a large, stylized 'G' followed by a series of loops and a final flourish.

Dato' Talaat bin Hj. Husain

Chairman

Companies Commission of Malaysia

April 2005



kerja kini hampir 100 peratus siap; program pengurusan perubahan untuk membantu warga kerja memahami dan menerima peranan serta tanggungjawab baru mereka di samping dapat bekerja di dalam persekitaran berteknologi, sedang diuruskan oleh ketua-ketua bahagian dengan bantuan konsultan; sementara Projek Semakan Semula Undang-

Undang Korporat sedang dilaksanakan untuk mengemaskinikan Akta Syarikat bagi menjadikannya relevan dengan persekitaran masa kini. Ringkasnya, asas bagi satu suasana bekerja baru dan lebih produktif telah dimulakan, dan saya yakin kami berada di landasan yang betul ke arah mempamerkan kepada masyarakat bahawa kami berupaya memenuhi segala aspek perkhidmatan termasuk pematuhan dan penguatkuasaan.

Bersama-sama Anggota Suruhanjaya yang lain, saya berharap untuk bekerja dengan pasukan pengurusan eksekutif dan kakitangan bagi mencapai lebih banyak lagi kejayaan di tahun hadapan.

Dato' Talaat bin Hj. Husain
Pengerusi
Suruhanjaya Syarikat Malaysia
April 2005



Message from the CEO Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif

Assalamualaikum wbkt dan salam sejahtera.

Each year, the Companies Commission of Malaysia achieves some amazing accomplishments, and 2004 was no exception. Since its commencement of operations on 16 April 2002, the Companies Commission has produced encouraging results in terms of recording consecutive growth in revenue as a result of an increase in the number of companies and businesses registered. At 31 December 2004, a total of 680,871 companies (676,778 local companies and 4,093 foreign companies) and 2,871,611 businesses have been registered. The average figure for newly incorporated companies is 35,000 per annum, and for businesses, 175,000 per annum. This past year, our business has been stable, with satisfactory growth to fund our investments in initiatives such as business process re-engineering and change management programmes.

In 2004, an upgrade of outlook on Malaysia's foreign currency rating from stable to positive by Moody's Investors Service in the first quarter has helped bolster investors' sentiments. Bank Negara announced that the economy grew by 8% in the second quarter thus resulting in an overall growth of 7.8% in the first half of the year, while the Department of Statistics reported economic growth to average about 7% for the entire year. We also witnessed an exciting general election in 2004, and the Bursa Malaysia, an excellent indicator of the state of economy, viewed several upswings in the local bourse following some major events during the year.

Change is in the air, and the Companies Commission reacts in a proactive manner in order to maintain its relevance to its customers.

Suruhanjaya Syarikat bertindak balas secara proaktif terhadap perubahan yang berlaku, untuk mengekalkan hubungannya dengan pelanggan.

ABDUL ALIM ABDULLAH
Chief Executive Officer
Ketua Pegawai Eksekutif



Assalamualaikum wbkt dan salam sejahtera.

Saban tahun, Suruhanjaya Syarikat berjaya mencapai pelbagai kejayaan mengagumkan, dan tahun 2004 tidak terkecuali. Semenjak operasinya bermula pada 16 April 2002, Suruhanjaya Syarikat telah mencapai keputusan yang menggalakkan dari segi catatan pertumbuhan pendapatan secara berturut-turut, hasil daripada peningkatan bilangan syarikat dan perniagaan yang berdaftar. Setakat 31 Disember 2004, sejumlah 680,871 syarikat (676,778 syarikat tempatan dan 4,093 syarikat asing) dan 2,871,611 perniagaan telah didaftarkan. Purata jumlah syarikat baru yang diperbadankan ialah 35,000 setahun dan untuk perniagaan, 175,000 setahun. Tahun lalu, perniagaan kami stabil, dengan pertumbuhan memuaskan untuk membiayai pelaburan kami ke atas inisiatif seperti penstrukturan semula proses perniagaan dan program pengurusan perubahan.

Pada tahun 2004, peningkatan perspektif terhadap kadar matawang asing Malaysia iaitu daripada stabil kepada positif oleh Moody's Investors Service pada suku pertama telah membantu merangsang sentimen para pelabur. Bank Negara mengumumkan pertumbuhan ekonomi sebanyak 8% pada suku kedua yang mengakibatkan pertumbuhan keseluruhan sebanyak 7.8% dalam separuh pertama tahun berkenaan, sementara Jabatan Perangkaan melaporkan purata pertumbuhan ekonomi bagi seluruh tahun berkenaan sebanyak 7%. Kita juga menyaksikan pilihanraya umum yang menarik pada tahun 2004, dan Bursa Malaysia selaku

Consequently, in tandem with the nation's mood of general optimism, there has been a remarkable decline in statistics for the termination of companies and businesses in 2004, indicating renewed confidence in entrepreneurship and business activities. All in all, a promising economy has contributed to an eventful and optimistic year for the business community in the country.



The new system has led directly to noticeable achievements in the form of better customer service, with our Client Service Charter, which reflects our public targets, indicating improvement in overall service standards such as reduced waiting time for our customers.

At the Companies Commission, the Companies and Businesses Services Department which generates the bulk of revenue witnessed the successful roll-out of the Company and Business System (CBS) for the ROB in June. The new system has led directly to noticeable achievements in the form of better customer service, with our Client Service Charter, which reflects our public targets, indicating improvement in overall service standards such as reduced waiting time for our customers. The Final Acceptance Test (FAT) of the CBS for the ROC commenced in December and is scheduled to be completed in March 2005. This is a major milestone as the FAT marks the beginning of the final stage of migration from the mainframe to a web-based server system. A nationwide roll-out of the completed system is scheduled for April 2005. The new web-based system allows efficient storing and prompt retrieval of data, thus we will be able to review our Client Service Charter as well as introduce e-services such as e-payment for e-information for both ROB and ROC information by the second quarter of 2005, all within a secure environment via the internet.

I am pleased to report good statistics for surveillance and enforcement in 2004. The processing of cases investigated and prosecuted during the year has increased in volume. In addition to a higher number of field staff in comparison to the year before, the greater productivity factor is attributed to good planning and efficient time management skills on the part of the enforcement task force. We have also implemented a media/public awareness campaign as a part of our endeavour to educate the public and corporate groups at large on their roles, responsibilities and

petunjuk terbaik keadaan ekonomi, melihat beberapa peningkatan di dalam pasaran saham tempatan berikutan beberapa peristiwa penting yang berlaku di sepanjang tahun. Justeru, seiring dengan suasana optimistik, terdapat penurunan di dalam statistik penutupan syarikat dan perniagaan pada tahun 2004 yang sekali gus membuktikan wujudnya keyakinan baru dalam bidang keusahawanan dan pertambahan aktiviti perniagaan. Secara umum, ekonomi yang semakin baik menyumbang kepada tahun yang cemerlang bagi komuniti perniagaan di dalam negara.

Jabatan Perkhidmatan Syarikat dan Perniagaan di Suruhanjaya Syarikat yang menjana sebahagian besar pendapatan, menyaksikan kejayaan Sistem Syarikat dan

Perniagaan untuk Pendaftaran Perniagaan (CBS ROB) pada bulan Jun. Sistem baru ini mendorong kepada pencapaian ketara dalam bentuk perkhidmatan pelanggan yang lebih baik, dengan Piagam Pelanggan yang menggambarkan sasaran umum kami, menunjukkan peningkatan dalam taraf perkhidmatan secara keseluruhan seperti pengurangan waktu menunggu



bagi pelanggan kami. Ujian Penerimaan Akhir (FAT) Sistem Syarikat dan Perniagaan untuk Pendaftaran Syarikat (CBS ROC) dimulakan pada Disember dan dijadualkan siap pada Mac 2005. Ini merupakan peristiwa penting kerana Ujian Penerimaan Akhir menandakan permulaan peringkat akhir penghijrahan daripada kerangka utama kepada sistem pelayan berasaskan web. Mengikut jadual, pelancaran sistem yang lengkap akan diadakan di seluruh negara pada April 2005. Sistem baru ini mampu menyimpan data dengan efisien dan mendapatkan kembali data dengan pantas. Dengan itu, kami akan dapat menyemak semula Piagam Pelanggan dan memperkenalkan e-perkhidmatan seperti e-bayaran untuk e-maklumat bagi maklumat Pendaftar Syarikat dan Pendaftar Perniagaan menjelang suku kedua tahun 2005, dalam persekitaran yang selamat melalui internet.

Dengan sukacitanya saya melaporkan bahawa pengawasan dan penguatkuasaan pada tahun 2004 telah menunjukkan statistik yang baik. Bilangan kes-kes yang disiasat dan didakwa telah meningkat sepanjang tahun. Selain daripada bilangan pekerja yang lebih ramai berbanding dengan tahun sebelumnya, produktiviti yang lebih tinggi adalah turut disebabkan oleh perancangan yang baik dan kemahiran pengurusan masa yang efisien, yang ada pada pasukan penguatkuasa. Kami juga telah menjalankan kempen media/kesedaran umum sebagai sebahagian daripada usaha kami untuk mendidik masyarakat dan kumpulan korporat pada umumnya,

legal requirements as business owners. Efforts here will be complemented by enhanced public affairs, press relations and branding initiatives in the near future with the set up of the new Corporate Communications Department.

2004 also saw a main accomplishment for the Companies Commission in terms of our customer service. From the setting up of information counters at the revenue collection counter and the Business Division to provide personalised replies to queries and the launch and manning of a hotline by customer service representatives to the extension of the opening hours of our counters on Friday afternoons, maintaining of special counters dedicated to the disabled, pregnant or elderly, provision of self-check terminals for customers and the undertaking of proactive measures during peak hours to quicken the submission of annual reports and accounts – all these efforts and more are indicators of our commitment to provide better customer service, delivered through the deployment of better business processes and workflows combined with an efficient, productive and motivated workforce.



Change is in the air, and the Companies Commission reacts in a proactive manner in order to maintain its relevance to its customers. A Change Management Programme has been set in motion to put in place the strategic direction plan for the entire Companies Commission, with independent consultants appointed in November 2003 to work closely with the internal team to aid us in achieving this target. The consultants assist us to facilitate a 3-pronged approach: the development of our departmental business plans together with Key Performance Indicators (KPIs) and cascading it through the organisation, a review of our organisational structure to ensure that it is aligned with our desired business objectives, and the recommendation and kick-start of change management components to facilitate the changes brought about by the first two initiatives.

Sistem baru ini mendorong kepada pencapaian ketara dalam bentuk perkhidmatan pelanggan yang lebih baik, dengan Piagam Pelanggan yang menggambarkan sasaran umum kami, menunjukkan peningkatan dalam taraf perkhidmatan secara keseluruhan seperti pengurangan waktu menunggu bagi pelanggan kami.



tentang peranan, tanggungjawab dan keperluan undang-undang mereka sebagai pemilik perniagaan. Segala usaha akan dilengkapi dengan inisiatif perhubungan awam, hubungan media dan penjenamaan yang dipertingkatkan dengan penubuhan Jabatan Komunikasi Korporat tidak lama lagi.

Tahun 2004 turut menyaksikan pencapaian penting bagi Suruhanjaya Syarikat, dari segi perkhidmatan pelanggan. Daripada penubuhan kaunter maklumat di kaunter pungutan hasil, layanan peribadi Bahagian Perniagaan ke atas pertanyaan, pelancaran dan pengendalian *hotline* oleh wakil perkhidmatan pelanggan sehinggalah kepada lanjutan waktu urusan di kaunter pada tengah hari Jumaat, membuka kaunter khas untuk orang kurang upaya, wanita hamil dan orang tua, penyediaan terminal pemeriksaan sendiri untuk pelanggan dan melaksanakan pelbagai langkah proaktif semasa waktu puncak bagi mempercepatkan penyerahan laporan dan akaun tahunan - semua langkah tersebut dan banyak lagi menandakan komitmen kami untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih baik dengan menggabungkan proses perniagaan dan aliran kerja yang lebih baik dengan tenaga kerja yang efisien, produktif dan bermotivasi.

Suruhanjaya Syarikat bertindak balas secara proaktif terhadap perubahan yang berlaku, untuk mengekalkan hubungannya dengan pelanggan. Program Pengurusan Perubahan telah dijalankan bagi menyusun plan hala tuju strategik untuk seluruh Suruhanjaya Syarikat. Perunding bebas dilantik pada November 2003 untuk bekerjasama rapat dengan pasukan dalaman bagi membantu kami mencapai sasaran ini. Para perunding telah membantu kami mempermudah pendekatan serampang tiga mata: pembangunan plan tugas jabatan kami bersama Petunjuk Pencapaian Utama (KPI) dan menyebarkannya menerusi organisasi, semakan semula struktur organisasi kami bagi memastikan ia selari dengan objektif perniagaan kami, serta saranan dan pelancaran komponen pengurusan perubahan bagi memudahkan perubahan yang disebabkan oleh dua inisiatif pertama dinyatakan.

Consistent with the development of a performance-driven work culture, the Members of the Commission who are part of the Project Steering Committee (PSC) approved a set of department business plans on 8 April 2004 and specifically requested for the KPIs to focus on 3 key areas in the short term – responsiveness to the changing corporate environment, corporate image and compliance. At the end of 2004, the deployment of the department business plans and determination of KPIs have been completed for all heads of department, including myself, as well as many at the division, department and section levels. Subsequent to this stage of the process, the Human Resource Department will continue and complete the key task of disseminating these initiatives down to all other levels in 2005. These KPIs will become part of each of our performance management functions and processes, and I expect them to be fully supported by all staff of the Companies Commission.



Another noteworthy achievement on the operational front is the endorsement of the new organisation structure by the Members of the Commission on 17 February 2004. This new organisation structure will support the strategic direction plan by allocating sufficient and appropriate resources at the right place to realise planned expectations. It will also provide a reporting structure which promotes clarity of function, responsibility and accountability. Its outline as well as roles and responsibilities have been communicated in a series of briefings throughout all our offices; actual implementation across the branch network will be spearheaded by the Human Resource Department. All department business plans based on this new organisation structure will be tied to specific and measurable KPIs as well.

In order to facilitate the changes brought about by the establishment of the department business plans and the new organisation structure, 3 key initiatives were implemented during the year and are currently ongoing: developing communication strategies and implementing a communication plan, setting up and operating a

Konsisten dengan pembangunan budaya kerja didorongi prestasi, Anggota Suruhanjaya yang merupakan sebahagian daripada Jawatankuasa Pemandu Projek (PSC) mengesahkan pelan tugas jabatan pada 8 April 2004 dan telah meminta secara khusus supaya Petunjuk Pencapaian Utama memberi perhatian kepada 3 bidang utama pada jangka masa pendek – responsif kepada persekitaran korporat yang sentiasa berubah, imej korporat dan pematuhan.



Pada akhir tahun 2004, pelaksanaan pelan tugas jabatan dan penetapan Petunjuk Pencapaian Utama telah disempurnakan untuk semua ketua jabatan, termasuk saya sendiri dan juga ramai lagi di peringkat bahagian, jabatan dan seksyen. Seterusnya, Jabatan Sumber Manusia akan meneruskannya dan menyempurnakan tugas utama menyebarkan inisiatif ini ke peringkat-peringkat lain pada tahun 2005. Petunjuk Pencapaian Utama ini akan menjadi sebahagian daripada setiap fungsi dan proses pengurusan prestasi kami, dan saya berharap ia akan disokong sepenuhnya oleh seluruh warga kerja Suruhanjaya Syarikat.

Satu lagi pencapaian dalam bidang operasi yang wajar diberi perhatian ialah pengesahan struktur organisasi baru oleh Anggota Suruhanjaya pada 17 Februari 2004. Struktur organisasi baru ini akan mendukung pelan hala tuju strategik dengan memperuntukkan sumber yang mencukupi dan sesuai di tempat yang betul bagi memenuhi jangkaan. Ia juga akan menyediakan struktur pelaporan yang menggalakkan kejelasan fungsi, tanggungjawab dan akauntabiliti. Garis kasar dan peranan serta tanggungjawabnya telah disampaikan melalui beberapa siri taklimat di semua pejabat kami, pelaksanaan sebenar merentasi rangkaian cawangan akan diterajui oleh Jabatan Sumber Manusia. Semua pelan tugas jabatan yang berdasarkan struktur organisasi baru ini juga akan terikat dengan Petunjuk Pencapaian Utama tertentu, dan boleh diukur.

Bagi memudahkan perubahan yang disebabkan oleh pelan tugas jabatan dan struktur organisasi yang baru, 3 inisiatif utama telah dilaksanakan pada tahun itu dan masih dijalankan: membangunkan strategi komunikasi dan melaksanakan pelan komunikasi, mewujudkan dan mengendalikan Pejabat Pengurusan Program (PMO) yang merupakan sebahagian daripada Jabatan Polisi, Perancangan dan Pembangunan Korporat, serta membangunkan dan mengawal rangkaian ejen perubahan, yang mana ejen perubahan dilatih untuk menerima dan menyokong perubahan di dalam Suruhanjaya Syarikat bagi mencapai objektif peribadi dan organisasi. Sebagai Pemimpin Perubahan, saya bertanggungjawab untuk

Programme Management Office (PMO) that is part of the Corporate Policy, Planning and Development Department, and developing and leveraging a change agent network, where change agents are trained to embrace and champion changes in the Companies Commission to meet organisational and personal objectives. As the Change Champion, I have the responsibility to drive and enable the required changes that would lead the Companies Commission into achieving its vision and mission targets. I look forward to working together with everyone at the Companies Commission in this exciting journey.

I would like to thank my entire team for putting in the greatest of effort to adapt to the many notable changes which took place in 2004. They have experienced during the year the benefits of investing in change. The Companies Commission will persevere in its efforts to seek innovation and will work within the new organisation structure to create continued synergy and reap the resulting benefits with pride. With the commitment of the management team and the continued dedication and support of our competent staff, the Companies Commission can look forward to becoming an exemplary statutory body reputed for excellence and distinction at par with international standards.

In the coming year, the Companies Commission will continue to work hard in its commitment towards maintaining and improving good service and excellent corporate governance.



Abdul Alim Abdullah
Chief Executive Officer
Companies Commission of Malaysia
April 2005

mendorong dan membenarkan perubahan yang diperlukan yang akan membawa Suruhanjaya Syarikat ke arah mencapai visi dan misinya. Justeru, untuk menjayakannya, saya amat berharap agar setiap warga kerja Suruhanjaya Syarikat memberikan kerjasama mereka.

Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada seluruh pasukan saya atas usaha mereka untuk menyesuaikan diri dengan pelbagai perubahan ketara yang berlaku pada tahun 2004. Mereka telah pun menikmati manfaat daripada segala pelaburan ke atas perubahan yang dibuat pada tahun berkenaan. Suruhanjaya Syarikat akan terus gigih berusaha untuk mencari inovasi dan akan bekerja di dalam struktur organisasi yang baru bagi mewujudkan sinergi berterusan dan akan menuai hasilnya dengan bangga. Dengan komitmen pasukan pengurusan dan dedikasi serta sokongan berterusan daripada warga kerja kami yang kompeten, Suruhanjaya Syarikat berpotensi menjadi badan berkanun contoh bagi kecemerlangan dan keunggulan, setanding dengan piawai antarabangsa.

Pada tahun hadapan, Suruhanjaya Syarikat akan terus bekerja keras ke arah mengekalkan dan meningkatkan perkhidmatan yang baik dan amalan tadbir urus korporat yang cemerlang.



Abdul Alim Abdullah
Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Syarikat Malaysia
April 2005

A New Structure for Better Synergy Struktur Baru untuk Sinergi

LEADING BY EXAMPLE – STAYING RELEVANT AND COMPETITIVE WITH CHANGE

A new organisation structure was approved by the Members of the Commission on 17 February 2004. Our aims are to move with the times, taking on new roles and functions and adjusting to meet and adapt to modern changing requirements. This new organisation structure was designed with attention to direct report(s) to the CEO, to redefine and better articulate specific department and section functional roles, to streamline reporting channels at the department and section levels, as well as to develop sophisticated business processes to depict the functional roles. Subsequent to the official approval of the new organisation structure in February, a reorganisation exercise was started to study manpower requirements needed to fully implement the new organisation structure.

The new organisation structure will support the strategic direction plan and provide a reporting structure which promotes clarity of function, responsibility and accountability.

The new organisation structure provides a sound basis for the development of realistic division and department business plans to enable more efficient ways of performing operating and support functions. It will involve the creation of new departments, heightened management emphasis on compliance and enforcement activities, the assumption of duties previously done by the Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs (e.g. audit, human resources, IT, corporate communications, finance and accounts) as well as the introduction of product development and research-oriented activities. The new organisation

note

- We need to understand why change is difficult.
- We need to think creatively in problem-solving and team-building.
- We need to communicate on an organisation-wide basis.
- We need to develop a plan of action.

MENERAJUI MELALUI TELADAN – KEKAL RELEVAN DAN KOMPETITIF TERHADAP PERUBAHAN

Struktur organisasi baru telah diluluskan oleh Anggota Suruhanjaya pada 17 Februari 2004. Matlamat kami ialah untuk bergerak seiring masa, menerima peranan dan fungsi baru serta menyesuaikan diri dengan keperluan perubahan moden. Struktur organisasi baru ini direka bentuk dengan memberi perhatian kepada laporan terus kepada Ketua Pegawai Eksekutif, untuk mentakrifkan semula dan menyatakan dengan lebih jelas peranan di jabatan dan seksyen tertentu, untuk memperkemaskan saluran pelaporan di peringkat jabatan dan seksyen, serta untuk membangunkan proses urusan yang sofistikated bagi menggambarkan peranan berfungsi. Selepas kelulusan rasmi struktur organisasi baru pada Februari, langkah penyusunan semula dimulakan untuk mengkaji keperluan tenaga kerja yang diperlukan bagi melaksanakan struktur organisasi baru dengan sepenuhnya.

Struktur organisasi baru akan mendukung pelan hala tuju strategik dan menyediakan struktur pelaporan yang menggalakkan kejelasan fungsi, tanggungjawab dan akauntabiliti.

nota

- Kita perlu faham mengapa perubahan adalah sukar.
- Kita perlu berfikir secara kreatif untuk menyelesaikan masalah dan membina pasukan.
- Kita perlu berkomunikasi ke seluruh organisasi.
- Kita perlu membangunkan pelan tindakan.

Struktur organisasi baru menyediakan asas kukuh bagi pembangunan pelan urusan bahagian dan jabatan yang realistik, bagi membolehkan lebih banyak kaedah berkesan mengendalikan dan menyokong fungsi. Ia melibatkan pembentukan jabatan-jabatan baru, penekanan pengurusan terhadap aktiviti pematuhan dan penguatkuasaan, menjalankan tugas yang sebelumnya dilakukan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (seperti audit, sumber manusia, IT, komunikasi korporat, Kewangan dan Akaun) serta pengenalan aktiviti berasaskan penyelidikan dan pembangunan produk. Struktur organisasi baru menghapuskan struktur pelaporan matriks terdahulu dan dijangka dapat memaksimumkan aliran maklumat sekali gus meningkatkan kerjasama antara jabatan, setelah dilaksanakan sepenuhnya merentasi rangkaian cawangan di seluruh negara.

structure eliminates the previous matrix reporting structure and is anticipated to enable a maximised flow of information, thereby improving inter-departmental cooperation, when fully implemented across the branch network nationwide.

Recommendations by the Human Resource Department on the composition of new manpower requirements were approved by the Members of the Commission at their 19th meeting on 9 December 2004. Consequently, new positions will be created in 2005. The Human Resource Department was also authorised to announce the commencement of administrative operations according to the new organisation structure with effect from 1 March 2005. For an overview of the new structure, please refer to the new organisation chart on page 35 of this report.

note

To adapt, we need to possess and practise the following key qualities:

- Flexibility
- Commitment
- Leadership
- Tolerance
- Capacity to challenge norms

Change is necessary to realise our Vision and Mission.

Change Agents, which consist of Change Leaders and Change Ambassadors, were appointed in 2004 to facilitate an official Change Management Programme throughout the Companies Commission. Their purpose is:

- To facilitate the change process, supporting the cascading of the departmental and divisional business/action plans.
- To complement the CEO's function in communicating business/action plans to the rest of the organisation.
- To be positive agents within the organisation to ensure optimum buy-in of the new business/action plans.
- To identify and address issues to ensure achievement of the strategic objectives.

Change Leaders and Change Ambassadors support the CEO who leads as Change Champion to promote and nurture a committed and productive team effort in embracing and coping with change.

note

There are 2 categories of Change Agents...

Change Leaders who drive change.
CEO (Change Champion), Directors and Heads of Departments.

Change Ambassadors who support change.
Employees within the organisation who can be positive intermediaries.

n o t a

Untuk menyesuaikan diri, kami perlu memiliki dan mengamalkan kualiti utama berikut:

- Kefleksibelan
- Komitmen
- Kepimpinan
- Toleransi
- Keupayaan mencabar kebiasaan

Cadangan daripada Jabatan Sumber Manusia tentang komposisi keperluan tenaga kerja baru telah diluluskan oleh Anggota Suruhanjaya pada mesyuarat mereka yang ke-19, pada 9 Disember 2004. Oleh itu, jawatan baru akan diwujudkan pada tahun 2005. Jabatan Sumber Manusia juga

dibenarkan untuk mengumumkan pelancaran operasi pentadbiran mengikut struktur organisasi baru berkuatkuasa 1 Mac 2005. Untuk gambaran keseluruhan struktur baru, sila rujuk carta organisasi baru di halaman 35 laporan ini.

Perubahan perlu untuk merealisasikan Visi dan Misi kami.

Ejen Perubahan, yang terdiri daripada 'Ketua Pengurusan Perubahan' dan 'Duta Pengurusan Perubahan', telah dilantik pada tahun 2004 untuk memudahkan Program Pengurusan Perubahan rasmi, di Suruhanjaya Syarikat. Tujuan mereka ialah:

- Untuk memudahkan proses perubahan, menyokong dan menyebarkan pelan perniagaan/tindakan di peringkat jabatan dan bahagian.
- Untuk melengkapkan fungsi Ketua Pegawai Eksekutif dalam menyampaikan pelan perniagaan/tindakan ke seluruh organisasi.
- Untuk menjadi ejen positif dalam organisasi bagi memastikan pelan perniagaan/tindakan diterima dan diterapkan secara optimum.
- Untuk mengenal pasti dan menangani masalah agar objektif strategik berjaya dicapai.

n o t a

Terdapat 2 kategori Ejen Perubahan...

Ketua Pengurusan Perubahan yang mendorong perubahan.


Ketua Pegawai Eksekutif (Pemimpin Perubahan), Pengarah dan Ketua Jabatan.

Duta Pengurusan Perubahan yang menyokong perubahan.

Warga kerja organisasi yang boleh menjadi pengantara positif.


Ketua Pengurusan Perubahan dan Duta Pengurusan Perubahan menyokong Ketua Pegawai Eksekutif iaitu Pemimpin Perubahan untuk mendorong dan memupuk usaha berpasukan yang komited dan produktif dalam menerima dan menangani perubahan.

Old Organisation Structure Struktur Organisasi Lama



New Organisation Structure (with effect from 1 March 2005)

Struktur Organisasi Baru (berkuatkuasa 1 Mac 2005)



Members of the Commission Anggota Suruhanjaya




CHAIRMAN

1. Dato' Talaat bin Hj. Husain

MEMBERS OF THE COMMISSION

2. Abdul Alim Abdullah
3. Dato' Idrus Harun
4. Dato' Hj. Khairuddin Hj. Mohd Sari
5. Datuk Dr. Abdul Samad Hj. Alias
6. Aziyah Bahauddin
7. Cheong Kee Fong
8. Zaiton Mohd Hassan
9. Hj. Abdillah bin Hj. Abdul Hamid





Chairman

DATO' TALAAT BIN HJ. HUSAIN

Dato' Talaat completed his secondary education at the Malay College, Kuala Kangsar and pursued his Bachelor of Social Science degree at Universiti Sains Malaysia. A Master's degree graduate in Professional Studies (International Planning) from Ivy League Cornell University in Ithaca, United States, he also attended a Senior Executive Program at the London Business School in United Kingdom, as well as the Advanced Management Program at Harvard Business School in Boston, United States.

Dato' Talaat began his civil service career as an Assistant State Secretary in Penang, and has since held various vital positions in the Malaysian Centre for Development Studies, Prime Minister's Department, Socio-Economic Research Unit, National Institute for Public Administration (INTAN), National Palace and the Ministry of Education. During his distinguished career, he has also served as Mayor of Ipoh, Perak for a number of years. Dato' Seri Talaat was later the Secretary General of the Ministry of Youth and Sports until his recent appointment to the same position at the Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs on 25 July 2004.

Dato' Talaat has been active in the social and sports scenes, and amongst his notable positions were as President of the Malaysian Rugby Union and President of the Royal Perak Golf Club. Currently, he is a board member of the Outward Bound School Trust, Malaysian Communications and Multimedia Commission and Malaysian Intellectual Property Corporation.

Dato' Talaat bin Hj. Husain (Pengerusi)

Dato' Talaat menamatkan pendidikan sekolah menengah di Maktab Melayu, Kuala Kangsar dan seterusnya melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah Sarjana Muda dalam bidang Sains Sosial di Universiti Sains Malaysia. Merupakan pemegang ijazah Sarjana dalam *Professional Studies (International Planning)* dari Ivy League Cornell University di Ithaca, Amerika Syarikat, beliau turut mengikuti *Senior Executive Program* di London Business School di United Kingdom, dan *Advanced Management Program* di Harvard Business School di Boston, Amerika Syarikat.

Dato' Talaat memulakan kerjaya di dalam perkhidmatan awam sebagai Penolong Setiausaha Negeri di Pulau Pinang, dan sejak itu memegang pelbagai jawatan penting di Pusat Pengajian Pembangunan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri, Unit Penyelidikan Sosio-Ekonomi, Institut Pentadbiran Awam Negara (INTAN), Istana Negara dan Kementerian Pendidikan. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Datuk Bandar Ipoh, Perak untuk beberapa tahun. Dato' Talaat kemudiannya memegang jawatan sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan sebelum dilantik ke jawatan yang sama di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pada 25 Julai 2004.

Dato' Talaat aktif di dalam bidang sosial dan sukan. Antara jawatan penting yang pernah dipegang ialah Presiden Malaysian Rugby Union dan Presiden Royal Perak Golf Club. Kini, beliau merupakan ahli lembaga pengarah Outward Bound School Trust, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan Perbadanan Harta Intelek Malaysia.



Chief Executive
Officer

ABDUL ALIM ABDULLAH

Encik Abdul Alim Abdullah is a Barrister-At-Law, Lincoln's Inn, London. He began his public service career as a Legal Officer, Attorney General's Chambers, in 1978 before being appointed Assistant Director with the Legal Aid Bureau in Melaka in the same year. He was appointed Senior Assistant Registrar with the Penang High Court in 1981 and, subsequently, the Kuala Lumpur High Court in 1983. Between 1984 and 2000, he held various important positions, of which include Sessions Court Judge, Deputy Public Prosecutor of the Attorney General's Chambers in Kuala Lumpur, Legal Advisor to the Royal Customs and Excise Department, Head of the Prosecution Unit at the Selangor Legal Advisor's Office, Johor State Legal Advisor as well as Legal Advisor to the Ministry of Home Affairs. Encik Abdul Alim was then appointed Chairman of the Kuala Lumpur Industrial Court in 2000.

During Encik Abdul Alim's service in Johor between 1992 and 1996, he was appointed board member of Johor Corporation, YPJ Holdings Sdn Bhd, Johor Education Foundation (Yayasan Pelajaran Johor), Johor Coastal Development Sdn Bhd and Tabung Warisan Negeri Johor.

Encik Abdul Alim was appointed the 11th Registrar of Companies Malaysia on 1 April 2002, the last before the merger of the ROC and ROB to become the Companies Commission of Malaysia, and thereon appointed as its first Chief Executive Officer. At present, he is also a member of the Board of Directors of the Labuan Offshore Financial Services Authority (LOFSA), a member of the Foreign Investment Committee (FIC), Malaysia's High Level Finance Committee on Corporate Governance and the Financial Reporting Foundation.

Abdul Alim Abdullah (Ketua Pegawai Eksekutif)

Encik Abdul Alim Abdullah berkelulusan *Barrister-At-Law*, Lincoln's Inn, London. Beliau memulakan kerjaya di dalam perkhidmatan awam sebagai Pegawai Undang-Undang, Jabatan Peguam Negara pada tahun 1978 sebelum dilantik sebagai Penolong Pengarah di Biro Bantuan Guaman di Melaka pada tahun yang sama. Beliau dilantik sebagai Penolong Kanan Pendaftar, Mahkamah Tinggi Pulau Pinang pada tahun 1981 dan kemudiannya Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada tahun 1983. Di antara tahun 1984 dan 2000, beliau menyandang pelbagai jawatan penting termasuk Hakim Mahkamah Sesyen, Timbalan Pendakwaraya Jabatan Peguam Negara di Kuala Lumpur, Penasihat Undang-Undang Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Ketua Unit Pendakwaan di Pejabat Penasihat Undang-Undang Selangor, Penasihat Undang-Undang Negeri Johor serta Penasihat Undang-Undang Kementerian Dalam Negeri. Encik Abdul Alim kemudiannya dilantik sebagai Pengerusi Mahkamah Perindustrian Kuala Lumpur pada tahun 2000.

Semasa berkhidmat di Johor dari tahun 1992 sehingga 1996, Encik Abdul Alim telah dilantik sebagai ahli lembaga pengarah Johor Corporation, YPJ Holdings Sdn Bhd, Yayasan Pelajaran Johor, Johor Coastal Development Sdn Bhd and dan Tabung Warisan Negeri Johor.

Encik Abdul Alim telah dilantik sebagai Pendaftar Syarikat Malaysia yang ke-11 pada 1 April 2002, iaitu yang terakhir sebelum Pendaftar Syarikat dan Pendaftar Perniagaan bergabung membentuk Suruhanjaya Syarikat Malaysia, yang mana beliau seterusnya dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif yang pertama. Kini, beliau merupakan ahli lembaga pengarah Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA), ahli Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC), Jawatankuasa Kewangan Peringkat Tinggi Malaysia bagi Tadbir Urus Korporat dan Yayasan Laporan Kewangan.



DATO' IDRUS HARUN

Member of the
Commission

Dato' Idrus Harun, holder of a LLB (Hons) degree from the University of Malaya, began his career as a Legal Officer in 1980. Between 1980 and 1997, he served in various significant positions among which include Assistant Parliamentary Draftsman, Senior Assistant Registrar of the Kuala Lumpur High Court, Sessions Court President/Judge in Kota Kinabalu, Deputy Public Prosecutor of the Royal Customs and Excise Department, Deputy Public Prosecutor of the Attorney General's Chambers, Terengganu State Legal Advisor, Senior Federal Counsel of the Election Commission as well as Senior Federal Counsel with the Anti Corruption Agency.

He was later appointed as Deputy Head of the Advisory and International Division at the Attorney General's Chambers in 1997. Between 1998 and 2002, Dato' Idrus was the Registrar of Companies. Thereafter, he resumed his service at the Attorney General's Chambers, as Head of the Advisory and International Division and subsequently the Head of Advisory Division, before his current appointment as Parliamentary Draftsman on 1 September 2004. Dato' Idrus also serves as a member of the National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH), Labuan Offshore Financial Services Authority (LOFSA), the High Level Finance Committee on Corporate Governance, Securities Commission, the Foreign Investment Committee (FIC), Financial Reporting Foundation, Consumer Claims Tribunal and Malaysia Thailand Joint Authority (MTJA).

Dato' Idrus Harun (Anggota Suruhanjaya)

Dato' Idrus Harun, pemegang ijazah LLB (Kepujian) daripada Universiti Malaya, memulakan kerjayanya sebagai Pegawai Undang-Undang pada tahun 1980. Di antara tahun 1980 dan 1997, beliau memegang pelbagai jawatan penting termasuk Penolong Penggubal Undang-Undang Parlimen, Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, Presiden/Hakim Mahkamah Sesyen di Kota Kinabalu, Timbalan Pendakwaraya di Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Timbalan Pendakwaraya Jabatan Peguam Negara, Penasihat Undang-Undang Negeri Terengganu, Peguam Kanan Suruhanjaya Pilihanraya Kuala Lumpur, dan Peguam Kanan Badan Pencegah Rasuah.

Kemudian, beliau telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Bahagian Penasihat dan Antarabangsa di Jabatan Peguam Negara pada tahun 1997. Dato' Idrus kemudiannya berkhidmat di Jabatan Peguam Negara sebagai Ketua Bahagian Penasihat dan Antarabangsa, dan seterusnya Ketua Bahagian Penasihat sebelum dilantik ke jawatan sekarang sebagai Penggubal Undang-Undang Parlimen pada 1 September 2004. Jawatan yang pernah disandangnya sejak tahun 1998 hingga 2002 termasuklah Pendaftar Syarikat yang mana pada ketika itu, beliau juga merupakan Ahli Jawatankuasa Disiplin UTM, Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH), Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA), Jawatankuasa Kewangan Peringkat Tinggi Tadbir Urus Korporat, Suruhanjaya Sekuriti, Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC), Yayasan Laporan Kewangan, Tribunal Tuntutan Pengguna dan Lembaga Kerjasama Malaysia Thailand (MTJA).



DATO' HJ. KHAIRUDDIN HJ. MOHD SARI

Member of the
Commission

Dato' Hj. Khairuddin Hj. Mohd Sari graduated with a Bachelor degree in Economics and Administration (Hons) from the University of Malaya in 1973. He has served in the Ministry of Information, Commercial Vehicles Licensing Board, the Ministry of Public Enterprise, the Home Ministry as well as Tourism Development Corporation (TDC) before his subsequent posting at the Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs in 1998.

At present, Dato' Hj. Khairuddin is serving as the Deputy Secretary General (Policies) in the Ministry.

Dato' Hj. Khairuddin Hj. Mohd Sari (Anggota Suruhanjaya)

Dato' Hj. Khairuddin Hj. Mohd Sari berkelulusan ijazah Sarjana Muda Ekonomi dan Pentadbiran (Kepujian) daripada Universiti Malaya pada tahun 1973. Beliau pernah berkhidmat di Kementerian Penerangan, Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan, Kementerian Perusahaan Awam, Kementerian Dalam Negeri dan juga Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (TDC) sebelum menyertai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pada tahun 1998. Kini, Dato' Hj. Khairuddin merupakan Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) di Kementerian tersebut.



Member of the
Commission

AZIYAH BHAUDDIN

Puan Aziyah Bahauddin is the representative of the Ministry of Finance. She is a holder of a Bachelor of Arts degree in Economics (Hons) from the University of Malaya. At present, she is the Secretary of the Tax Analysis Division at the Ministry of Finance.

Puan Aziyah began her career in the civil service in 1974 and has served in the Ministry of Finance since then. Except for 5 years in the Government Procurement Management Division, the rest of her career has been with the Tax Analysis Department. She is also the representative of the Ministry of Finance and a board member for Malaysia Thailand Joint Authority, Putrajaya Corporation, Edaran Otomobil Nasional (EON) Berhad, Malacca State Development Corporation, as well as University College of Engineering and Technology Malaysia.

Aziyah Bahauddin (Anggota Suruhanjaya)

Puan Aziyah Bahauddin merupakan Wakil Kementerian Kewangan. Beliau adalah pemegang ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) daripada Universiti Malaya. Kini, beliau adalah Setiausaha Bahagian Analisis Cukai di Kementerian Kewangan.

Puan Aziyah memulakan kerjaya di dalam perkhidmatan awam pada tahun 1974 dan bertugas di Kementerian Kewangan sejak itu. Kecuali 5 tahun daripadanya di Bahagian Pengurusan Perolehan Kerajaan, kerjaya beliau adalah di Jabatan Analisis Cukai. Beliau juga adalah Wakil Kementerian Kewangan dan ahli lembaga pengarah Lembaga Kerjasama Malaysia Thailand (MTJA), Perbadanan Putrajaya, Edaran Otomobil Nasional (EON) Berhad, Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka dan Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia.



Member of the
Commission

DATUK DR. ABDUL SAMAD HJ. ALIAS

Datuk Dr. Abdul Samad Hj. Alias is a fellow of the Institute of Chartered Accountants in Australia, President of the Malaysian Institute of Accountants (MIA) and a Council Member of the Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA).

A graduate of the University of Western Australia with a Bachelor degree in Commerce, he is currently Non-Executive Chairman of Ernst & Young Malaysia and a member of the Financial Reporting Foundation. At present, Datuk Dr. Abdul Samad is also a board member of Lembaga Tabung Haji, and Chairman of Malaysian Venture Capital Management Berhad and Malaysia Debt Ventures Berhad.

Datuk Dr. Abdul Samad Hj. Alias (Anggota Suruhanjaya)

Datuk Dr. Abdul Samad Hj. Alias adalah *fellow* 'Institute of Chartered Accountants in Australia', Presiden Institut Akauntan Malaysia (MIA) dan Ahli Majlis Institut Akauntan Awam Bertauliah (MICPA).

Beliau berkelulusan ijazah Sarjana Muda dalam bidang Perdagangan daripada *University of Western Australia*, dan kini merupakan Pengerusi bukan Eksekutif Ernst & Young Malaysia serta ahli Yayasan Laporan Kewangan. Sekarang, Datuk Dr. Abdul Samad juga adalah ahli lembaga pengarah Lembaga Tabung Haji, dan Pengerusi Malaysian Venture Capital Management Berhad dan Malaysia Debt Ventures Berhad.



CHEONG KEE FONG

Member of the
Commission

Mr. Cheong Kee Fong holds a LLB (Hons) degree from the National University of Singapore and a LLM from Harvard Law School. He is a legal practitioner and partner of a legal firm, Cheong Kee Fong & Co., and an advocate and solicitor with the High Court of Malaya and the Supreme Court of the Republic of Singapore.

Mr. Cheong is a member of the Conveyancing Practice, Corporate and Banking Law Committee of the Malaysia Bar Council and has served as a member of the Financial Reporting Foundation and the working group on law reform issues on corporate governance established by the High Level Finance Committee on Corporate Governance. He is also a member of the Corporate Law Reform Committee and the Audit Committee of the Companies Commission of Malaysia, and a representative of the Malaysian Bar in the 'Task Force To Implement The National Integrity Plan On Corporate Governance and Business Ethics'.

Cheong Kee Fong (Anggota Suruhanjaya)

Encik Cheong Kee Fong ialah pemegang ijazah LLB (Kepujian) daripada *National University of Singapore* dan LLM daripada Harvard Law School. Beliau merupakan seorang pengamal undang-undang dan rakan kongsi sebuah firma guaman iaitu Cheong Kee Fong & Co., juga peguambela dan peguamcara di Mahkamah Tinggi Malaya dan Mahkamah Agung Republik Singapura.

Encik Cheong adalah ahli Jawatankuasa Pengamal Pemindahhakkan, Jawatankuasa Undang-Undang Perbankan Majlis Peguam Malaysia dan telah berkhidmat sebagai ahli Yayasan Laporan Kewangan dan ahli Jawatankuasa Kerja Tadbir Urus Korporat yang ditubuhkan oleh Jawatankuasa Kewangan Peringkat Tinggi Tadbir Urus Korporat. Beliau juga merupakan Ahli Jawatankuasa Semakan Semula Undang-Undang Korporat dan Jawatankuasa Audit Suruhanjaya Syarikat Malaysia serta wakil Majlis Peguam Malaysia di dalam 'Pasukan Petugas untuk Melaksanakan Pelan Integriti Nasional Mengenai Tadbir Urus Korporat dan Etika Perniagaan'.



Member of the
Commission

ZAITON MOHD HASSAN


Puan Zaiton qualified as a fellow of the Chartered Association of Certified Accountants, UK (FCCA) in 1985. She is also a member of the Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA) since 1983. Puan Zaiton currently serves as a member of the Investment Committees of Amanah Saham Nasional (ASN), ASN 2, ASN 3 Imbang and Amanah Saham Gemilang comprising Amanah Saham Pendidikan, Amanah Saham Kesihatan and Amanah Saham Persaraan. She also holds directorships in public listed companies, Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF), Mesiniaga Berhad and PFM Capital Holding Sdn Bhd (a wholly-owned subsidiary of Permodalan Nasional Berhad).

Puan Zaiton is responsible for setting up Malaysian Rating Corporation Berhad (MARC) in 1996 and was its President/Executive Director until September 2004 when she left to set up her own financial advisory firm, Capital Intelligence Advisors Sdn Bhd. Prior to joining MARC, Puan Zaiton served 12 years with Maybank, in various senior positions, including Head of Treasury and International Banking operations. Before Maybank, she was also with Price Waterhouse, Bank Pembangunan (M) Berhad and PFM Capital Holding Sdn Bhd.

Zaiton Mohd Hassan (Anggota Suruhanjaya)

Puan Zaiton adalah *fellow* 'Chartered Association of Certified Accountants', UK (FCCA) pada tahun 1985. Beliau juga merupakan ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA) sejak tahun 1983. Puan Zaiton kini berkhidmat sebagai ahli Jawatankuasa Pelaburan Amanah Saham Nasional (ASN), ASN 2, ASN 3 Imbang and Amanah Saham Gemilang yang terdiri daripada Amanah Saham Pendidikan, Amanah Saham Kesihatan dan Amanah Saham Persaraan. Beliau juga adalah pengarah beberapa syarikat tersenarai, Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF), Mesiniaga Berhad, juga PFM Capital Holding Sdn Bhd (syarikat subsidiari milik penuh Permodalan Nasional Berhad).

Puan Zaiton bertanggungjawab menubuhkan Malaysian Rating Corporation Berhad (MARC) pada tahun 1996 dan merupakan Presiden/Pengarah Eksekutifnya sehingga September 2004 apabila beliau menubuhkan firma penasihat kewangannya sendiri iaitu Capital Intelligence Advisors Sdn Bhd. Sebelum menyertai MARC, Puan Zaiton bertugas selama 12 tahun di Maybank dengan menyandang pelbagai jawatan kanan termasuk Ketua Perbendaharaan dan Perbankan Antarabangsa. Sebelum Maybank, beliau pernah berkhidmat di Price Waterhouse, Bank Pembangunan (M) Berhad dan PFM Capital Holding Sdn Bhd.



Member of the
Commission

HJ. ABDILLAH BIN HJ. ABDUL HAMID

Tuan Hj. Abdillah bin HJ. Abdul Hamid graduated with a LLB degree and a LL (Licence of Law) from the University of Buckingham, England in 1982. Prior to his studies in the United Kingdom, Tuan Hj. Abdillah was an officer of the Royal Malaysian Police force, holding the position of a Police Inspector from 1975 to 1979 after graduating from the Kuala Kubu Bahru Police College in 1975. He also worked as a Legal Executive with Messrs Sugumar & Co. Advocates & Solicitors in Kota Kinabalu and with Messrs Amin Jaafar & Co. Advocates & Solicitors in Tawau, Sabah.

Entering the political arena in 1983, Tuan Hj. Abdillah contested in the parliamentary election and won a seat at the *Dewan Rakyat* (Lower House of Parliament) in the same year. In 1984, he was appointed by the then DYMM Yang di Pertuan Agong as the Deputy Minister of Rural and Regional Development, serving under Tan Sri Dato' Seri Sanusi Junid and, subsequently, Tun Ghaffar Baba, who was also the Deputy Prime Minister of Malaysia at that time.

Tuan Hj. Abdillah has extensive experience in the field of international relations and has undertaken research and analysis, on the sponsorship of the Asia Foundation, in comparing legislative councils in the United States and ASEAN countries.

Hj. Abdillah bin Hj. Abdul Hamid

Tuan Hj. Abdillah bin Hj. Abdul Hamid berkelulusan ijazah LLB dan LL (*Licence of Law*) daripada *University of Buckingham*, England pada tahun 1982. Sebelum melanjutkan pelajaran di United Kingdom, Tuan Hj. Abdillah bertugas sebagai Inspektor Polis di Polis Diraja Malaysia daripada tahun 1975 hinggalah 1979 setelah menamatkan pengajian di Kolej Polis Kuala Kubu Bahru pada tahun 1975. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Eksekutif Undang-Undang di Messrs Sugumar & Co. Advocates & Solicitors di Kota Kinabalu dan Messrs Amin Jaafar & Co. Advocates & Solicitors di Tawau, Sabah.

Menyertai arena politik pada tahun 1983, Tuan Hj. Abdillah telah bertanding di pilihanraya parlimen dan memenangi kerusi Dewan Rakyat pada tahun yang sama. Pada tahun 1984, beliau telah dilantik oleh DYMM Yang di Pertuan Agong pada ketika itu sebagai Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, di bawah Tan Sri Dato' Seri Sanusi Junid dan kemudiannya Tun Ghaffar Baba yang juga merupakan Timbalan Perdana Menteri pada ketika itu.

Tuan Hj. Abdillah memiliki pengalaman luas di dalam bidang hubungan antarabangsa dan telah menjalankan penyelidikan dan analisis yang ditaja oleh Asia Foundation, iaitu membandingkan majlis perundangan Amerika Syarikat dengan majlis perundangan di negara-negara ASEAN.



Chief Executive
Officer

Executive Management Pengurusan Eksekutif

Abdul Alim Abdullah
Chief Executive Officer
Ketua Pegawai Eksekutif



1. Zahrah Abd. Wahab Fenner
Director (Corporate Resources)
Pengarah (Sumber Korporat)



2. Khoo Beng Chit
Director (Operations)
Pengarah (Operasi)

Deputy Chief
Executive Officers



1. Muhammad Redzuan Abdullah
Senior General Manager (Enforcement and Legal Division)
Pengurus Besar Kanan (Jabatan Perundangan dan Penguatkuasaan)



2. Mohamed Zanyuin Ismail
General Manager (Information Services and Business Development Department)
Pengurus Besar (Jabatan Perkhidmatan Maklumat dan Pembangunan Perniagaan)

3. Khuzairi Yahaya
General Manager (Information and Communications Technology Department)
Pengurus Besar (Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi)

4. Nor Azimah Abdul Aziz
General Manager (Corporate Policy, Planning and Development Department)
Pengurus Besar (Jabatan Polisi, Perancangan dan Pembangunan Korporat)

Senior
Management Team



- 5. Amir Ahmad**
General Manager (Human Resource Department)
Pengurus Besar (Jabatan Sumber Manusia)
- 6. Hajah Rokiah Mohd Noor**
Acting General Manager (Companies and Businesses Services Department)
Memangku Pengurus Besar (Jabatan Perkhidmatan Syarikat dan Perniagaan)
- 7. Roslina Abdul Malek**
Senior Manager (Internal Audit Department)
Pengurus Kanan (Jabatan Audit Dalam)

Committees of the Companies Commission Jawatankuasa Suruhanjaya Syarikat

50

Recruitment Committee I / Jawatankuasa Perjawatan I

1. Abdul Alim Abdullah (Chairperson / Pengerusi)
2. Dato' Hj. Khairuddin Hj. Mohd Sari
3. Zahrah Abd. Wahab Fenner

Recruitment Committee II / Jawatankuasa Perjawatan II

1. Abdul Alim Abdullah (Chairperson / Pengerusi)
2. Zahrah Abd. Wahab Fenner
3. Khoo Beng Chit

Promotion Appeal Committee / Jawatankuasa Rayuan Kenaikan Pangkat

To be filled / Akan diisi

Disciplinary Committee / Jawatankuasa Tatatertib

The members of this committee shall be in accordance to the Statutory Bodies (Disciplinary and Surcharge) Act 2000 (Act 605) / Ahli bagi jawatankuasa ini adalah menurut Akta Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605)

Investment Committee / Jawatankuasa Pelaburan

1. Zaiton Mohd Hassan (Chairperson / Pengerusi)
2. Dato' Talaat bin Hj. Husain
3. Aziyah Bahauddin
4. Abdul Alim Abdullah

Audit Committee / Jawatankuasa Audit

1. Datuk Dr. Abdul Samad Hj. Alias (Chairperson / Pengerusi)
2. Dato' Idrus Harun
3. Cheong Kee Fong

Procurement Committee - Procurement Committee A / Jawatankuasa Perolehan - Jawatankuasa Perolehan A

1. Dato' Talaat bin Hj. Husain (Chairperson / Pengerusi)
2. Abdul Alim Abdullah
3. 2 Members of the Commission / 2 Anggota Suruhanjaya
4. 1 representative of the Secretary General of the Treasury / 1 wakil Ketua Setiausaha Perbendaharaan
5. 2 employees of the Companies Commission appointed by the Chief Executive Officer / 2 warga kerja Suruhanjaya Syarikat yang dilantik oleh Ketua Pegawai Eksekutif

Procurement Committee – Procurement Committee B / Jawatankuasa Perolehan - Jawatankuasa Perolehan B

1. Abdul Alim Abdullah (Chairperson / Pengerusi)
2. Zahrah Abd. Wahab Fenner
3. Khoo Beng Chit
4. Mohamed Zanyuin Ismail
5. Amir Ahmad
6. Toh Kay Hong

Project Steering Committee for Strategic Direction / Jawatankuasa Pemandu Projek bagi Hala Tuju Strategik

1. Dato' Talaat bin Hj. Husain (Chairperson / Pengerusi)
2. Datuk Dr. Abdul Samad Hj. Alias
3. Zaiton Mohd Hassan
4. Abdul Alim Abdullah
5. Zahrah Abd. Wahab Fenner
6. Khoo Beng Chit

Corporate Law Reform Committee / Jawatankuasa Semakan Semula Undang-Undang Korporat

1. Dato' K. C. Vohrah (Chairperson / Pengerusi)
2. Datuk Dr. Abdul Samad Hj. Alias (Member of the Commission /
Anggota Suruhanjaya)
3. Cheong Kee Fong (Member of the Commission / Anggota Suruhanjaya)
4. Abdul Alim Abdullah (Chief Executive Officer / Ketua Pegawai Eksekutif)
5. Hue Siew Kheng (Attorney General's Chambers / Jabatan Peguam Negara)
6. Dr. Nik Ramlah Nik Mahmood (Securities Commission / Suruhanjaya Sekuriti)
7. Selvarany Rasiah (Bursa Malaysia)
8. Philip Koh Tong Ngee (Advocate & Solicitor / Peguambela dan Peguamcara)
9. Charon Wardini Mokhzani (Deputy Chief Executive CIMB Berhad /
Timbalan Ketua Eksekutif CIMB Berhad)
10. Peter Lee Siew Choong (Advocate & Solicitor / Peguambela dan Peguamcara)
11. Eric Kang Shew Meng (Company Secretary / Setiausaha Syarikat)
12. Mat Ghani Abdullah (Prime Minister's Department / Jabatan Perdana Menteri)
13. Aslam Zainuddin (Prime Minister's Department / Jabatan Perdana Menteri)
14. Dato' Loh Siew Cheang (Advocate & Solicitor / Peguambela dan Peguamcara)
15. Lim Tian Huat (Chartered Accountant / Akauntan Bertauliah)
16. Prof. Khaw Lake Tee (University of Malaya / Universiti Malaya)
17. Assoc. Prof. Aishah Bidin (Universiti Kebangsaan Malaysia)

Audit Committee

The formation of the Audit Committee was in accordance with Section 19 of the Companies Commission of Malaysia Act 2001 (Act 614). The committee consists of 3 Members of the Commission appointed by the Chairman for a service period of 2 years. A total of 5 meetings were conducted in 2004, which is more than the prescribed minimum of 4 meetings each year. The CEO and the Head of Internal Audit usually attend these meetings, and the presence of external auditors would be requested if such a need arises. Other Members of the Commission can also be present at the invitation of the committee members.

At least once a year, the committee will meet with external auditors. The internal auditor can also request for a meeting, whenever necessary.

The Audit Committee was set up in accordance with the following terms of reference:

- To review the needs and the charter of the Internal Audit Department;
- To evaluate the ability and effectiveness of the Companies Commission's internal control system;
- To review the audit activities planned by the Internal Audit Department, including scope of work, schedules, membership and coordination of internal and external auditors;
- To inspect the reports of internal and external auditors and affirm follow-up actions to be presented to the CEO;
- To review, and advise the CEO on, matters pertaining to financial statements and other reports;
- To review, and advise the CEO on, matters pertaining to quantitative performance information on activities subject to audit and other matters which involve responsibilities determined by the Companies Commission;
- To monitor compliance on rules and regulations set by the Companies Commission;
- To ensure that the Companies Commission is always keeping up to date with current accounting standards such as those declared by the Malaysian Institute of Accountants (MIA) and the International Accounting Standards Committee (IASC);
- To carry out other functions as determined by the Companies Commission from time to time.

Jawatankuasa Audit

Pembentukan Jawatankuasa Audit adalah selaras dengan Seksyen 19 Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 (Akta 614). Jawatankuasa ini terdiri daripada 3 Anggota Suruhanjaya yang dilantik oleh Pengerusi bagi tempoh perkhidmatan selama 2 tahun. Sejumlah 5 mesyuarat diadakan pada tahun 2004, lebih daripada yang ditetapkan iaitu minimum 4 mesyuarat setiap tahun. Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Audit Dalam selalunya menghadiri mesyuarat ini, dan juruaudit luar akan diminta menghadirinya jika perlu. Anggota Suruhanjaya yang lain juga boleh menghadiri mesyuarat ini apabila dipelawa oleh ahli jawatankuasa.

Sekurang-kurangnya sekali dalam setahun, jawatankuasa akan berjumpa dengan juruaudit luar. Juruaudit dalam juga boleh memohon supaya mesyuarat diadakan, bila dirasakan perlu.

Jawatankuasa Audit diwujudkan mengikut terma rujukan berikut:

- Untuk menyemak semula keperluan dan piagam Jabatan Audit Dalam;
- Untuk menilai kemampuan dan keberkesanan sistem kawalan dalaman Suruhanjaya Syarikat;
- Untuk menyemak semula aktiviti audit yang dirancang oleh Jabatan Audit Dalam, termasuk bidang tugas, jadual, keahlian dan penyelarasan juruaudit dalam dan juruaudit luar;
- Untuk memeriksa laporan juruaudit dalam dan juruaudit luar, dan mengesahkan tindakan susulan untuk dibentangkan kepada Ketua Pegawai Eksekutif;
- Untuk menyemak semula dan menasihati Ketua Pegawai Eksekutif tentang perkara berhubung penyata kewangan dan laporan lain;
- Untuk menyemak semula dan menasihati Ketua Pegawai Eksekutif tentang perkara berhubung maklumat prestasi kuantitatif bagi aktiviti yang tertakluk kepada auditan dan perkara lain yang melibatkan tanggungjawab yang ditentukan oleh Suruhanjaya Syarikat;
- Untuk mengawasi pematuhan undang-undang dan peraturan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Syarikat;
- Untuk memastikan Suruhanjaya Syarikat sentiasa menyesuaikan pelaksanaan kerja selaras dengan perubahan ikhtisas yang berlaku dalam bidang perakaunan seperti yang diisytiharkan oleh Institut Akauntan Malaysia (MIA) dan Jawatankuasa Piawaian Perakaunan Antarabangsa (IASC);
- Untuk melaksanakan fungsi-fungsi lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Syarikat dari semasa ke semasa.

Head Office and State Offices Ibu Pejabat dan Pejabat Negeri

54

We agree with and support Prime Minister Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi's call to pursue efforts to improve the public service delivery system, so as to be efficient, transparent and accountable at all times. Our team across the nation is accessible to you, and can be reached at:

Kami menyokong seruan Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi untuk mempertingkatkan sistem perkhidmatan awam, menjadi lebih efisien, telus dan bertanggungjawab. Pasukan kami di seluruh negara amat mudah dihubungi:

HEAD OFFICE

Level 2 & 10-18, Putra Place,
100 Jalan Putra, 50622 Kuala Lumpur.
Tel : 03-4047 6000
Fax : 03-4047 6317
E-mail : enquiry@ssm.com.my

PERLIS

Rohaimi bin Abd. Manan
Level 8, Bangunan KWSP,
Jalan Bukit Lagi, 01000 Kangar, Perlis.
Tel : 04-9781877 / 9767899 /
9773182
Fax : 04-9774758
Direct Line : 04-9775712
E-mail : rohaimi@ssm.com.my

KEDAH

Muhamad Nasir bin Zakaria
Level 10, Menara Sentosa,
Jalan Tunku Ibrahim,
05621 Alor Setar, Kedah.
Tel : 04-7330111
Fax : 04-7315517
Direct Line : 04-7316037
E-mail : nasir@ssm.com.my

PULAU PINANG

Wan Abdul Rahim bin Wan Daud
Level 6-7, Bangunan KWSP,
No. 3009, Off Leboh Tenggiri 2,
Bandar Seberang Jaya, 13700 Pulau Pinang.
Tel : 04-3977793
Fax : 04-3977713
E-mail : wrahim@ssm.com.my

PERAK

Ghazali bin Ismail
Level 2C, Greentown Mall,
Jalan Hospital, 30450 Ipoh, Perak.
Tel : 05-2416900 / 2547913 /
2533071
Fax : 05-2557162
E-mail : ghazalii@ssm.com.my

SELANGOR

Samsudin bin Md. Jani
Level 3 & 4, Plaza Alam Sentral, Jalan Majlis,
Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor.
Tel : 03-55116500 / 55139570 /
55135997 / 55133976
Fax : 03-55104200 (Level 3) /
03-55106200 (Level 4)
Direct Line : 03-55103646
E-mail : samsudin@ssm.com.my

MELAKA

Rosli bin Haji Ahmad
Suite 7.2, Level 6 & 7,
Bangunan Yayasan Melaka,
Off Jalan Hang Tuah,
75300 Melaka.
Tel : 06-2840720 / 2821822
Fax : 06-2821634
E-mail : arosli@ssm.com.my

NEGERI SEMBILAN

Ahmad Shatar bin Azizan
Wisma Fook Loong,
Jalan Dato' Abdul Rahman,
70000 Seremban, Negeri Sembilan.
Tel : 06-7655877 / 7619098
Fax : 06-7645598 (Level 1) /
06-7641885 (Level 2)
Direct Line : 06-7615506
E-mail : ashatar@ssm.com.my

JOHOR

Abu Hassan bin Kasim
Podium 4B & 5, Menara Ansar,
65 Jalan Trus, 80000 Johor Bahru, Johor.
Tel : 07-2233589 / 2244710 /
2244708
Fax : 07-2241714 / 2248169
E-mail : abu@ssm.com.my

PAHANG

Hairul Anuar bin Yasin
Lots 202-216, Level 2, Block B,
Kuantan Centre Point,
Jalan Haji Abdul Rahman,
25000 Kuantan, Pahang.
Tel : 09-5164866 / 5164600
Fax : 09-5161869 / 5163316
E-mail : hairul@ssm.com.my

TERENGGANU

Zainudin bin Zarin
Level 6-7, Menara Yayasan Islam,
Jalan Sultan Omar,
20300 Kuala Terengganu, Terengganu.
Tel : 09-6237170 / 6237127 /
6240721
Fax : 09-6230945 / 623717
E-mail : zainudinz@ssm.com.my

KELANTAN

Najib bin Abu Samah
Level 2, 3 & 4, Kota Sri Mutiara,
Jalan Sultan Yahya Petra,
15150 Kota Bharu, Kelantan.
Tel : 09-7482860 / 7484599
Fax : 09-7447622 / 7472607
E-mail : najib@ssm.com.my

SARAWAK

Sulaiman bin Sarto
Level 2 & 3, Wisma STA,
26 Jalan Datuk Abang Abdul Rahim,
93450 Kuching, Sarawak.
Tel : 082-481499
Fax : 082-334622
E-mail : sulaimans@ssm.com.my

WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

Mohd Arif bin Hamzah
No. 6A1 & 6A2, Level 6, Block 4,
Kompleks Ujana Kewangan,
Jalan Merdeka,
87000 Wilayah Persekutuan Labuan.
Tel : 087-414100
Fax : 087-414152
E-mail : arifh@ssm.com.my

SABAH

Rosnah bt. Ali
Level 4, Menara MAA,
6 Lorong Api-Api,
Locked Bag 2039,
88999 Kota Kinabalu, Sabah.
Tel : 088-233551 / 233346
Fax : 088-237884
E-mail : rosناه@ssm.com.my

Client Service Charter Piagam Pelanggan

SETTING HIGH STANDARDS FOR PERFORMANCE DELIVERY

The Companies Commission is committed to the standards set out in the Client Service Charter as well as efforts to improve our services to our customers in all ways. The performance of every staff in service delivery is measured against the Charter which in turn allows us to maintain our focus on the needs of customers at all times.

Our Client Service Charter informs everyone of the standards of service which they can expect from us. Customers and members of the public are encouraged to voice their comments on the performance of frontline staff through the Customer Evaluation Forms (Customer Feedback Surveys) which are available at all counters and serve as an avenue for comments on staff performance, problems and complaints.

The successful roll-out of the CBS for the ROB has reduced the waiting period for customers as the new web-based server system allows prompt retrieval of data at each workstation and faster/multiple processing of documents for each application received. The scheduled roll-out of the CBS for the ROC in April 2005 will complete the Companies Commission's efforts to upgrade to an efficient and fully integrated system that is connected in real time across all branches. With this singular aim to improve our service delivery standards, we have since experienced and recorded good productivity results. In view of this, we will be reviewing the Client Service Charter in 2005 to reflect our new efficiencies.

(The new CBS for the ROB has reduced waiting time for the supply of business information from 30 to 15 minutes, and for renewal of business registration from 30 to 4 minutes.)

MENETAPKAN PIAWAIAN PRESTASI YANG TINGGI

Suruhanjaya Syarikat komited terhadap piawaian yang tercatat di dalam Piagam Pelanggan, dan juga terhadap usaha meningkatkan perkhidmatan dalam segala cara. Prestasi setiap warga kerja diukur berdasarkan Piagam dan ini membolehkan kami terus memberikan perhatian kepada keperluan pelanggan pada setiap masa.

Piagam Pelanggan kami memberitahu setiap orang mengenai tahap perkhidmatan yang boleh mereka jangkakan daripada kami. Pelanggan dan orang ramai digalakkan untuk menyuarakan pendapat tentang prestasi warga kerja barisan hadapan melalui Borang Penilaian Pelanggan (Tinjauan Maklum Balas Pelanggan) yang boleh didapati di semua kaunter, yang juga sebagai saluran bagi komen ke atas prestasi warga kerja, masalah serta aduan.

Kejayaan pelancaran Sistem Syarikat dan Perniagaan untuk Pendaftaran Perniagaan (CBS ROB) telah mengurangkan waktu menunggu bagi pelanggan apabila sistem server berasaskan web membolehkan dapatan kembali data dibuat dengan pantas di setiap stesen kerja dan mempercepatkan/menggandakan pemprosesan dokumen bagi setiap permohonan yang diterima. Pelancaran Sistem Syarikat dan Perniagaan untuk Pendaftaran Syarikat (CBS ROC) yang dijadualkan pada April 2005 akan menyempurnakan usaha Suruhanjaya Syarikat ke arah sistem yang efisien dan bersepadu, yang sentiasa berhubung merentasi semua cawangan. Dengan satu matlamat untuk meningkatkan taraf perkhidmatan kami, pelbagai keputusan produktiviti yang baik telah berjaya diperolehi. Sehubungan itu, kami akan menyemak semula Piagam Pelanggan pada tahun 2005 agar mencerminkan keterampilan baru kami.

(Sistem Perkhidmatan Syarikat dan Perniagaan yang baru untuk Pendaftaran Perniagaan telah mengurangkan waktu menunggu dan pembekalan maklumat perniagaan daripada 30 kepada 15 minit, dan bagi pembaharuan pendaftaran perniagaan daripada 30 kepada 4 minit.)

CLIENT SERVICE CHARTER (to be reviewed in 2005)

The Companies Commission undertakes to process, approve and register a complete application in a speedy and efficient manner within the time period stated as follows:

Activity	Time
Registration of business	3 days
Renewal of business registration	1 hour
Termination of business	1 day
Issue letter for approval of company name	5 days
Issue certificate for incorporation of a new company	5 days
Issue certificate for conversion of status	5 days
Issue certificate for change of company name	5 days
Issue certificate for commencement of business	5 days
Issue certificate for registration of charges	5 days
Issue certificate for approval of trust deeds / prospectuses	14 days

We promise to provide company and/or business information for each complete application in a speedy, accurate and efficient manner within the time period stated as follows:

Activity	Time
Supply company/business information via computer printout	1 hour
Uncertified copy of company documents	1 hour
Certified copy of company documents	3 hours

We provide computer amenities to facilitate the search of company and business names registered with the Companies Commission.

We ensure that all inspection, investigation and prosecution will be carried out with justice and without prejudice in accordance with provisions of the laws to protect investors and creditors, and to ensure healthy development of the corporate and business sectors.

note

Information Available For All

A range of booklets and brochures aimed at better equipping the general public on fundamental guidelines for a variety of requirements can be picked up from the head office and state offices. This information is also accessible to the public via the Companies Commission's corporate website (www.ssm.com.my). Guidelines which have been published include:

- Registration Guide for a Local Company
- Registration Guide for a Foreign Company
- Registration Guide for a Sole Proprietorship
- Registration Guide for a Partnership
- *Pemerbadanan Syarikat-Syarikat Kebajikan dan Lain-Lain Syarikat Yang Dilesenkan oleh Menteri di bawah Seksyen 24 Akta Syarikat 1965*
- Code of Ethics for a Company Director
- Code of Ethics for a Company Secretary



PIAGAM PELANGGAN (akan disemak semula pada tahun 2005)

Suruhanjaya Syarikat memproses, meluluskan dan mendaftarkan permohonan yang lengkap dengan pantas dan efisien dalam tempoh seperti di bawah:

Aktiviti	Masa
Pendaftaran perniagaan	3 hari
Pembaharuan pendaftaran perniagaan	1 jam
Penamatan perniagaan	1 hari
Mengeluarkan surat kelulusan nama syarikat	5 hari
Mengeluarkan sijil pemerbadanan syarikat baru	5 hari
Mengeluarkan sijil penukaran status	5 hari
Mengeluarkan sijil menukar nama syarikat	5 hari
Mengeluarkan sijil memulakan perniagaan	5 hari
Mengeluarkan sijil pendaftaran caj	5 hari
Mengeluarkan sijil kelulusan prospektus	14 hari

Kami berjanji untuk menyediakan maklumat syarikat dan/atau perniagaan untuk setiap permohonan yang lengkap dengan pantas, tepat dan berkesan dalam tempoh seperti di bawah:

Aktiviti	Masa
Membekal maklumat syarikat/perniagaan melalui cetakan komputer	1 jam
Salinan dokumen syarikat yang tidak disahkan	1 jam
Salinan dokumen syarikat yang disahkan	3 jam

Kami menyediakan kemudahan komputer untuk memudahkan pelanggan membuat carian nama syarikat dan perniagaan yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat.

Kami memastikan semua pemeriksaan, penyelidikan dan pendakwaan dilakukan dengan adil tanpa prasangka selaras dengan peruntukan undang-undang yang melindungi pelabur dan pemiutang, dan bagi memastikan pembangunan yang sihat di dalam sektor korporat dan perniagaan.

nota

Maklumat Tersedia Untuk Umum

Pelbagai buku kecil dan risalah yang diterbitkan untuk melengkapkan masyarakat umum dengan garis panduan asas bagi pelbagai keperluan boleh diperolehi di ibu pejabat dan pejabat negeri.

Maklumat ini juga boleh diperolehi dari laman web korporat Suruhanjaya Syarikat (www.ssm.com.my). Garis panduan yang telah diterbitkan termasuk:

- Panduan Pendaftaran Syarikat Tempatan
- Panduan Pendaftaran Syarikat Asing
- Panduan Pendaftaran Milik Tunggal
- Panduan Pendaftaran Perkongsian
- Pemerbadanan Syarikat-Syarikat Kebajikan dan Lain-Lain Syarikat Yang Dilesenkan oleh Menteri di bawah Seksyen 24 Akta Syarikat 1965
- Kod Etika Pengarah Syarikat
- Kod Etika Setiausaha Syarikat

Review of 2004 Tinjauan Tahun 2004

60

The Companies Commission has made significant progress for all its key strategic initiatives that were carefully articulated in 2003, all of which took into account then-current actual, as well as future expected changes in the real world of commerce. These significant programmes were planned to address several strategic areas at the outset when the strategic direction was determined, and have since been continuously implemented in 2004.

To keep in pace with globalisation and the liberalisation of world trade, emphasis was put on developmental aspects such as human resource development, technology, legal, research and the creation of a collaborative network with similar bodies, both locally and abroad.

MAJOR ACHIEVEMENTS

Automation Projects

The new Company and Business System (CBS) for the ROB was successfully implemented in 2004. This has resulted in better quality of services for our customers as well as greater data security. All valuable corporate and business information safeguarded by the Companies Commission for the government and the public have also been backed up and stored in a separate and secured locality.

A nationwide roll-out of the CBS for the ROC is targeted to take place in April 2005.

Suruhanjaya Syarikat berjaya melaksanakan inisiatif strategik utama yang telah dirancang dengan teliti pada tahun 2003, dengan mengambil kira perubahan sebenar dahulu dan kini, serta perubahan yang dijangka berlaku dalam dunia sebenar perdagangan. Program penting ini telah dirancang untuk menangani beberapa bidang strategik, pada permulaan hala tuju strategik ditetapkan, dan telah dilaksanakan di sepanjang tahun 2004.

Untuk bersaing dengan globalisasi dan liberalisasi dunia perdagangan, penekanan diberikan kepada aspek pembangunan seperti pembangunan sumber manusia, teknologi, undang-undang, penyelidikan dan pewujudan rangkaian kerjasama dengan badan-badan yang serupa di dalam dan luar negara.

PENCAPAIAN UTAMA

Projek Automasi

Sistem Syarikat dan Perniagaan yang baru untuk Pendaftaran Perniagaan (CBS ROB) telah berjaya dilaksanakan pada tahun 2004. Melaluinya, kualiti perkhidmatan yang lebih baik dan tahap keselamatan data yang lebih tinggi telah berjaya dicapai. Semua maklumat korporat dan perniagaan yang berharga dilindungi oleh Suruhanjaya Syarikat bagi kerajaan dan awam, juga mempunyai salinan dan disimpan di tempat berasingan dan selamat.

Sistem Syarikat dan Perniagaan untuk Pendaftaran Syarikat (CBS ROC) disasarkan untuk dijalankan di seluruh negara pada April 2005.

WAITING TIME GREATLY REDUCED BY THE NEW CBS FOR THE ROB

	2003	2004 (using the new CBS for the ROB)	Reduction in Waiting Time
Waiting Time for Supply of Business Information	30 minutes	15 minutes	15 minutes or 50%
Waiting Time for Renewal of Business Registration	30 minutes	4 minutes	26 minutes or 87%

We are ready to deliver sustainable quality services to our customers in a timely and effective manner.

Compliance and Legal Activities

Surveillance, inspection and enforcement activities were fortified in 2004 to increase the compliance rate in the submission of annual returns. The Companies Commission also embarked on a campaign to increase public awareness for compliance through a series of advertisements which were published in major newspapers and complemented by numerous surveillance operations and statutory inspections.

The various initiatives by the Companies Commission throughout the year helped improve the compliance rate from 44% in 2003 to 64% in 2004.

Public Awareness Campaign in 2004
Kempen Kesedaran Media pada Tahun 2004

SSM dakwa 1,944 syarikat

SSM peroleh tambahan pendapatan RM250.13j

671,780 syarikat baru didaftar

PERHATIAN
SUDAHKAN ANDA MEMATUHI KEHENDAK AKTA SYARIKAT 1965
AKTA PENDAFTARAN PERNIAGAAN 1956?
ANTARA LAINNYA:
1. Mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan
2. Menyeyorahkan Penyata Tahunan
3. Membentangkan Penyata Pendapatan Dan Kunci Kira-Kira
4. Mempamerkan Nama Syarikat Dengan Betul
5. Mencetak Nama Dan Nombor Syarikat Di Dalam Semua Dokumen Rasmi Syarikat

AKTA PENDAFTARAN PERNIAGAAN 1956

INGAT DAN BERTINDAK SEGERA!
Tindakan Tegus Terhadap Mana-Mana Pihak Yang Gagal Mematuhi Kehendak Di Atas

ELAKKAN TINDAKAN MAHKAMAH, HUKUMAN DENDA ATAU

WAKTU MENUNGGU DIJIMATKAN MELALUI SISTEM PERNIAGAAN SYARIKAT YANG BARU UNTUK PENDAFTARAN PERNIAGAAN

	2003	2004 (dengan CBS baru untuk Pendaftaran Perniagaan)	Pengurangan Waktu Menunggu
Waktu Menunggu untuk Pembekalan Maklumat Perniagaan	30 minit	15 minit	15 minit atau 50%
Waktu Menunggu untuk Pembaharuan Pendaftaran Perniagaan	30 minit	4 minit	26 minit atau 87%

Kami bersedia memberi perkhidmatan berkualiti yang berterusan kepada para pelanggan kami, secara berkesan dan tepat pada waktunya.

Aktiviti Pematuhan dan Undang-Undang

Pada tahun 2004, aktiviti pengawasan, pemeriksaan dan penguatkuasaan telah diperkukuhkan bagi meningkatkan kadar pematuhan dalam penyerahan penyata tahunan. Suruhanjaya Syarikat melancarkan kempen bagi meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai pematuhan melalui beberapa siri iklan di dalam akhbar-akhbar utama dan diperkuatkan lagi dengan operasi-operasi pengawasan dan pemeriksaan undang-undang.

Pelbagai inisiatif oleh Suruhanjaya Syarikat di sepanjang tahun membantu meningkatkan kadar pematuhan daripada 44% pada tahun 2003 kepada 64% pada tahun 2004.

Change Management Programme

The Change Management Programme is a formal agenda to address the issue of change at an organisation-wide level. It is aimed at helping our team members nurture a new mindset in order to fully prepare them to embrace and cope with change. A consultancy firm was commissioned to assist the Companies Commission to implement a modern new mindset through strategic staff motivation and training. The list of major work steps which were successfully completed in 2004 include:

- assessing change readiness;
- developing the change management strategy and plan;
- developing a communication strategy and plan;
- developing a network of change agents; and
- rolling out of change initiatives.

As at April 2004, the management team has taken the lead in continuing the roll-out of these change initiatives. Specifically, the following initiatives have been performed:

- setting up a Programme Management Office (PMO);
- setting up a change agent network with the CEO as the Change Champion;
- developing a communication strategy and plan through the dissemination of a news bulletin.

A similar programme to address aspects of IT was also in place to help staff cope with the new IT systems and new work procedures under a technology-enabled environment which have arisen as a result of the IT migration project.

Formal change management programmes with input from external consultants improve understanding and facilitate the execution of roles and responsibilities required by the new organisation structure and technology-based work environment.

Program Pengurusan Perubahan

Program Pengurusan Perubahan adalah agenda rasmi untuk menangani isu perubahan di seluruh peringkat organisasi. Matlamatnya ialah membantu mempupuk sikap baru di kalangan warga kerja kami sebagai persiapan menerima dan menghadapi perubahan. Sebuah firma konsultan ditugaskan untuk membantu Suruhanjaya Syarikat melaksanakan perubahan sikap baru yang moden melalui motivasi dan latihan warga kerja yang strategik. Senarai langkah kerja utama yang berjaya dilaksanakan pada tahun 2004 merangkumi:

- menilai kesediaan perubahan;
- membangunkan strategi dan pelan pengurusan perubahan;
- membangunkan pelan dan strategi komunikasi;
- membangunkan rangkaian ejen perubahan; dan
- melancarkan inisiatif perubahan.

Setakat April 2004, pasukan pengurusan memainkan peranan utama dalam meneruskan pelaksanaan inisiatif perubahan ini. Secara khusus, inisiatif berikut telah pun dilaksanakan:

- menubuhkan Pejabat Pengurusan Program (PMO);
- mewujudkan rangkaian ejen perubahan dengan Ketua Pegawai Eksekutif sebagai Pemimpin Perubahan;
- membangunkan strategi dan pelan komunikasi melalui penyebaran risalah berita.

Program yang serupa untuk mengendalikan aspek Teknologi Maklumat turut disusun bagi membantu warga kerja menyesuaikan diri dengan sistem Teknologi Maklumat yang baru dan prosedur kerja yang baru di dalam persekitaran berteknologi, kesan daripada projek migrasi Teknologi Maklumat.

(Program pengurusan perubahan rasmi dengan input daripada perunding luar meningkatkan persefahaman dan memudahkan pelaksanaan tugas dan tanggungjawab yang dituntut oleh struktur organisasi baru dan persekitaran kerja berteknologi.)

Human Resources

The main focus of this new department in 2004 was on organisation development. Recruitment to fill vacant positions was carried out during the year, resulting in a staff strength of 879 at the end of the year. Learning and development schemes were planned in 2004 and will be rolled-out as a series of training programmes in 2005. Much emphasis was placed on developing the rewards and performance management programme, where a new appraisal system and a pay and benefits benchmarking study were initiated.

Completion of renovation projects at all state offices during the year has resulted in a more conducive working environment and marked improvement in staff morale. To further improve the channel of communication between the management team and all staff, the *Majlis Bersama Jabatan* was established, in line with targets for a planned and managed communication process to enhance employee and industrial relations. Employee welfare activities such as Family Day and other sporting activities were also organised to promote the Companies Commission as a caring employer as well as to encourage staff cohesiveness.

Consistent with its efforts to improve productivity and efficiency, the Companies Commission has embarked on 3 main initiatives to further improve its human resource competitiveness:

- A review of the job grading and salary structure was conducted with the aim of addressing internal and external equity issues in order to maintain current, as well as better attract, quality and high calibre employees to the Companies Commission.
- The Performance Management/Appraisal System was installed to efficiently manage the Companies Commission's reward management system and improve productivity. The aim of this project is to steer all staff towards a performance-driven work culture and move away from sole reliance on traditional ideals of value such as seniority or length of service.
- Implementation of the Human Resource Information System (HRIS) which automates all employee records was completed thus allowing faster and more efficient retrieval of records for decision-making.

We are determined to achieve a modern new mindset of competitiveness and productivity through strategic staff motivation and training.

Sumber Manusia

Pada tahun 2004, fokus utama bahagian ini ialah terhadap pembangunan organisasi. Perekrutan untuk mengisi jawatan kosong dilakukan pada tahun berkenaan, menyaksikan kekuatan warga kerja seramai 879 orang pada penghujung tahun. Skim latihan dan pembangunan dirancang pada tahun 2004 dan akan dilaksanakan sebagai suatu siri program latihan pada tahun 2005. Tumpuan diberikan kepada pembangunan program pengurusan ganjaran dan prestasi, yang mana sistem penilaian baru dan kajian ukur tara pemberian gaji dan manfaat telah dimulakan.

Penyempurnaan projek pengubahsuaian semua pejabat negeri pada tahun berkenaan menghasilkan persekitaran bekerja yang lebih kondusif dan memperlihatkan peningkatan moral warga kerja. Bagi memperbaiki saluran komunikasi di antara pasukan pengurusan dengan semua warga kerja, Majlis Bersama Jabatan diperkenalkan, selari dengan matlamat untuk mencapai proses komunikasi yang terancang dan terus bagi memajukan warga kerja dan perhubungan perindustrian. Aktiviti kebajikan warga kerja seperti Hari Keluarga dan kegiatan lain dianjurkan untuk memberikan Suruhanjaya Syarikat imej majikan prihatin di samping menggalakkan perpaduan sesama warga kerjanya.

Konsisten dalam usaha meningkatkan produktiviti dan kecekapannya, Suruhanjaya Syarikat telah memulakan 3 inisiatif utama untuk terus mempertingkatkan daya saing sumber manusianya.

- Kajian semula ke atas gred tugas dan struktur gaji telah dijalankan dengan tujuan untuk menangani isu-isu ekuiti dalaman dan luaran bagi mengekalkan aliran dan juga menarik minat warga kerja berpotensi yang berkualiti dan berwibawa untuk menyertai Suruhanjaya Syarikat.
- Sistem Pengurusan Prestasi/Penilaian telah diwujudkan untuk menguruskan sistem pengurusan ganjaran dan meningkatkan produktiviti Suruhanjaya Syarikat secara efisien. Matlamat projek ini ialah untuk memimpin semua warga kerja ke arah budaya kerja didorongi prestasi dan meninggalkan pegangan prinsip nilai tradisi seperti kekananan dan tempoh perkhidmatan.
- Pelaksanaan Sistem Pengurusan Sumber Manusia (HRSM) yang mengautomasi semua rekod warga kerja telah pun siap dan membolehkan dapatan kembali rekod dilakukan dengan lebih pantas dan efisien bagi membuat keputusan.

(Kami bertekad untuk mencapai satu pendekatan baru yang moden, berdaya saing dan produktiviti menerusi motivasi dan latihan warga kerja yang strategik.)

New State Offices

3 new branch offices were set up in Shah Alam, Seremban and Kangar, and have been fully operational since August 2004.

The Companies Commission now has its own local office in every state in both Peninsular and East Malaysia.

Internal Audit

The Internal Audit Department focussed on its core objectives and targets in 2004 to achieve good corporate governance for the Companies Commission. These activities include evaluating the ability and effectiveness of the Companies Commission's internal control system, reviewing routine and specific audit activities, and ensuring that the Companies Commission keeps up to date with current accounting standards such as those declared by the Malaysian Institute of Accountants (MIA). This department was also responsible for reviewing and advising the CEO on matters related to financial statements and other reports as well as on quantitative performance information regarding activities which are subject to audit.

We ensure accountability through increased and responsible self-supervision under a stringent system of quality and control.

Document Scanning and Record Management

The first phase of the back scanning project involving 48 million documents for the ROC has enabled the Companies Commission to have easier access to readily available accurate and up-to-date information in a paperless (without quality deterioration) environment, thus equipping frontline staff to present an image of prompt and efficient service when retrieving information for the general public. The second phase of this project, for both the ROC as well as the ROB, commenced in September. This is complemented with an ongoing exercise to clean-up the archives (verify accuracy and update data) in our database.

We have been auditing and developing our archive system to improve levels of performance and service.

Pejabat Negeri yang Baru

3 pejabat cawangan yang baru ditubuhkan di Shah Alam, Seremban dan Kangar, telah beroperasi sepenuhnya sejak Ogos 2004.

(Kini Suruhanjaya Syarikat mempunyai pejabat negeri setempat di setiap negeri di seluruh Malaysia.)

Audit Dalam

Pada tahun 2004, Bahagian Audit Dalam telah memberi tumpuan kepada objektif teras dan sasarannya untuk mencapai amalan tadbir urus korporat yang baik bagi Suruhanjaya Syarikat. Aktiviti ini termasuklah menilai kemampuan dan keberkesanan sistem kawalan dalaman Suruhanjaya Syarikat, mengkaji aktiviti rutin dan khusus audit, dan memastikan Suruhanjaya Syarikat sentiasa menyesuaikan pelaksanaan kerja selaras dengan perubahan ikhtisas yang berlaku dalam bidang perakaunan seperti yang diisytiharkan oleh Institut Akauntan Malaysia (MIA). Bahagian ini turut bertanggungjawab menyemak semula dan menasihati Ketua Pegawai Eksekutif tentang perkara berhubung penyata kewangan dan laporan lain serta perkara mengenai maklumat prestasi kuantitatif berkaitan aktiviti yang tertakluk kepada auditan.

(Kami memastikan akauntabiliti menerusi penyeliaan sendiri yang dipertingkatkan dan bertanggungjawab di bawah sistem kualiti dan kawalan yang ketat.)

Pengimbasan Dokumen dan Pengurusan Rekod

Fasa pertama projek pengimbasan yang melibatkan 48 juta dokumen untuk Pendaftar Syarikat, membolehkan Suruhanjaya Syarikat dengan lebih mudah mengakses maklumat tepat dan terkini yang sedia ada di dalam persekitaran tanpa memerlukan kertas (di samping tidak menjejaskan kualiti), sekali gus melengkapkan warga kerja barisan hadapan untuk mempamerkan imej perkhidmatan yang pantas dan efisien apabila membekalkan maklumat untuk orang awam. Fasa kedua projek ini dimulakan pada September, untuk kedua-dua Pendaftaran Syarikat dan Pendaftaran Perniagaan. Ia lengkap dengan pelaksanaan pembersihan arkib (bagi mengesahkan ketepatan dan mengemaskini data) di dalam pangkalan data kami.

(Kami telah mengaudit dan membangunkan sistem arkib kami untuk mempertingkatkan tahap prestasi dan perkhidmatan.)

Special Projects Projek Khas

IT Migration and Other IT Projects

The new CBS for the ROB was simultaneously implemented across the nation on 21 June 2004 after pilot testing in Labuan, Perak and the head office to allow troubleshooting of initial problems. This was a major feat and one of the larger components of the IT migration project. Notwithstanding the initial inevitable teething problems such as temporary disruptions when the general public could not access the web-based name search facility or renew their business registration forms at the post office, subsequent internal and external feedback have indicated much delight with the quicker service (less waiting time) and reduced repetition of work. The ROB has also reported positive feedback as staff familiarised themselves with the new procedures and workflow methodologies which are more systematic and efficient, such as that of the renewal of business registration forms (Form D) where payment and issuing of the certificate can now be transacted at a single counter at the same time as opposed to the delays caused by 'double queuing' when the old information system was used. Improvements in delivery time have been recorded during the year. All front-line service counters at the state offices will be transformed into one-stop counters upon completion of the IT migration project, with the nationwide roll-out of the CBS for the ROC in April 2005.

New initiatives include a telecommunications and networking upgrade for the wide area network (WAN) or SSMNet to support the transmission of multimedia-based files in early 2004, the widening of bandwidth for connection to the mainframe system which supports all activities of the Companies Commission to better bridge the communication between Dayabumi Complex and the head office, and a WiFi (Wireless Fidelity) initiative which allows the flexibility of connectivity but without the clutter of unsightly wires during the middle of the year.

Projek Migrasi Teknologi Maklumat dan Projek Teknologi Maklumat Yang Lain

Sistem Syarikat dan Perniagaan untuk Pendaftaran Perniagaan (CBS ROB) telah dilaksanakan serentak di seluruh negara pada 21 Jun 2004 setelah diuji di Labuan, Perak dan di ibu pejabat bagi menyelesaikan masalah awal. Ia merupakan kejayaan yang mengagumkan dan salah satu daripada komponen besar projek migrasi Teknologi Maklumat. Walaupun masalah awal tidak dapat dielakkan seperti gangguan sementara apabila orang awam tidak mendapat akses kepada kemudahan berasaskan web untuk carian nama atau memperbaharui borang pendaftaran perniagaan mereka di pejabat pos, maklum balas dalam dan luar yang berikutnya menunjukkan kepuasan atas perkhidmatan yang lebih cepat (waktu menunggu yang lebih singkat) dan kurangnya pengulangan di dalam setiap urusan. Pendaftar Perniagaan turut melaporkan maklum balas positif apabila warga kerja berjaya membiasakan diri dengan prosedur dan metodologi aliran kerja baru yang lebih sistematik dan efisien seperti pembaharuan borang pendaftaran perniagaan (Borang D) yang mana pembayaran dan pengeluaran sijil kini boleh dilakukan di satu kaunter pada masa yang sama dan pelanggan tidak perlu lagi beratur dua kali sebagaimana ketika sistem maklumat yang lama digunakan. Kesemua kaunter perkhidmatan di pejabat negeri akan diubah menjadi kaunter hentian setempat setelah projek migrasi Teknologi Maklumat siap, dengan pelancaran Sistem Syarikat dan Perniagaan untuk Pendaftaran Syarikat (CBS ROC) pada April 2005 ke seluruh negara.

Inisiatif baru meliputi peningkatan telekomunikasi dan rangkaian untuk rangkaian kawasan luas (WAN) atau SSMNet untuk menyokong transmisi fail berasaskan multimedia pada awal tahun 2004, meluaskan jalur lebar untuk sambungan kepada sistem kerangka utama yang menyokong semua aktiviti Suruhanjaya Syarikat untuk meningkatkan komunikasi di antara Kompleks Dayabumi dan ibu pejabat, dan inisiatif Ketepatan Wayarles (WiFi) yang membolehkan keflexibelan sambungan tanpa wayar yang menyerabutkan pandangan, pada pertengahan tahun tersebut.

Laman web korporat yang diubah suai dengan akses umum kepada pangkalan data carian nama automatik, pembelian perkakasan baru, migrasi sistem pengimejan SAFARI kepada platform baru, tender umum untuk meningkatkan sistem IDAMAN serta Sistem Pengurusan Sumber Manusia dan Kewangan, dan pelaksanaan perkhidmatan operasi dan sokongan termasuk meja bantuan Teknologi Maklumat yang dimulakan pada tahun 2004. Kesemuanya adalah untuk memperkenalkan konsep dan sistem tugas yang baru ke arah perkhidmatan yang lebih baik. Penekanan turut diberikan kepada Pelan Pemulihan Bencana, yang mana 2 sesi latihan simulasi telah dijalankan pada tahun berkenaan, dengan hasil yang

A revamped corporate website with public access to an automated name search database, procurement of new hardware, migration of the SAFARI imaging system to a new platform, public tenders to upgrade the IDAMAN system as well as the Human Resource and Financial Management System and implementation of other operations and support services including an IT helpdesk were initiated in 2004. These are aimed at introducing new concepts and work systems for better delivery of services. Emphasis was also placed on the Disaster Recovery Plan, whereby 2 simulation training sessions were conducted during the year, with results indicating that our officers are capable of recovering the system if such dire conditions do set in. Collaboration on e-government electronic services commenced at the end of 2004, starting with a partnership with Pos Malaysia Berhad, which now serves as an intermediary service provider to enable greater convenience for our customers.

The use of powerful electronic applications and modern processing systems improve connectivity and productivity at work.

Business/Action Plans and KPIs

Department business/action plans have been set out in order to ensure that all employees of the Companies Commission are focused on the strategic direction and achievement of the vision and mission statements. Tangible deliverables for each department consist of 4 specific aspects:

- actionable and realistic objectives;
- critical processes;
- Key Performance Indicators (KPIs); and
- business/action plans.

All business/action plans are 'live' documents to be reviewed on a regular basis in order for variances between planned (the 'to be' position) and actual (the 'as is' position) performance to be rectified promptly.

The realigned KPIs were finalised by the Project Steering Committee on 7 June 2004 for the top tiers of executives, which included the CEO, both Directors, as well as the heads of departments.

With specific and realistic business/action plans in place, staff is able to deliver their respective job functions according to clear and measurable KPIs.

menunjukkan bahawa para pegawai kami berupaya memulihkan sistem berkenaan sekiranya keadaan benar-benar memerlukan. Kerjasama dalam bidang perkhidmatan elektronik e-kerajaan telah dilancarkan pada penghujung tahun 2004 bagi memberi kemudahan kepada para pelanggan kami, bermula dengan perkongsian bersama Pos Malaysia Berhad iaitu pembekal perkhidmatan pengantara.

(Penggunaan aplikasi elektronik dan sistem pemprosesan yang moden berjaya meningkatkan kesalinghubungan dan produktiviti di tempat kerja.)

Pelan Perniagaan/Tindakan dan Petunjuk Pencapaian Utama

Pelan perniagaan/tindakan jabatan diatur bagi memastikan semua warga kerja Suruhanjaya Syarikat menumpukan perhatian terhadap hala tuju strategik dan pencapaian kenyataan visi dan misi. Perkara yang perlu dilaksanakan oleh setiap jabatan terdiri daripada 4 aspek khusus:

- objektif yang realistik dan boleh dicapai;
- proses kritikal;
- Petunjuk Pencapaian Utama; dan
- pelan perniagaan/tindakan.

Semua pelan perniagaan/tindakan adalah dokumen 'hidup' untuk disemak semula secara tetap supaya keberlinaan di antara prestasi dirancang (posisi yang diharapkan) dan prestasi sebenar (posisi kini), dapat dibetulkan segera.

Penyusunan semula Petunjuk Pencapaian Utama telah disempurnakan oleh Jawatankuasa Pemandu Projek pada 7 Jun 2004 untuk eksekutif peringkat tertinggi, termasuk Ketua Pegawai Eksekutif, kedua-dua Pengarah serta ketua-ketua jabatan.

(Dengan adanya pelan perniagaan/tindakan yang khusus dan realistik, kakitangan mampu melaksanakan fungsi tugas masing-masing mengikut Petunjuk Pencapaian Utama yang jelas dan boleh diukur.)

Struktur Organisasi Baru

Penyusunan semula struktur organisasi telah disahkan oleh Anggota Suruhanjaya pada 17 Februari 2004. Pelaksanaan struktur baru ini ke semua pejabat negeri Suruhanjaya Syarikat di seluruh negara akan diterajui oleh Ketua Jabatan Sumber Manusia. (Struktur organisasi baru ini boleh dilihat di halaman 35.) Struktur baru ini bermatlamat untuk menyediakan sumber yang mencukupi dan sesuai bagi memastikan keefisienan dan produktiviti maksimum. Struktur ini dihasilkan setelah kajian mendalam dibuat ke atas proses perniagaan, aliran kerja dan keperluan sebenar, sebagai asas yang praktikal dan kukuh bagi mendukung usaha untuk merealisasikan fungsi, objektif dan jangkaan kami dalam mencapai visi korporat kami. Pada masa yang sama, struktur organisasi yang baru ini mampu menawarkan laluan laporan yang jelas bagi meningkatkan dan menggalakkan tanggungjawab dan akauntabiliti di dalam Suruhanjaya Syarikat.

Program Semakan Semula Undang-Undang Korporat

Matlamat Program Semakan Semula Undang-Undang Korporat di Malaysia ialah:

- mewujudkan struktur undang-undang dan pengawalan yang akan memudahkan perniagaan; dan
- menggalakkan akauntabiliti dan perlindungan pengarah dan ahli korporat dengan mengambil kira kepentingan pihak-pihak berkepentingan yang lain, mengikut piawai antarabangsa.

Jawatankuasa Semakan Semula Undang-Undang Korporat dibentuk untuk menyemak undang-undang syarikat yang mengawal pembentukan, pengurusan dan penamatan syarikat (Akta Syarikat 1965) dengan mengambil kira keperluan persekitaran perniagaan domestik serta piawai global dan antarabangsa, pada masa kini dan akan datang. Matlamatnya ialah untuk membolehkan aktiviti korporat dan perniagaan di Malaysia berfungsi secara efektif kos, konsisten, telus dan kompetitif di samping mengimbangkan kewajipan, tanggungjawab dan perlindungan peserta korporat yang konsisten dengan piawai amalan tadbir urus korporat yang baik. Huraian program ini telah diterbitkan dalam bentuk kertas Rangka Kerja Strategik yang komprehensif dan mudah difahami. Jawatankuasa Semakan Semula Undang-Undang Korporat mengalu-alukan sebarang pendapat, pandangan dan penyertaan daripada pihak industri, profesional, pengamal, pakar undang-undang dan pihak lain yang berminat. Rangka Kerja Strategik boleh diperolehi secara talian terus di www.ssm.com.my.

With the CLR Programme, the Companies Commission will be able to further and better address current necessities to ensure that the corporate and business sectors are geared up to face the evolution of business practices brought about by the changing world environment.

THE REFORM PROGRAMME PROCESS



After the Steering Committee considers all feedback on the proposals, a final report will be prepared based on the recommendations and draft legislative text, if any, of each working group. The 4 working groups consist of:

- Working Group A on Companies Formation and Private Companies and Alternative Forms of Business Vehicles;
- Working Group B on Capital Raising and Capital Maintenance Rules;
- Working Group C on Corporate Governance and Shareholders' Rights; and
- Working Group D on Corporate Securities and Insolvency (and a Subgroup on Banking and Corporate Securities).


The reform programme commenced in 2004 and a Strategic Framework paper was published during the year to solicit public comments and feedback. The final report of the CLRC is anticipated to be submitted to the Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs by the end of 2006.

note

Technical Sub-committee of the CLRC : A technical sub-committee was established by the CLRC to study the recommendations of each working group and to act as a filter in ascertaining the appropriateness of each recommendation before they are submitted to the Steering Committee. This is to ensure uniformity in reporting as well as a comprehensive review of the entire CLR Programme.

Dengan Program Semakan Semula Undang-Undang Korporat, Suruhanjaya Syarikat akan dapat mengendalikan keperluan semasa bagi memastikan agar sektor korporat dan perniagaan bersedia menghadapi evolusi amalan perniagaan yang disebabkan oleh persekitaran dunia yang berubah.

PROSES PROGRAM SEMAKAN SEMULA



Setelah Jawatankuasa Pemandu menimbangkan semua maklum balas terhadap cadangan berkenaan, satu laporan akhir akan disediakan berdasarkan cadangan dan draf teks undang-undang setiap pasukan kerja, sekiranya ada. Empat Kumpulan Kerja terdiri daripada:

- Kumpulan Kerja A bagi Penubuhan Syarikat dan Syarikat Persendirian serta Bentuk Perniagaan Alternatif;
- Kumpulan Kerja B bagi Peraturan Mengumpul Modal dan Penyelenggaraan Modal;
- Kumpulan Kerja C bagi Amalan Tadbir Urus Korporat dan Hak Pemegang Saham; dan
- Kumpulan Kerja D bagi Sekuriti Korporat dan Insolvensi (dan satu kumpulan kecil bagi Perbankan dan Sekuriti Korporat).

nota

Jawatankuasa Kecil Teknikal Jawatankuasa Semakan Semula Undang-Undang Korporat : Satu Jawatankuasa Kecil Teknikal telah ditubuhkan oleh Jawatankuasa Semakan Semula Undang-Undang Korporat untuk mengkaji saranan setiap kumpulan kerja dan berperanan sebagai penyaring dalam memastikan kesesuaian setiap saranan sebelum ia diserahkan kepada Jawatankuasa Pemandu. Ini bagi memastikan keseragaman dalam pelaporan juga sebagai semakan semula komprehensif bagi keseluruhan Program Semakan Semula Undang-Undang Korporat.

Program semakan semula dimulakan pada 2004 dan satu Rangka Kerja Strategik diterbitkan pada tahun berkenaan untuk mendapatkan pendapat dan maklum balas orang ramai. Laporan akhir Jawatankuasa Semakan Semula Undang-Undang Korporat dijangka diserahkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menjelang akhir tahun 2006.

Programme Management Office (PMO)

The Head of the Corporate Policy, Planning and Development Department was assigned to lead the Programme Management Office (PMO) which has been mobilised since the end of 2004. The following projects are currently being monitored by the PMO:

- IT Migration Project;
- The Companies Commission's Business/Action Plans, the Change Management Plan, and the Implementation of the Realigned Organisation Structure;
- Development of Human Resource Initiatives;
- Corporate Law Reform Programme;
- Operationalisation of the Companies Commission Training Academy; and
- Development of the Internal Audit Department.

A training programme was conducted in the third quarter of 2004 to ensure that all Project Managers were familiar with the PMO processes and software applications.

National Integrity Plan (NIP)

The Malaysian government has adopted a 2-pronged approach in the fight against corruption by addressing both punitive and preventive aspects. While enforcement has been intensified and stiff penalties imposed against those found guilty, the preventive aspect has been emphasised with the announcement of the National Integrity Plan (NIP) by the Prime Minister on 23 April 2004 and the establishment of the Malaysian Integrity Institute to oversee that plan.

The NIP was drafted in line with the spirit and principles of the Federal Constitution, the *Rukun Negara* as well as the numerous strategic national policies which have been implemented since 1971. The plan stresses on the importance of having united, fair, democratic, liberal and progressive citizens, and is aimed at preserving ethics and integrity – key objectives of the NIP – at all times.

note

The roles and responsibilities of the PMO are:

- to develop or program a communication plan and approach for the PMO;
- to conduct a PMO orientation session on the project management methodologies and tools to be used by all projects;
- to develop the overall master plan for the Companies Commission's projects;
- to identify project interdependencies and assess the impact for each project;
- to assist in identifying potential issues and project risks;
- to monitor the progress of projects; and
- to initiate business/action plans to rectify unfavourable project variances, as well as compile and submit monthly progress reports to and conduct status reports for the Project Steering Committee and Members of the Commission.

note

The NIP is a comprehensive framework in which best practices, new mechanisms, committees and structures would be formalised and implemented to promote good governance, particularly within the public sector – a collective battle against corruption, fraud, abuse of power and inefficiency.

note

The general purpose of the NIP is to aid the realisation of Vision 2020, i.e. for Malaysia to become a fully developed nation with strong morals and ethics, intact religious and spiritual values, and supported by noble leaders and citizens of character.

n o t a

Peranan dan tanggungjawab Pejabat Pengurusan Program adalah:

- membangunkan atau merancang pelan dan pendekatan komunikasi bagi Pejabat Pengurusan Program;
- menjalankan sesi orientasi Pejabat Pengurusan Program mengenai kaedah dan alat pengurusan yang digunakan oleh semua projek;
- membangunkan pelan induk keseluruhan bagi projek-projek Suruhanjaya Syarikat;
- mengenal pasti kesalingbergantungan projek dan menilai kesan setiap projek;
- membantu mengenal pasti isu-isu dan risiko projek;
- memantau perkembangan projek; dan
- memulakan pelan perniagaan/tindakan untuk memperbetulkan percanggahan projek, serta menghimpun laporan perkembangan bulanan dan menguruskan laporan status bagi Jawatankuasa Pemandu Projek dan Anggota Suruhanjaya.

Pejabat Pengurusan Program

Ketua Jabatan Polisi, Perancangan dan Pembangunan Korporat ditugaskan untuk menerajui Pejabat Pengurusan Program yang mula beroperasi sejak akhir tahun 2004. Projek berikut sedang dipantau oleh Pejabat Pengurusan Program:

- Projek Migrasi Teknologi Maklumat;
- Pelan Perniagaan/Tindakan Suruhanjaya Syarikat, Pelan Pengurusan Perubahan, dan Pelaksanaan Penyusunan Semula Struktur Organisasi;
- Pembangunan Inisiatif Sumber Manusia;
- Program Semakan Semula Undang-Undang Korporat;
- Pelaksanaan Akademi Latihan Suruhanjaya Syarikat; dan
- Pembangunan Jabatan Audit Dalam.

Program latihan telah dijalankan pada suku ketiga tahun 2004 bagi memastikan semua Pengurus Projek membiasakan diri dengan proses dan aplikasi perisian Pejabat Pengurusan Perubahan.

n o t a

Pelan Integriti Nasional merupakan rangka kerja komprehensif yang mana amalan terbaik, mekanisme baru, jawatankuasa dan struktur dilaksanakan bagi menggalakkan amalan tadbir urus korporat yang baik, terutamanya di dalam sektor awam – perjuangan menentang rasuah, penipuan, penyalahgunaan kuasa dan ketidakcekapan.

n o t a

Matlamat umum Pelan Integriti Nasional ialah untuk membantu merealisasikan Wawasan 2020, iaitu menjadikan Malaysia sebuah negara maju dengan moral dan etika yang kukuh, nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh, ditunjangi oleh pemimpin berwibawa dan rakyat berkeperibadian mulia.

Pelan Integriti Nasional

Kerajaan Malaysia telah menerima pendekatan serampang dua mata di dalam memerangi rasuah dengan memberi perhatian kepada aspek hukuman dan pencegahan. Sementara penguatkuasaan diperhebatkan dan hukuman keras dikenakan kepada mereka yang didapati bersalah, aspek pencegahan diberi penekanan dengan pengisytiharan Pelan Integriti Nasional oleh Perdana Menteri pada 23 April 2004, dan penubuhan Institut Integriti Malaysia untuk mengawasi pelan tersebut.

Pelan Integriti Nasional telah dirangka selari dengan semangat dan prinsip Perlembagaan Persekutuan, Rukun Negara, dan beberapa dasar strategik yang dilaksanakan sejak 1971. Pelan ini menegaskan akan kepentingan mempunyai rakyat yang bersatu, adil, demokratik, liberal dan progresif, serta bertujuan memelihara etika dan integriti iaitu objektif utama Pelan Integriti Nasional, pada setiap masa.

The Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs was appointed as a lead agency to champion the implementation plan in respect of corporate governance and business ethics for economic institutions so as to promote and raise the standards of accountability and transparency amongst corporate players and industries in Malaysia, with the Companies Commission serving as its secretariat and supported by an action team to implement 5 strategies for economic institutions:

- Improve corporate governance (integrity) of the corporate sector;
- Develop and reinforce an ethical business culture;
- Increase collaboration among various sectors through the concept of Malaysia Incorporated in the adoption of honourable and upright culture and practices;
- Increase cooperation between companies and employee unions; and
- Formulate and continue a social justice programme between ethnic groups and between territories.

Strategies stipulated under the NIP need to be translated into workable action plans that are relevant, for implementation of specific deliverables within specific timelines, focusing on fighting white collar crime through enforcement of corporate governance and business ethics.

On 20 July 2004, a decision was made to set up 5 working groups to implement the 5 strategies outlined by the Economic Institution Integrity Agenda as well as adopt the Steering Committee's terms of reference as proposed by the Companies Commission. Both aspects were accepted for implementation in a subsequent meeting on 10 August 2004. The Companies Commission has prepared work schedules and uniform reporting templates, and has submitted these to the Steering Committee for distribution to all 5 working groups, as well as made recommendations on the implementation of the action plans with a specific mode of reporting to the respective Ministry to ensure a successful implementation methodology. Performance measurement for all deliverables will need to be ascertained and developed over time in view of the objectives and targets to be attained under each action plan. The recommendations of all 5 working groups in relation to action plans and the proposed performance measurement of achievements attained must be submitted to the Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs for prior approval before submission to the Malaysian Integrity Institute, the coordinator for implementation of the NIP.

note

The Companies Commission will continue to actively promote and implement plans to enhance good corporate governance.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah dilantik sebagai agensi pemimpin pelan (*lead agency*) pelaksanaan berhubung amalan tadbir urus korporat dan etika perniagaan untuk institusi ekonomi. Ia bertujuan meningkatkan piawai akauntabiliti dan ketelusan di kalangan syarikat korporat dan industri di Malaysia, yang mana Suruhanjaya Syarikat merupakan sekretariatnya dan didukung oleh pasukan bertindak untuk melaksanakan 5 strategi bagi institusi ekonomi:

- Meningkatkan amalan tadbir urus korporat (integriti) sektor korporat;
- Membangunkan dan mengukuhkan budaya perniagaan beretika;
- Meningkatkan kerjasama di kalangan pelbagai sektor melalui konsep Persyarikatan Malaysia dalam budaya dan amalan yang mulia dan luhur;
- Meningkatkan kerjasama di antara syarikat dengan kesatuan sekerja; dan
- Mewujudkan dan meneruskan program keadilan sosial di antara kumpulan etnik dan di antara wilayah.

Strategi yang ditentukan di bawah Pelan Integriti Nasional perlu diterjemahkan menjadi pelan tindakan yang dapat dijalankan, dan relevan bagi pelaksanaan perkhidmatan tertentu pada tempoh tertentu, dengan memberi tumpuan kepada memerangi jenayah kolar putih melalui penguatkuasaan amalan tadbir urus korporat dan etika perniagaan.

nota

Suruhanjaya Syarikat akan secara aktif, terus menggalakkan dan melaksanakan pelan untuk meningkatkan amalan tadbir urus korporat yang baik.

Pada 20 Julai 2004, satu keputusan dibuat untuk mewujudkan lima kumpulan kerja untuk melaksanakan lima strategi yang dirancang oleh Agenda Integriti Institusi Ekonomi dan juga menerima terma rujukan Jawatankuasa Pemandu sebagaimana dicadangkan oleh Suruhanjaya Syarikat. Kedua-dua aspek diterima untuk dilaksanakan pada mesyuarat berikutnya pada 10 Ogos 2004. Suruhanjaya Syarikat telah menyediakan jadual kerja dan templat pelaporan seragam dan telah menyerahkannya kepada Jawatankuasa Pemandu untuk diedarkan kepada kelima-lima kumpulan kerja. Suruhanjaya Syarikat juga telah membuat saranan mengenai pelaksanaan pelan tindakan dengan cara pelaporan tertentu kepada Kementerian masing-masing bagi memastikan kaedah pelaksanaan berhasil. Ukuran prestasi bagi semua perkhidmatan perlu dipastikan dan dibangunkan dengan mengambil kira objektif dan matlamat setiap pelan tindakan. Saranan kelima-lima kumpulan kerja berhubung pelan tindakan dan ukuran prestasi pencapaian mesti diserahkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk diluluskan sebelum diserahkan pula kepada Institut Integriti Malaysia iaitu penyelaras pelaksanaan Pelan Integriti Nasional.



Baseline Index Survey

A consultant from outside of the Companies Commission was appointed to conduct 2 baseline index surveys in 2004 – one on corporate image and another to determine the Internal Engagement Satisfaction Index (IESI). The former was aimed at assessing the perceptions of its key stakeholders as well as the various issues and concerns which the Companies Commission needs to address. This is aligned with its initiative to steer towards a performance-based culture, and will be a key performance indicator in respect of its responsiveness and communicativeness towards stakeholders.

On the other hand, the IESI survey was aimed at ascertaining the level of employee satisfaction as well as to gain an insight on the sentiments or comments from the staff of the Companies Commission.

Kajian Indeks Garis Dasar

Perunding luar telah dilantik untuk menjalankan 2 kajian indeks garis dasar pada tahun 2004 – pertama, tentang imej korporat dan yang kedua, untuk menetapkan Indeks Kepuasan Urusan Dalaman (IESI). Yang pertama bertujuan menilai tanggapan pihak-pihak berkepentingan yang utama serta pelbagai isu dan kebimbangan yang perlu ditangani oleh Suruhanjaya Syarikat. Ini selari dengan inisiatifnya untuk memimpin ke arah budaya berasaskan prestasi, yang akan menjadi petunjuk pencapaian utama berhubung sambutan dan kesediaan berhubung dengan pihak-pihak berkepentingan yang utama.

Sebaliknya, kajian Indeks Kepuasan Urusan Dalaman pula bermatlamat untuk memastikan tahap kepuasan kakitangan dan mendapatkan pandangan atau sentimen daripada warga kerja Suruhanjaya Syarikat.



Key Statistics Statistik Penting

Company/Business Name Search

	2002	2003	2004
Number of Applications Bilangan Permohonan Nama	93,334	93,743	99,828
Number of Names Approved Bilangan Nama Diluluskan	55,913	57,334	59,332
Number of Names Rejected Bilangan Nama Ditolak	30,306	28,915	28,603
Number of Names Under Query Bilangan Nama Dikueri	7,115	7,494	11,893

An annual increase of 6.5% was recorded for the total number of name search applications received in 2004 in comparison to 0.4% in 2003. The statistics suggest a more optimistic economic outlook and renewed optimism in entrepreneurship and commercial activities. The web-based name search function available online at www.ssm.com.my has provided the public with the convenience of conducting a company or business name search from the comforts of wherever one may be before visiting the nearest state office to carry out the next stage of an actual submission of an application. This has helped alleviate long queues and unnecessary delays created by, for example, indecisive customers reluctant to give up their turn at the counter when their initial choice of company or business name is not available. It could also be a contributing factor for statistics recorded in the past 3 years, when the total number of name search applications and names approved have increased each year since 2002, while the total number of names rejected has continued to decrease each year.

note

Improved Service Efficiency :


The Registration Department has reported a reduction in the average time taken to issue a letter of approval for company names from 5 days (as prescribed by the Client Service Charter) to 3 days. This new turnover period indicates an impressive time-saving of 40%.

Carian Nama Syarikat / Perniagaan

Peningkatan tahunan sebanyak 6.5% telah dicatat bagi jumlah permohonan carian nama yang diterima pada tahun 2004 berbanding 0.4% pada tahun 2003. Statistik berkenaan menunjukkan perspektif ekonomi yang lebih meyakinkan dan sikap optimistik terhadap aktiviti keusahawanan dan perdagangan. Fungsi carian nama berasaskan web secara talian terus di www.ssm.com.my berjaya memberi kemudahan kepada orang ramai untuk melakukan carian nama syarikat atau perniagaan di mana-mana sahaja, sebelum mengunjungi pejabat negeri terdekat untuk melakukan langkah seterusnya dalam penyerahan permohonan yang sebenar. Ini membantu mengelakkan daripada terpaksa berbaris panjang dan menunggu lama, contohnya yang berpunca daripada pelanggan yang tidak mahu melepaskan giliran mereka di kaunter apabila pilihan pertama nama syarikat dan perniagaan mereka tidak dapat digunakan. Ini juga mungkin faktor yang menyumbang kepada statistik yang dicatat di sepanjang tiga tahun lalu, yang mana jumlah permohonan carian nama dan nama yang diluluskan telah meningkat setiap tahun, sejak tahun 2002. Sementara itu, jumlah nama ditolak semakin berkurangan setiap tahun.

Graft/Rajah 01





Company/Business Name Search Carian Nama Syarikat/Perniagaan



nota

Peningkatan Kecekapan

Perkhidmatan : Jabatan Pendaftaran melaporkan pengurangan dalam purata masa diambil untuk mengeluarkan surat kelulusan nama syarikat daripada lima hari (sebagaimana ditetapkan oleh Piagam Pelanggan) kepada tiga hari. Tempoh baru ini menunjukkan penjimatan kos yang mengagumkan, iaitu sebanyak 40%.

-  Number of Applications
Bilangan Permohonan Nama
-  Number of Names Approved
Bilangan Permohonan Nama
-  Number of Names Rejected
Bilangan Nama Tolak
-  Number of Names Under Query
Bilangan Nama Kueri

Incorporation/Registration of New Companies and Businesses

	2002	2003	2004
Local Companies – Private Limited Syarikat Tempatan – Sendirian Berhad	34,618	35,919	38,293
Local Companies – Public Limited with Share Capital Syarikat Tempatan – Berhad	63	85	144
Local Companies – Limited by Guarantee Syarikat Tempatan – Berhad Dengan Jaminan	76	78	100
Local Companies – Unlimited Syarikat Tempatan – Tidak Terhad	0	0	0
Total Number of Local Companies Incorporated Jumlah Syarikat Tempatan	34,757	36,082	38,537
Total Number of Foreign Companies Incorporated Jumlah Syarikat Asing	53	41	42
Total Number of Local & Foreign Companies Incorporated / Jumlah Syarikat Tempatan & Asing	34,810	36,123	38,579
Total Number of Businesses Registered Jumlah Perniagaan	155,419	180,950	189,206

The total number of local and foreign incorporated companies registered in 2004 increased by 6.8% when compared with 3.8% in 2003. Registration of new businesses in 2003 and 2004 also increased by 16.4% and 4.6% respectively. The rise in the registration of new companies and businesses for the 2 consecutive years can be attributed to the growth in Gross Domestic Product (Department of Statistics Malaysia: GDP growth rate of 5.3% in 2003 and 7.1% in 2004) due to the stable political environment and recovery in regional economies.

note

Total Number At 31 December 2004 : The Companies Commission's registers indicate a total of 680,871 (676,778 local and 4,093 foreign) incorporated companies and 2,871,611 registered businesses in Malaysia.


Corporate Administration : This Division is responsible for facilitating and supervising the incorporation of companies limited by guarantee – it processes applications and corporate information, as well as enforces the Trust Companies Act 1949. Since 1 July 2004, it has also taken over the role of checking applications by companies limited by guarantee (with a Berhad at the end of their names) from the Incorporation Section.

Pemerbadanan / Pendaftaran Syarikat dan Perniagaan Baru

Jumlah keseluruhan syarikat tempatan dan syarikat asing yang berdaftar pada tahun 2004 meningkat sebanyak 6.8% berbanding 3.8% pada tahun 2003. Pendaftaran perniagaan baru pada tahun 2003 dan 2004 juga meningkat sebanyak 16.4% dan 4.6% masing-masing. Peningkatan dalam pendaftaran syarikat dan perniagaan baru bagi 2 tahun berturut-turut boleh dikatakan adalah disebabkan oleh pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (Jabatan Perangkaan Malaysia: Kadar pertumbuhan KDNK sebanyak 5.3% pada tahun 2003 dan 7.1% pada tahun 2004) yang dipengaruhi oleh keadaan politik yang stabil dan pemulihan ekonomi serantau.

Graft/Rajah 02

Incorporation/Registration of New Companies and Businesses
Pemerbadanan / Pendaftaran Syarikat dan Perniagaan Baru



nota

Jumlah Setakat 31 Disember 2004 : Daftar Suruhanjaya Syarikat menunjukkan sejumlah 680,871 syarikat (676,778 syarikat tempatan dan 4,093 syarikat asing) diperbadankan dan 2,871,611 perniagaan berdaftar di Malaysia.

Pentadbiran Korporat : Bahagian ini bertanggungjawab memudahkan dan menyelia pemerbadanan syarikat berhad dengan jaminan. Ia memproses permohonan dan maklumat korporat serta menguatkuasakan Akta Syarikat Amanah 1949. Sejak 1 Julai 2004, ia juga telah mengambil-alih peranan memeriksa permohonan syarikat berhad dengan jaminan (yang mempunyai perkataan Berhad di akhir nama syarikat), daripada Seksyen Perbadanan.

The following chart allows a quick overview of the locations for incorporation of companies and registration of businesses in Malaysia. The top 3 preferred locations are Kuala Lumpur, Selangor and Johor for local companies and businesses, while Penang replaces Johor as the third favourite location for foreign companies. The statistics here are a reflection of the respective registers on 31 December 2004.

State Negeri Negeri	Local Companies Syarikat Tempatan	Foreign Companies Syarikat Asing	Total Number of Companies Jumlah Syarikat		Total Number of Businesses Jumlah Perniagaan	
			No.	%	No.	%
Kuala Lumpur	259,865	1,119	260,984	38.3	372,786	13.0
Selangor	122,777	183	122,960	18.1	537,458	18.7
Johor	61,655	67	61,722	9.1	436,520	15.2
Sabah	39,418	34	39,452	5.8	0	-
Sarawak	39,261	26	39,287	5.8	0	-
Pulau Pinang	44,440	83	44,523	6.5	262,982	9.2
Perak	33,607	10	33,617	4.9	297,497	10.4
Kedah	15,756	3	15,759	2.3	209,466	7.3
Melaka	14,127	6	14,133	2.1	142,874	5.0
Negeri Sembilan	11,782	1	11,783	1.7	125,895	4.4
Pahang	11,100	6	11,106	1.6	161,907	5.6
Kelantan	8,473	5	8,478	1.2	182,180	6.3
Terengganu	7,231	4	7,235	1.1	108,668	3.8
Perlis	977	0	977	0.1	27,795	1.0
Labuan	1,062	1	1,063	0.2	5,583	0.2
Without Code Tiada kod	5,247	2,545	7,792	1.1	0	-
Grand Total Jumlah Keseluruhan	676,778	4,093	680,871	100.0	2,871,611	100.0


note

3 New State Offices since August 2004 : Some customers may still be unaware of our new branch operations in Shah Alam, Seremban and Kangar, with the former 2 serving as viable alternatives to our head office in Kuala Lumpur. In 2004, statistics at the Kuala Lumpur office were an all time high for renewal of business registration forms (Form D) partly due to a lot of traffic being channelled here as a result of the temporary disruption in this service at post offices while the CBS for the ROB was being implemented.

Carta berikut memberikan gambaran keseluruhan berhubung lokasi permerbadanan syarikat dan pendaftaran perniagaan di Malaysia. Tiga lokasi paling digemari ialah Kuala Lumpur, Selangor dan Johor bagi syarikat dan perniagaan tempatan, sementara Pulau Pinang mengambil tempat Johor sebagai lokasi ketiga paling diminati bagi syarikat asing. Statistik di bawah menunjukkan pendaftaran yang dibuat setakat 31 Disember 2004.



Graft/Rajah 03

Incorporation/Registration of New Companies and Businesses
Pemerbadanan / Pendaftaran Syarikat dan Perniagaan Baru



nota

Tiga Pejabat Negeri Baru sejak Ogos 2004 : Sebahagian pelanggan masih tidak tahu tentang kewujudan cawangan baru kami yang beroperasi di Shah Alam, Seremban (kedua-duanya merupakan alternatif kepada ibu pejabat kami di Kuala Lumpur) dan Kangar. Pada tahun 2004, statistik di pejabat Kuala Lumpur mencatat rekod tertinggi bagi pembaharuan borang pendaftaran perniagaan (Borang D), sebahagiannya kerana pelanggan terpaksa disalurkan ke sini apabila perkhidmatan berkenaan, yang juga ditawarkan di pejabat pos, telah mengalami gangguan dan pada waktu yang sama, Sistem Syarikat dan Perniagaan untuk Pendaftaran Perniagaan (CBS ROB) sedang giat dijalankan.

-  Total Number of Companies
Jumlah Syarikat
-  Total Number of Businesses
Jumlah Perniagaan

Type of Companies Registered According to Category of Business

	2003	2004
Agriculture, Hunting, Forestry & Fisheries Pertanian, Pemburuan, Perhutanan & Penangkapan Ikan	710	993
Mining, Quarry & Natural Resources Melombong, Kuari, Mengumpul Bahan Semula Jadi	120	163
Manufacture Mengilang	3,061	3,411
General Utilities Bahan Guna Umum	89	99
Construction Pembinaan	6,318	6,808
Wholesale, Retail, Restaurants & Hotels Perdagangan Borong, Runcit, Restoran & Hotel	27,567	31,634
Transport & Communication Pengangkutan & Komunikasi	3,068	3,394
Financial, Insurance, Property, Investment & Business Services Perkhidmatan Kewangan, Insuran, Harta, Pelaburan & Perniagaan	19,072	24,554
Community, Social and Personal Services Perkhidmatan Komuniti, Social dan Peribadi	2,429	3,066
Others Lain-Lain	2	2
Total* Jumlah*	62,436	74,124

* Note : The total number of companies is greater than the total number registered because each company may carry out more than one type of business.

* Nota : Jumlah syarikat melebihi jumlah yang didaftarkan kerana satu syarikat boleh menjalankan lebih daripada satu jenis perniagaan.


Distributive trade (wholesale and retail) and the restaurants and hotels sectors remain as 2 of the most important contributors to employment and growth of the nation's economy. Of the 74,124 businesses carried on by the newly registered companies in 2004, 31,634 or 42.7% are involved in these 2 sectors. This represents an increase of 14.8% when compared with 2003. Malaysia's stable political environment, constant economic growth and good infrastructure would continue to offer various opportunities in these 2 sectors in the coming years.

Pendaftaran Syarikat Mengikut Jenis Perniagaan

Sektor perdagangan pengedaran (borong dan runcit) dan restoran serta hotel kekal sebagai dua penyumbang terpenting bagi pekerjaan dan pertumbuhan ekonomi negara. Daripada 74,124 perniagaan yang dijalankan oleh syarikat yang baru mendaftar pada tahun 2004, sebanyak 31,634 atau 42.7% terlibat di dalam dua sektor berkenaan. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 14.8% berbanding pada tahun 2003. Suasana politik yang stabil, pertumbuhan ekonomi yang mantap dan infrastruktur yang baik akan terus menawarkan pelbagai peluang di dalam kedua-dua sektor ini pada masa-masa akan datang.

Graft/Rajah 04

Type of Companies Registered According to Category of Business
Pendaftaran Syarikat Mengikut Jenis Perniagaan



In addition, efforts have also been made by the Domestic Trade Division of the Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs to encourage and stimulate the development of the distributive trade sector. Among other initiatives, the Ministry has introduced a 5-year freeze on the opening of new hypermarkets in the Klang Valley, Pulau Pinang and Johor with effect from 1 January 2004 as well as a series of tax exemption and incentive programmes for Malaysian International Trading Companies (MITCs) and companies exporting locally produced goods respectively.

note

The Top 2 Favoured Categories of Businesses in 2004 :

- (1) Wholesale, Retail, Restaurants and Hotels
(2) Financial, Insurance, Property, Investment and Business Services

Registration and Satisfaction of Charges

Key productivity indicators highlighted by statistics for 2004 indicate a 12.3% increase in the total number of certificates registered, worth RM255,911.4 million in total value, and a 27.1% increase in the total number of charges satisfied during the year. The figures suggest a continued increase in bank financing activities over the past 3 years.

	2002	2003	2004
Number of Certificates (Registration of Charges) Jumlah Sijil	20,965	23,073	25,912
Value of Charges (RM) Nilai Cagaran (RM)	171,840.3 million/juta	214,590.5 million/juta	255,911.4 million/juta
Satisfaction of Charges Bilangan Sijil Pelepasan	4,447	5,646	7,177

note

The Companies Commission is committed to meeting its quality pledge to issue certificates of charges or satisfaction of charges within 5 days from the date a complete and accurate application is received.

nota

Dua Kategori Perniagaan Paling Digemari Pada Tahun 2004 :

- (1) Borong, Runcit, Restoran dan Hotel
(2) Perkhidmatan Kewangan, Insurans, Hartanah, Pelaburan dan Perniagaan


Di samping itu, usaha telah dijalankan oleh Bahagian Perdagangan Dalam Negeri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk merangsang pembangunan sektor perdagangan pendedaran. Antara lain,

Kementerian memperkenalkan pembekuan 5 tahun bagi pembukaan pasar raya baru di Lembah Klang, Pulau Pinang dan Johor berkuatkuasa 1 Januari 2004, dan juga siri pengecualian cukai dan program insentif bagi Syarikat Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MITC) dan syarikat yang mengeksport barangan buatan tempatan, masing-masing.

Pendaftaran dan Pelepasan Cagaran

Petunjuk produktiviti utama yang diserlahkan oleh statistik bagi tahun 2004, menunjukkan peningkatan sebanyak 12.3% bagi jumlah sijil berdaftar yang bernilai RM255,911.4 juta dan pertambahan sebanyak 27.1% bagi jumlah pelepasan cagaran pada tahun berkenaan. Angka tersebut mencerminkan peningkatan berterusan dalam aktiviti kewangan bank untuk tempoh lebih daripada tiga tahun yang lalu.

Graft/Rajah 05

Registration and Satisfaction of Charges
Pendaftaran dan Pelepasan Cagaran

nota

Suruhanjaya Syarikat adalah komited untuk memenuhi ikrar kualitinya untuk mengeluarkan sijil pelepasan cagaran dalam masa 5 hari daripada permohonan yang lengkap dan tepat diterima.

Interest Schemes and Unlisted Recreational Clubs

State Negeri	Golf and Recreational Club Kelab Golf & Rekreasi		Recreational Club Kelab Rekreasi		Marina Marina	Memorial Park Taman Memorial	Time-sharing Scheme Skim Perkongsian Masa	Total Jumlah
	GR	GR(S)	R	R(S)				
Selangor	22	1	13	1	1	0	5	43
Johor	12	4	3	0	1	1	0	21
Pulau Pinang	5	0	5	1	2	0	0	13
Kuala Lumpur	4	0	4	0	0	0	9	17
Pahang	6	0	0	0	0	0	3	9
Perak	3	0	4	0	1	2	1	11
Melaka	3	3	0	1	1	0	0	8
Terengganu	3	1	0	0	0	0	1	5
N.Sembilan	3	3	0	0	1	0	0	7
Kedah	3	2	0	0	2	0	1	8
Sabah	3	4	0	0	0	0	1	8
Sarawak	1	1	0	0	0	0	1	3
Total / Jumlah	68	19	29	3	9	3	22	153

GR - Golf & Recreational Club
Kelab Golf dan Rekreasi

R - Recreational Club
Kelab Rekreasi

GR(S) - Unlisted Golf & Recreational Club
Kelab Golf dan Rekreasi Tidak Disenarai

R(S) - Unlisted Recreational Club
Kelab Rekreasi Tidak Disenarai

The Companies Commission implements policies and guidelines on interest schemes, monitors their activities and development, and manages applications of public companies or operators who wish to offer the sale of such memberships to the public. There are 5 types of interest schemes that are registered with the Companies Commission: golf and recreational clubs, recreational clubs, marinas, memorial parks and time-sharing schemes. All these need to be registered prior to any sale of memberships to the general public, except for some golf and recreational clubs as well as some other recreational clubs as several of these may only offer memberships to their existing shareholders alone.

note

5 types of interest schemes that are registered with the Companies Commission :


1. golf and recreational clubs ;
2. recreational clubs ;
3. marinas ;
4. memorial parks ; and
5. time-sharing schemes.

Skim Kepentingan dan Kelab-Kelab Rekreasi Tidak Tersenarai

Suruhanjaya Syarikat melaksanakan dasar dan garis panduan mengenai skim kepentingan, memantau aktiviti dan kemajuannya, serta menguruskan permohonan syarikat awam atau pengendali awam yang berhasrat menawarkan penjualan keahlian seumpamanya kepada orang ramai. Terdapat 5 jenis skim kepentingan yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat: kelab golf dan rekreasi, kelab rekreasi, marina, taman memorial dan perkongsian masa. Kesemuanya perlu didaftarkan sebelum membuat sebarang penjualan keahlian kepada orang ramai, kecuali bagi beberapa kelab golf dan rekreasi serta beberapa kelab rekreasi lain kerana mereka menawarkan keahlian kepada pemegang saham mereka yang sedia ada sahaja.

Graft/Rajah 06

a. Interest schemes and Unlisted Recreational Clubs Skim Kepentingan dan Kelab-kelab Rekreasi Tidak Tersenarai



nota

5 jenis skim kepentingan yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat :

1. kelab golf dan rekreasi ;
2. kelab rekreasi ;
3. marina ;
4. taman memorial ; and
5. perkongsian masa.


The chart below allows a quick assessment of total membership sales and their monetary value as at 31 December 2004 according to the type of interest scheme. Carta di bawah memberikan penilaian segera mengenai jumlah penjualan keahlian dan nilainya setakat 31 Disember 2004 mengikut jenis skim kepentingan.

Type Jenis	Total Number of Schemes Jumlah Skim Penjualan	Total Number of Membership Sales Jumlah Penjualan Keahlian	Total Value of Membership Jumlah Nilai Keahlian (RM)
Golf and Recreational Club Kelab Golf dan Rekreasi	68	106,583	4,429.4 million/juta
Unlisted Golf and Recreational Club Kelab Golf dan Rekreasi Tidak Disenarai	19	43,940	535.5 million/juta
Recreational Club Kelab Rekreasi	29	61,241	342.7 million/juta
Unlisted Recreational Club Kelab Rekreasi Tidak Disenarai	3	12,938	64.3 million/juta
Marina Marina	9	1,143	24.2 million/juta
Memorial Park Taman Memorial	3	n/a	n/a
Time-sharing Scheme Skim Perkongsian Masa	22	123,164	1,543.8 million/juta
Total Jumlah	153	336,578	6,758.2 million/juta




Graft/Rajah 07


a. Total Number of Schemes
Jumlah Skim



b. Total Number of Membership
Jumlah Keahlian



c. Total Value of Membership Sales
Jumlah Nilai Jualan Keahlian



Supply of Corporate and Business Information

Type of Information Jenis Maklumat	2003	2004
Computer Printout of Company Information Maklumat Syarikat melalui Cetakan Komputer	311,707	355,489
Computer Printout of Business Information Maklumat Perniagaan melalui Cetakan Komputer	196,712	155,751
Certified Copy of Company Document Salinan Dokumen Syarikat yang Disahkan	108,200	108,609
Uncertified Copy of Company Document Salinan Dokumen Syarikat yang Tidak Disahkan	609,484	772,284
Other Services – Express Filing (CTC Express) Perkhidmatan Lain – Pemfailan Segera (CTC Express)	1,966	2,314
Other Services – Tracing/Re-filing Perkhidmatan Lain – Pengesanan/Pemfailan Semula	2,610	6,484
Other Services – Jacket Inspection Perkhidmatan Lain – Pemeriksaan Jacket	16,915	9,005
Other Services – Duplicate Copy of Certificate Perkhidmatan Lain – Salinan Pendua Sijil	2,210	1,955


The supply of up-to-date corporate and business information as well as other value-added information services whether over-the-counter, via post or electronically is and will continue to be a major source of revenue for the Companies Commission. The 5 main categories of corporate information which the general public can submit applications to obtain include: computer printouts of company information, computer printouts of business information, certified or uncertified copies of company or business documents, statistics related to companies and/or businesses registered with the Companies Commission, and other corporate information. A 14.0% annual increase was recorded for the supply of computer printouts of company information although there was a 20.8% decrease in the same for business information. The reduction in the latter and other services related to the supply of business information in 2004 may possibly be due to a reduction in demand as well as temporary service disruptions during the nationwide implementation programme of the new CBS for the ROB (completed in June; that for the ROC is scheduled for April 2005).

Pembekalan Maklumat Korporat dan Perniagaan

Pembekalan maklumat korporat dan perniagaan yang terkini, serta permintaan maklumat bernilai tambahan yang lain sama ada melalui kaunter, pos atau secara elektronik akan sentiasa menjadi sumber utama pendapatan Suruhanjaya Syarikat. Lima kategori utama maklumat korporat yang boleh diperolehi melalui permohonan termasuk: cetakan komputer maklumat syarikat, cetakan komputer maklumat perniagaan, salinan dokumen syarikat atau perniagaan yang disahkan atau yang tidak disahkan, statistik berkaitan dengan syarikat dan/atau perniagaan yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat, dan maklumat korporat yang lain. Peningkatan tahunan sebanyak 14.0% dicatat bagi pembekalan cetakan komputer maklumat syarikat sementara pembekalan cetakan komputer maklumat perniagaan menyaksikan penyusutan sebanyak 20.8%. Pengurangan dalam perkhidmatan berkenaan dan perkhidmatan lain yang berkaitan dengan pembekalan maklumat perniagaan pada tahun 2004, mungkin disebabkan oleh permintaan yang berkurangan serta gangguan sementara perkhidmatan ketika pelaksanaan program Sistem Syarikat dan Perniagaan untuk Pendaftaran Perniagaan (CBS ROB) di seluruh negara (disempurnakan pada Jun; dan bagi Pendaftaran Syarikat, dijadualkan pada April 2005).

Graft/Rajah 08

Supply of Corporate and Business Information
Bekalan Maklumat Korporat dan Perniagaan



Surveillance, Statutory Inspections, Compliance and Legal Activities

	2003	2004
Number of Inspections – Companies Bilangan Pemeriksaan – Syarikat	1,439	8,294
Number of Inspections – Businesses Bilangan Pemeriksaan – Perniagaan	112,607	104,739
Number of Compound Notices Issued Bilangan Notis Kompaun Dikeluarkan	31,471	33,445
Total Compound Value (RM) Jumlah Nilai Kompaun (RM)	6,542,800	7,123,800
Number of Cases Prosecuted under the Companies Act 1965 Bilangan Kes Didakwa di bawah Akta Syarikat 1965	951	2,970
Number of Cases Prosecuted under the ROB Act 1956 Bilangan Kes Didakwa di bawah Akta Pendaftar Perniagaan 1956	709	956
Compliance Rate (annual returns lodged) Kadar Pematuhan (pulangan penyata tahunan diperolehi)	44%	64%

Extensive proactive and routine checks were conducted by the Surveillance Section during 2004 to check on non-compliance with the Companies Act 1965 by company secretaries, auditors, directors, insolvent companies and other companies and businesses. The same was conducted by the Corporate Account Monitoring Section on companies managing interest schemes, trust companies and non-profit making companies. A total of 113,033 inspections on companies or business premises were completed in 2004 in comparison to 114,046 in 2003. An annual increase of 6.3% was recorded for the total number of compound notices issued in 2004 and an 8.9% increase in the total compound value in monetary terms for incidences of non-compliance although there were fewer inspections conducted (a slight decrease of 0.9% in the total number of inspections) during the year.

As a result of the enforcement drive, the compliance rate in terms of annual returns lodged with the Companies Commission improved significantly, a 64% compliance rate was achieved in 2004 in comparison to 44% in 2003. The improvement is attributed to the various initiatives undertaken, in particular, strike-off activities under Section 308 of the Companies Act 1965, the enforcement drive which has recorded an increase in the total number of cases prosecuted under the Companies Act 1965 and the Registration Of Businesses Act 1956, and a campaign to increase public awareness for compliance through advertisements in major newspapers.


Pengawasan, Pemeriksaan Berkanun, Pematuhan dan Aktiviti Undang-undang

Pemeriksaan proaktif dan rutin yang meluas telah dijalankan oleh Seksyen Pengawasan pada tahun 2004, untuk memeriksa ketidakpatuhan setiausaha syarikat, juruaudit, pengarah, syarikat insolven, serta syarikat dan perniagaan lain, terhadap Akta Syarikat 1965. Tindakan yang sama juga dilaksanakan oleh Seksyen Pemantauan Akaun Korporat terhadap syarikat yang menguruskan skim kepentingan, syarikat amanah dan syarikat bukan berasaskan keuntungan. Sejumlah 113,033 pemeriksaan ke atas premis syarikat dan perniagaan disempurnakan pada tahun 2004 berbanding cuma 114,046 pada tahun 2003. Peningkatan tahunan sebanyak 6.3% dicatat bagi bilangan keseluruhan notis kompaun dikeluarkan pada tahun 2004 dan pertambahan sebanyak 8.9% bagi jumlah nilai kompaun bagi ketidakpatuhan, walaupun kekerapan pemeriksaan yang dijalankan adalah kurang (merosot sedikit sebanyak 0.9% daripada bilangan pemeriksaan secara keseluruhan) pada tahun berkenaan.

Hasil dari peningkatan aktiviti penguatkuasaan, kadar pematuhan dari segi penyata tahunan yang diserahkan kepada Suruhanjaya Syarikat telah meningkat dengan jelas iaitu sebanyak 64% telah berjaya dicapai pada tahun 2004 berbanding hanya 44% pada tahun 2003. Peningkatan ini disebabkan oleh pelbagai inisiatif yang dilaksanakan, khususnya aktiviti pembatalan di bawah Seksyen 308 Akta Syarikat 1965, dorongan penguatkuasaan yang mencatat peningkatan dalam jumlah kes didakwa di bawah Akta Syarikat 1965 dan Akta Pendaftaran Perniagaan 1956, serta kempen untuk meningkatkan kesedaran umum berhubung pematuhan melalui iklan di akhbar utama.

Graft/Rajah 09

Surveillance, Statutory Inspections Compliance and Legal Activities Pengawasan, Pemeriksaan Berkanun, Pematuhan dan Aktiviti Undang-Undang.



Surveillance, statutory inspections and enforcement activities were conducted in all states across the nation in 2004.

Regional details for the number of premises inspected and companies and

businesses prosecuted during the year are listed in the table below. Do note that several inspection officers were transferred to the new state offices in Shah Alam, Seremban and Kangar in July and their vacant positions were only filled in November 2004.

A Productive Year for Legal Proceedings : A remarkable efficiency output was achieved in terms of the total number of cases prosecuted during the year – an outstanding 212.3% under the Companies Act 1965 and 34.8% under the Registration of Businesses Act 1956. Some other cases requiring further enquiry were forwarded to the Investigation Department, and where appropriate, proposals to prosecute were subsequently forwarded to the Prosecution and Litigation Department. 4 contributing factors were identified for this major feat: more staff, increased enforcement activities, prompt and rational response against those in breach of the various Acts, and commendable cooperation from the other departments at the Companies Commission.

	Companies Act 1965 Akta Syarikat 1965		ROB Act 1956 Akta Pendaftaran Perniagaan 1956		Grand Total Jumlah Keseluruhan	
	Inspected Diperiksa	Prosecuted Didakwa	Inspected Diperiksa	Prosecuted Didakwa	Inspected Diperiksa	Prosecuted Didakwa
Kuala Lumpur	2,096	438	9,962	111	12,058	549
Perlis	1	0	791	2	792	2
Kedah	1,779	353	29,851	88	31,630	441
Perak	685	352	7,584	299	8,269	651
Pulau Pinang	1,711	300	15,302	141	17,013	441
Negeri Sembilan	2	0	956	2	958	2
Selangor	0	0	130	0	130	0
Melaka	502	347	7,091	125	7,593	472
Johor	248	326	9,608	70	9,856	396
Pahang	82	100	6,590	4	6,672	104
Kelantan	237	68	12,066	48	12,303	116
Terengganu	86	139	3,560	66	3,646	205
Labuan	171	0	1,248	0	1,419	0
Sabah	318	329	0	n/a	318	329
Sarawak	376	218	0	n/a	376	218
Total Jumlah	8,294	2,970	104,739	956	113,033	3,926

Companies Act 1965 : The top 3 violations include failure to hold Annual General Meetings (AGMs), failure to present the company's accounts during AGMs as well as failure to lodge annual accounts or statutory records with the Companies Commission.

Registration of Businesses Act 1956 : The top violation is the conduct of business without a valid/current/renewed business license from the Companies Commission.


Tahun Produktif bagi Prosiding Undang-undang : Output kecekapan yang luar biasa dicapai dari segi jumlah kes didakwa pada tahun berkenaan iaitu sebanyak 212.3% di bawah Akta Syarikat 1965 dan 34.8% di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956. Beberapa kes lain yang memerlukan siasatan lanjutan telah dimajukan kepada Jabatan Penyiasatan, dan apabila perlu, cadangan untuk mendakwa kemudiannya dikemukakan kepada Jabatan Pendakwaan dan Litigasi. Empat faktor yang menyumbang kepada kejayaan cemerlang ini ialah: lebih ramai kakitangan, aktiviti penguatkuasaan yang dipertingkatkan, tindakan yang lebih pantas dan rasional terhadap mereka yang melanggar pelbagai Akta, dan kerjasama erat daripada jabatan lain di Suruhanjaya Syarikat.

Pada tahun 2004, aktiviti pengawasan, pemeriksaan berkanun dan penguatkuasaan telah dilaksanakan di

seluruh negara. Perincian kawasan bagi bilangan premis yang diperiksa, serta syarikat dan perniagaan yang didakwa di sepanjang tahun berkenaan, dipaparkan di dalam jadual di bawah. Adalah dimaklumkan bahawa beberapa pegawai penguatkuasa telah ditukarkan ke pejabat negeri yang baru di Shah Alam, Seremban dan Kangar pada bulan Julai dan kekosongan jawatan mereka hanya diisi pada bulan November 2004.

Graft/Rajah 10

d. Statutory Inspection and Legal Activities by State
Aktiviti pengawasan dan penguatkuasaan mengikut Negeri



Akta Syarikat 1965 : Tiga pelanggaran akta yang utama termasuk kegagalan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan, kegagalan membentangkan akaun syarikat ketika Mesyuarat Agung Tahunan dilangsungkan dan kegagalan mengemukakan akaun tahunan atau rekod berkanun kepada Suruhanjaya Syarikat.

Pendaftaran Akta Perniagaan 1956 : Pelanggaran akta yang utama ialah menjalankan perniagaan tanpa lesen perniagaan yang sah / terkini / diperbaharui daripada Suruhanjaya Syarikat.

 Inspected
Diperiksa
 Prosecuted
Didakwa

Licensing of Company Secretaries

	2002	2003	2004
Number of Applications Received - New Bilangan Permohonan Diterima - Baru (Borang 48B)	411	360	283
Number of Applications Received - Renewal Bilangan Permohonan Diterima - Pembaharuan (Borang 48C)	2,529	939	1,286
Number of License(s) Issued - New Bilangan Lesen Dikeluarkan - Baru	261	183	96
Number of License(s) Issued - Renewal Bilangan Lesen Dikeluarkan - Pembaharuan	2,026	1,274	1,099
Total Number of Licensed Company Secretaries in Malaysia Bilangan Setiausaha Syarikat Berdaftar	9,697	9,025	6,356
Total Number of Statutory Documents Lodged with the ROC Bilangan Pendaftaran Dokumen Berkanun	1,345,953	1,258,714	1,258,578
Number of Compound Notices Issued - Section(s) 139A, 139B & 139C Bilangan Notis Kompaun Dikeluarkan - Seksyen 139A, 139B & 139C	-	-	184
Total Compound Value (RM) - Section(s) 139A, 139B & 139C Jumlah Kompaun (RM) - Seksyen 139A, 139B & 139C	-	-	63,750
Number of Cases Prosecuted - Section(s) 139A, 139B, 139C(3) & 364(2) Bilangan Kes Didakwa - Seksyen 139A, 139B, 139C(3) & 364(2)	-	-	403


There was an increase of 36.9% in the total number of applications received for renewal of licenses in 2004. 1,099 renewed licenses were issued during the year. These licenses are only renewed once in 3 years and the Companies Commission does monitor and regulate the number of licenses issued to ensure that only sufficiently qualified (Section 139A) and 'fit and proper' (Section 139B) candidates are licensed as Company Secretaries. In 2004, 30 interview sessions involving 206 candidates were conducted – 28 interview sessions were conducted in Kuala Lumpur, 1 in Kuching, Sarawak and 1 in Kota Kinabalu, Sabah. Only 160 candidates (or 78%) were present at these sessions, and 49 (31%) of those present passed the interviews while the other 111 (69%) failed.

Pelesenan Setiausaha Syarikat


Terdapat peningkatan sebanyak 36.9% bagi jumlah permohonan yang diterima untuk pembaharuan lesen di sepanjang tahun 2004 yang mana sejumlah 1,099 lesen diperbaharui telah dikeluarkan. Lesen ini hanya diperbaharui sekali dalam tempoh tiga tahun dan Suruhanjaya Syarikat memantau dan menyelaraskan bilangan lesen yang dikeluarkan bagi memastikan hanya calon yang benar-benar layak dan sesuai, mengikut Seksyen 139A dan Seksyen 139B akan diberikan lesen sebagai Setiausaha Syarikat. Pada tahun 2004, 30 sesi temu duga diadakan, melibatkan 206 calon yang mana 28 daripada sesi temu duga berkenaan diadakan di Kuala Lumpur, 1 di Kuching, Sarawak dan 1 di Kota Kinabalu, Sabah. Hanya 160 calon (atau 78%) hadir pada sesi temu duga, dan 49 (31%) yang hadir telah lulus sementara bakinya iaitu sebanyak 111 (69%) gagal dalam temu duga itu.

Craft/Rajah 11


a. Licensing of Company Secretaries Pelesenan Setiausaha Syarikat



b. Total Number of Licensed Company Secretaries in Malaysia Bilangan Setiausaha Syarikat Berdaftar



c. Total Number of Statutory Documents Lodged with the ROC Bilangan Pendaftaran Dokumen Berkanun



Only 96 new licenses were issued in 2004 because fewer applications were received. The total number of licensed company secretaries at the end of 2004 is lower than 2003 mainly due to non-renewal of licenses. Records indicate that 2,775 licenses were not renewed.

A total of 184 compound notices worth RM63,750 were issued in 2004 and 144 (78%) of these amounting to RM36,950 were paid by the end of the year. Of the 403 cases prosecuted during the year, 392 (312 directors and 80 company secretaries) involved the offence of Company Secretaries who continue to hold such position despite an expired license of more than 6 months (Section 139C(3)).

note

Company Secretaries need to be a member of an accredited professional body or licensed by the Companies Commission in order to perform the official function of preparing statutory records for lodgement with the Registrar of Companies (ROC). Licensing is necessary for legitimate practice, and has been compulsory since a September 1992 amendment to the Companies Act 1965 (Act A836). Compound notices can be issued and legal proceedings taken against those who practise without a valid/current license or are in breach of the guidelines that govern the profession.

Registration of Audit Firms and Auditors

	2002	2003	2004
Number of Audit Firms Registered Bilangan Firma Audit di Daftarkan	62	41	54
Number of Auditors Registered Bilangan Juruaudit di Daftarkan	145	41	29

The Corporate Account Monitoring Section supervises the registration of audit firms and auditors, checks on their compliance with the Companies Act 1965 and the Companies Rules and Regulations 1966, and ensures that they update their records on a regular basis.

The number of newly licensed auditors declined by 29% in 2004. This is due to the decrease in the number of candidates applying for audit license from the Ministry of Finance which conducts interview on such candidates. Apart from the above, the decrease is also due to the more stringent selection criteria such as additional interview panels from various fields as well as new guidelines that were introduced.

However, there is an increase of 32% in the number of audit firms registered in 2004 compared with the previous year. The increase is attributed to the registration of audit firms by newly licensed auditors as well as auditors who have left the partnership in their existing audit firms.

note

As with company secretaries, audit firms and auditors also need to be accredited or licensed in order for legitimate practice.

nota

Setiausaha Syarikat perlu menjadi ahli badan profesional diiktiraf atau diberikan lesen oleh Suruhanjaya Syarikat bagi menjalankan fungsi rasmi menyediakan rekod berkanun untuk dikemukakan kepada Pendaftar Syarikat. Pelesenan perlu bagi amalan sah, dan diwajibkan sejak pindaan terhadap Akta Syarikat 1965 (Akta A836) pada September 1992. Notis kompaun boleh dikeluarkan dan tindakan undang-undang boleh dikenakan terhadap mereka yang menjalankan aktiviti tanpa lesen sah, atau melanggar garis panduan yang mengawal profesion tersebut.

Hanya 96 lesen baru dikeluarkan pada tahun 2004 kerana permohonan yang diterima berkurangan. Jumlah Setiausaha Syarikat berlesen pada akhir tahun 2004 kurang daripada jumlah pada tahun 2003 terutamanya disebabkan oleh lesen tidak diperbaharui. Rekod menunjukkan bahawa 2,775 lesen tidak diperbaharui.

Sejumlah 184 notis kompaun bernilai RM63,750 telah dikeluarkan pada tahun 2004 dan 144 (78%) daripadanya berjumlah RM36,950 telah dibayar menjelang akhir tahun berkenaan. Daripada 403 kes yang didakwa di sepanjang tahun tersebut, 392 (312 pengarah dan 80 setiausaha syarikat) melibatkan kesalahan Setiausaha Syarikat yang terus memegang jawatan berkenaan walaupun lesennya telah tamat lebih daripada enam bulan (Seksyen 139C(3)).

Pendaftaran Firma Audit dan Juruaudit

Seksyen Pemantauan Akaun Korporat menyelia pendaftaran firma audit dan juruaudit, memeriksa pematuhan mereka terhadap Akta Syarikat 1965 serta Undang-Undang dan Peraturan Syarikat 1966, dan memastikan mereka mengemaskinikan rekod masing-masing dari masa ke semasa.

Bilangan juruaudit baru yang berlesen berkurangan sebanyak 29% pada tahun 2004. Pengurangan ini adalah disebabkan calon-calon yang diberi lesen melalui temuduga yang dikendalikan oleh Kementerian Kewangan adalah berkurangan. Selain daripada itu, kriteria pemilihan yang lebih ketat, penambahan panel temuduga serta garispanduan baru yang diperkenalkan juga adalah penyumbang kepada pengurangan bilangan juruaudit baru sepanjang tempoh 3 tahun kebelakangan ini.


Walaupun begitu terdapat kenaikan sebanyak 32% di dalam pendaftaran firma audit baru jika dibandingkan dengan tahun 2003. Peningkatan ini disebabkan juruaudit-juruaudit baru yang berdaftar dan yang sedia ada telah mendaftarkan firma audit mereka masing-masing dan tidak menjadi rakan kongsi kepada firma audit yang lain.

nota

Sebagaimana setiausaha syarikat, firma audit dan juruaudit juga perlu diiktiraf dan diberi lesen bagi amalan sah.

Craft/Rajah 12

Registration of Audit Firms and Auditors
Pendaftaran Firma Audit dan Juruaudit



CHANGE MANAGEMENT PROGRAMME

To ensure effective communication and that all employees are fully aware of the strategic direction plan of the Companies Commission, a series of briefing sessions was organised at 4 state offices for which representatives from the nearest state offices were also present. These events include:

- 17 February 2004: Johor Bahru State Office, and attended by employee representatives from Pahang and Melaka;
- 24 February 2004: Terengganu State Office, and attended by employee representatives from Kelantan;
- 26 February 2004: Pulau Pinang State Office, and attended by employee representatives from Perak and Kedah;
- 10 March 2004: Kota Kinabalu State Office, and attended by employee representatives from Sarawak and Labuan; and
- 2 April 2004: Kuala Lumpur (Head Office).

PROGRAM PENGURUSAN PERUBAHAN

Bagi memastikan komunikasi berkesan dan agar seluruh warga kerja sedar sepenuhnya tentang pelan hala tuju strategik Suruhanjaya Syarikat, satu siri taklimat telah diadakan di empat pejabat negeri yang mana wakil dari pejabat negeri terdekat, turut hadir. Taklimat yang dijalankan:

- 17 Februari 2004: Pejabat SSM Johor Bahru, dan disertai oleh wakil pekerja dari Pahang dan Melaka;
- 24 Februari 2004: Pejabat SSM Terengganu, dan disertai oleh wakil pekerja dari Kelantan;
- 26 Februari 2004: Pejabat SSM Pulau Pinang, dan disertai oleh wakil pekerja dari Perak dan Kedah;
- 10 Mac 2004: Pejabat SSM Kota Kinabalu, dan disertai oleh wakil pekerja dari Sarawak dan Labuan; dan
- 2 April 2004: Kuala Lumpur (Ibu Pejabat).

CHANGE MANAGEMENT WORKSHOP

Training programmes for Change Leaders and Change Ambassadors were conducted at Hotel Equatorial Bangi on 9, 11 and 12 February 2004.

The appointed Change Leaders and Change Ambassadors were provided guidelines by the change consultants to help them disseminate to all employees information and clarification related to the implementation of the strategic vision plan of the Companies Commission, which has been introduced by the management to ensure the realisation of the established vision, mission and objectives.

BENGGEL PENGURUSAN PERUBAHAN

Program latihan untuk Ketua Pengurusan Perubahan dan Duta Pengurusan Perubahan telah diadakan di Hotel Equatorial Bangi pada 9, 11 dan 12 Februari 2004.

Ketua Pengurusan Perubahan dan Duta Pengurusan Perubahan yang dilantik telah diberikan garis panduan oleh konsultan bagi membantu mereka menyampaikan maklumat dan penjelasan berhubung pelaksanaan pelan visi strategik Suruhanjaya Syarikat kepada seluruh warga kerja, yang diperkenalkan oleh pengurusan bagi mencapai visi, misi dan objektif yang ditetapkan.

KPI CONSOLIDATION WORKSHOP

This workshop was conducted on 18 and 19 March 2004. All heads or representatives of departments within the new organisational structure of the Companies Commission were present at this workshop which was aimed at setting the Key Performance Indicators (KPIs) for each department.

BENGGEL PENGUKUHAN PETUNJUK PENCAPAIAN UTAMA

Bengkel ini telah diadakan pada 18 dan 19 Mac 2004. Kesemua ketua atau wakil jabatan di dalam struktur organisasi baru Suruhanjaya Syarikat telah mengikuti bengkel ini yang bertujuan untuk menetapkan Petunjuk Pencapaian Utama bagi setiap jabatan.

MANAGEMENT BRAINSTORMING SESSION FOR THE 2005 ACTION PLANS



Held in Langkawi from 13 to 15 December 2004, this session was aimed at the following primary objectives:

- to ascertain the extent to which the management team has implemented the strategic direction plans as prescribed by the Members of the Commission;
- to review the implementation status of the business/action plans by all departments for the whole of 2004; and
- to articulate the action plans for all departments for 2005.

The finalised 2005 Action Plans are scheduled to be submitted to the Members of the Commission at their first meeting of 2005.

SESI PERCAMBAHAN IDEA PENGURUSAN UNTUK PELAN TINDAKAN TAHUN 2005

Diadakan di Langkawi pada 13 sehingga 15 Disember 2004, sesi ini bertujuan untuk :

- memastikan setakat mana pelan hala tuju strategik sebagaimana yang ditetapkan oleh Anggota Suruhanjaya, telah dilaksanakan oleh pasukan pengurusan;
- menyemak semula status pelaksanaan pelan perniagaan / tindakan oleh semua jabatan di sepanjang tahun 2004; dan
- menggubal pelan tindakan untuk semua jabatan bagi tahun 2005.

Pelan Tindakan Tahun 2005 yang telah sempurna, dijadualkan akan diserahkan kepada Anggota Suruhanjaya pada mesyuarat pertama tahun 2005.

OFFICIAL LAUNCH OF THE STRATEGIC FRAMEWORK FOR THE CORPORATE LAW REFORM (CLR) PROGRAMME

This official launch was officiated by Datuk Hj. Mohd. Shafie bin Hj. Apdal, Minister of Domestic Trade and Consumer Affairs on 11 August 2004 at Hotel Mutiara, Kuala Lumpur.



PELANCARAN RASMI 'STRATEGIC FRAMEWORK FOR CORPORATE LAW REFORM (CLR) PROGRAMME' (Rangka Kerja Strategik bagi Program Semakan Semula Undang-Undang Korporat)

Majlis pelancaran ini telah dirasmikan oleh Datuk Hj. Mohd. Shafie bin Hj. Apdal, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pada 11 Ogos 2004 di Hotel Mutiara, Kuala Lumpur.

OFFICIAL OPENING CEREMONY FOR 3 NEW STATE OFFICES

The concurrent opening ceremonies of 3 new state offices, namely Shah Alam, Selangor; Seremban, Negeri Sembilan; and Kangar, Perlis were officiated by Dato' S. Veerasingam, Deputy Minister of Domestic Trade and Consumer Affairs on 11 October 2004 at Level 3, Plaza Alam Sentral, Shah Alam, Selangor.

With the opening of these new state offices, it is hoped that the efficiency of service operations and enforcement responsibilities of the Companies Commission will increase on the overall national level.

MAJLIS PERASMIAN TIGA PEJABAT NEGERI

Majlis perasmian serentak bagi pembukaan tiga pejabat negeri yang baru iaitu Shah Alam, Selangor; Seremban, Negeri Sembilan; dan Kangar, Perlis telah disempurnakan perasmiannya oleh Dato' S. Veerasingam, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pada 11 Oktober 2004 di Aras 3, Plaza Alam Sentral, Shah Alam, Selangor.



Dengan pembukaan pejabat negeri yang baru ini, adalah diharapkan agar kecekapan operasi perkhidmatan dan penguatkuasaan Suruhanjaya Syarikat di seluruh negara akan dapat dipertingkatkan.

'HOT-LINE' SERVICE

We have continued to persevere in our official duties through our efforts in allowing customers to voice their complaints and queries by phone. The Hot-Line number was changed in November 2004 to 03-40476111 and 03-40476222.

PERKHIDMATAN 'HOT-LINE'

Kami terus melaksanakan tugas rasmi untuk membantu para pelanggan menyalurkan aduan dan mengemukakan sebarang pertanyaan berkaitan, menerusi telefon. Pada November 2004, nombor 'Hot-Line' kami telah ditukar kepada 03-40476111 dan 03-40476222.

SUGGESTION BOXES, CUSTOMER FEEDBACK FORMS, COMPLAINT FORMS AND COUNTER SERVICE FORMS

The Companies Commission has made every effort to provide a new complaint/suggestion box at each level of the head office as well as each state office to allow customers to submit any complaints or suggestions to the management team. Customer feedback forms, customer complaint forms and counter service evaluation forms have also been made available since February 2004.



PETI CADANGAN, BORANG MAKLUM BALAS PELANGGAN, BORANG ADUAN DAN BORANG PERKHIDMATAN KAUNTER

Suruhanjaya Syarikat berusaha menyediakan peti aduan / cadangan yang baru di setiap aras ibu pejabat dan di setiap pejabat negeri untuk membolehkan pelanggan menyampaikan aduan atau cadangan kepada pihak pengurusan. Borang maklum balas pelanggan, borang aduan pelanggan dan borang penilaian perkhidmatan kaunter, turut disediakan sejak Februari 2004.

THE HARI BERSAMA PELANGGAN PROGRAMME

This programme was continually and actively conducted on a monthly basis in 2004 to ensure that all senior officers of the Companies Commission received a hands-on experience of the miscellaneous problems, complaints or queries presented by the customers on the scheduled days for this event. The venue alternated between Level 2 and Level 13 where the main counters are located.

The Companies Commission was also directly involved in a similar roadshow programme, which was organised by the Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs, across the nation beginning August 2004. Among the venues where representatives were present:

- August: SOGO, Kuala Lumpur
- September: Carrefour, Penang
- October: City Square Complex, Johor Bahru

PROGRAM HARI BERSAMA PELANGGAN

Program bulanan ini diteruskan secara giat pada tahun 2004 bagi memastikan semua pegawai kanan Suruhanjaya Syarikat dapat 'turun padang' dan melayani sendiri sebarang masalah, aduan atau pertanyaan yang dikemukakan oleh pelanggan pada hari yang dijadualkan untuk program ini. Ia dijalankan secara berselang di Aras 2 dan Aras 13, di mana kaunter utama ditempatkan.

Suruhanjaya Syarikat turut terlibat secara langsung di dalam program bergerak ke seluruh negara, yang dianjurkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, bermula Ogos 2004. Di antaranya ialah:

- Ogos: SOGO, Kuala Lumpur
- September: Carrefour, Pulau Pinang
- Oktober: Kompleks City Square, Johor Bahru

EXHIBITIONS

Throughout 2004, the Companies Commission participated in several exhibitions as part of an effort to build a closer relationship, and introduce its role, functions and services to the general public. These exhibitions include:

- *Ekspo Keusahawanan Nasional (EKNA 2004)* – Putra World Trade Centre, Kuala Lumpur
- *Invest Malaysia 2004* – Bursa Malaysia at Putra World Trade Centre, Kuala Lumpur
- *Consumer Day Malaysia 2004* – Putrajaya International Convention Centre
- *National Seminar on Corporation, Corporate Law and Corporate Governance: Islamic Perspective* – Institute of Islamic Understanding Malaysia (IKIM)
- *Seminar on Corporate Governance for Government Linked Companies (GLCs)* – Melaka

As part of the *Hari Bersama Pelanggan* programme organised by the Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs which the Companies Commission participated in, exhibitions were held to showcase information on the role and functions of the Companies Commission in addition to setting up a counter for customer feedback and/or complaints.

PAMERAN

Sepanjang tahun 2004, Suruhanjaya Syarikat telah menyertai beberapa pameran sebagai sebahagian usaha mendekati dan memperkenalkan peranan, fungsi dan perkhidmatan kepada orang ramai. Di antaranya ialah:

- *Ekspo Keusahawanan Nasional (EKNA 2004)* – di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur
- *Ekspo 'Invest Malaysia 2004'* – Bursa Malaysia di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur
- *Hari Pengguna Malaysia 2004* – Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya
- *Seminar Kebangsaan Mengenai Syarikat, Undang-Undang Korporat dan Amalan Tadbir Urus Korporat: Perspektif Islam* – Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)
- *Seminar Tadbir Urus Korporat bagi Syarikat Berhubung Dengan Kerajaan (GLCs)* – Melaka



Sebagai sebahagian daripada program *Hari Bersama Pelanggan* yang dianjurkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang mana disertai oleh Suruhanjaya Syarikat, pameran diadakan untuk menyalurkan maklumat berkenaan peranan dan fungsi Suruhanjaya Syarikat, di samping mengadakan kaunter untuk menerima maklum balas dan aduan daripada orang ramai.

VISIT BY THE MINISTER

An official visit by Datuk Hj. Mohd. Shafie bin Hj. Apdal, Minister of Domestic Trade and Consumer Affairs took place on 11 March 2004. A detailed information and briefing session on the Companies Commission was presented by Tuan Abdul Alim Abdullah, Chief Executive Officer of the Companies Commission. The Minister was also taken on a tour of the main counters at the Companies Commission on Level 2 and Level 13. The Minister was joined by the Deputy Minister and the Parliamentary Secretary from his Ministry.

LAWATAN MENTERI

Lawatan rasmi oleh Datuk Hj. Mohd. Shafie bin Hj. Apdal, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna berlangsung pada 11 Mac 2004. Maklumat terperinci dan sesi taklimat tentang Suruhanjaya Syarikat telah disampaikan oleh Tuan Abdul Alim Abdullah, Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Syarikat. Menteri juga dibawa melawat kaunter utama Suruhanjaya Syarikat di Aras 2 dan Aras 13. Menteri turut disertai oleh Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen Kementerian.

HONORARY VISITS

The Companies Commission from time to time receives visitors who are representatives of domestic and international regulatory bodies as well as professional and/or accredited bodies and associations. As part of an exchange of views, many related issues and matters are discussed during these meetings. Amongst the visitors received in 2004:

- 14 April 2004: *Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT)*
- 1 June 2004: Vietnamese officials from the Investment Environment and Business Registration Department
- 2 August 2004: Malaysian International Chamber of Commerce and Industry (MICCI)
- 1 to 3 November 2004: Mr. Ahmed Al-Mustapha, Registrar General of the Corporate Affairs Commission (CAC), Nigeria



KUNJUNGAN HORMAT

Dari semasa ke semasa, Suruhanjaya Syarikat menerima kunjungan daripada badan pengawalan domestik dan antarabangsa, serta badan dan persatuan profesional dan / atau diiktiraf. Sebagai sebahagian daripada usaha bertukar pendapat dan pandangan, banyak isu dan perkara berkaitan dibincangkan semasa mesyuarat diadakan. Di antara kunjungan yang diterima pada tahun 2004:

- 14 April 2004: Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT)
- 1 Jun 2004: Pegawai dari *Investment Environment and Business Registration Department, Vietnam*
- 2 Ogos 2004: *Malaysian International Chamber of Commerce and Industry (MICCI)*
- 1 hingga 3 November 2004: Encik Ahmed Al-Mustapha, *Registrar General of the Corporate Affairs Commission (CAC), Nigeria*

CORPORATE GOVERNANCE SEMINAR FOR GOVERNMENT LINKED COMPANIES (GLCs)

The Companies Commission cooperated with the *Perbadanan Kemajuan Kerajaan Negeri Melaka* to organise a seminar on 9 September 2004 that was attended by over 350 participants consisting of state exco members, representatives and officers of state government companies, representatives and officers of the federal government and other corporate practitioners.

This inaugural seminar was determined to be very effective and will continue to be organised in the future.

SEMINAR TADBIR URUS KORPORAT BAGI SYARIKAT BERHUBUNG DENGAN KERAJAAN

Suruhanjaya Syarikat, dengan kerjasama Perbadanan Kemajuan Kerajaan Negeri Melaka telah menganjurkan seminar pada 9 September 2004 yang dihadiri oleh lebih 350 peserta yang terdiri daripada ahli dewan undangan negeri (ADUN), wakil dan pegawai syarikat kerajaan negeri, wakil dan pegawai badan kerajaan persekutuan dan pengamal korporat yang lain.

Seminar yang julung kali diadakan ini amat berkesan dan akan terus diadakan pada masa hadapan.



MAJLIS KHIDMAT BAKTI FOR FORMER CHAIRMAN



The Companies Commission organised a luncheon event to celebrate and commemorate the valuable contribution, service and merit of ex-staff/retired staff in conjunction with the retirement of former Chairman, Datuk Dr Sulaiman Mahbob on 24 August 2004 at the Grand Ballroom, Legend Hotel, Kuala Lumpur.


MAJLIS KHIDMAT BAKTI UNTUK BEKAS PENERUSI

Suruhanjaya Syarikat mengadakan majlis makan tengah hari bagi meraikan dan memperingati sumbangan, perkhidmatan dan jasa bekas kakitangan serta kakitangan yang telah bersara, bersempena dengan persaraan Pengerusi, Datuk Dr Sulaiman Mahbob, pada 24 Ogos 2004 di Grand Ballroom, Hotel Legend, Kuala Lumpur.

SOCIAL EVENTS AT THE COMPANIES COMMISSION

Several social events were organised to help nurture good working and networking relationships, sportsmanship as well as social interaction:

- 30 January 2004: Getting To Know Corporate Law Reform Committee (CLRC) members at the Legend Hotel, Kuala Lumpur
- 21 May 2004: The Companies Commission Dinner at the Sheraton Imperial Hotel, Kuala Lumpur
- 30 September to 1 October 2004: Sports Carnival organised by the Malaysian Holiday Timeshare Developers' Federation (MHTDF)
- 9 November 2004: Breaking of Fast Get-together at the Pan Pacific Hotel, Kuala Lumpur
- 26 November 2004: Salam Aidilfitri and Deepavali Get-together at the Pan Pacific Hotel, Kuala Lumpur
- 3 and 4 December 2004: The Companies Commission Family Day at the Genting View Resort, Genting Highlands



MAJLIS SOSIAL SURUHANJAYA SYARIKAT


Beberapa majlis sosial dianjurkan bagi mengeratkan hubungan kerja dan rangkaian, serta memupuk semangat kesukanan dan interaksi sosial:

- 30 Januari 2004: Majlis Suai Kenal Ahli Jawatankuasa Semakan Undang-Undang Korporat di Hotel Legend, Kuala Lumpur
- 21 Mei 2004: Makan Malam Suruhanjaya Syarikat di Hotel Sheraton Imperial, Kuala Lumpur
- 30 September hingga 1 Oktober 2004: Karnival Sukan yang dianjurkan oleh *Malaysian Holiday Timeshare Developers' Federation* (MHTDF)
- 9 November 2004: Majlis Berbuka Puasa dan Beramah Mesra di Hotel Pan Pacific, Kuala Lumpur
- 26 November 2004: Majlis Salam Aidilfitri dan Deepavali di Hotel Pan Pacific, Kuala Lumpur
- 3 dan 4 Disember 2004: Hari Keluarga Suruhanjaya Syarikat di Genting View Resort, Genting Highlands

Future Targets Sasaran Masa Hadapan

118

- To conduct various operations as part of an improved enforcement drive – these include *Ops Seksyen 121* (companies which fail to display their name and company registration numbers, and on stationery), *Ops Kompaun 1* (final notice for outstanding compounds for 2002 to 2004), *Ops Patuh 1* (inspection of companies with registered addresses in the Federal Territory which have failed to lodge annual returns for 3 to 5 years, and inspection of business operators in the Klang Valley), *Ops Kompaun 2* (final reminders to business operators who have failed to settle outstanding compounds in 2002 to 2004) and *Ops Patuh 2* (a second operation subsequent to *Ops Patuh 1* along with inspection of businesses which operate after working hours in the Federal Territory) by the Surveillance Section; as well as *Ops Kompaun* (collect outstanding compounds from companies in the Federal Territory and Selangor), *Ops Yayasan* (nationwide inspection of companies limited by guarantee), *Ops Exempt Private Company (EPC)* (inspection of EPCs in the Federal Territory and Selangor) and routine enforcement (including inspection of golf clubs, time-sharing scheme organisations, audit firms, audit licenses, auditors, accounts lodged with the Companies Commission, and attendance at courses conducted by the Malaysian Accounting Standards Board) by the Corporate Account Monitoring Section.
- Introduction of e-services which consist of 3 parts – (1) e-information, where customers can request for the supply of corporate information through the Companies Commission's website; (2) e-payment, where the supply of electronically delivered information can be paid via an online payment gateway; and (3) e-prelodgement, where software will be developed and sold in the form of a CD.



- Untuk menjalankan pelbagai operasi sebagai sebahagian daripada usaha penguatkuasaan yang dipertingkatkan, termasuk Ops Seksyen 121 (syarikat yang gagal mempamerkan nama dan nombor pendaftaran syarikat, dan pada alat tulis), Ops Kompaun 1 (notis akhir bagi kompaun tertunggak bagi tahun 2002 hingga 2004), Ops Patuh 1 (pemeriksaan syarikat yang mempunyai alamat berdaftar di Wilayah Persekutuan, yang gagal mengemukakan penyata tahunan bagi tempoh tiga hingga lima tahun, serta pemeriksaan pengendali perniagaan di Lembah Klang), Ops Kompaun 2 (peringatan terakhir kepada pengendali perniagaan yang gagal menyelesaikan kompaun tertunggak bagi tahun 2002 hingga 2004) dan Ops Patuh 2 (operasi kedua setelah Ops Patuh 1, di samping pemeriksaan perniagaan yang beroperasi selepas waktu pejabat di Wilayah Persekutuan) oleh Seksyen Pengawasan; serta Ops Kompaun (mengutip kompaun tertunggak daripada syarikat di Wilayah Persekutuan dan Selangor), Ops Yayasan (pemeriksaan syarikat berhad dengan jaminan di seluruh negara), Ops *Exempt Private Company* (EPC) (pemeriksaan terhadap syarikat persendirian terkecuali di Wilayah Persekutuan dan Selangor) dan penguatkuasaan rutin (termasuk pemeriksaan kelab golf, organisasi skim kepentingan, firma audit, lesen audit, akaun yang dikemukakan kepada Suruhanjaya Syarikat, dan penyertaan kursus yang dijalankan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia) oleh Seksyen Pemantauan Akaun Korporat.
- Pengenalan e-perkhidmatan yang terdiri daripada tiga bahagian iaitu (1) e-maklumat, yang mana pelanggan boleh memohon untuk mendapatkan maklumat korporat menerusi laman web Suruhanjaya Syarikat; (2) e-bayaran, yang mana pembayaran untuk maklumat yang dibekalkan secara elektronik boleh dilakukan melalui pintu pembayaran talian terus; dan (3) e-praserahsimpan, yang mana perisian akan dibangunkan dan dijual dalam bentuk cakera padat.





- A 'data cleansing' project to enhance the integrity and accuracy of data (verify and update all existing entries of business information to ensure complete and accurate information for the benefit of customers) and generally improve the corporate image of the Companies Commission.
- Installation of the new Financial Management System (FMS) aimed at providing the Companies Commission with a comprehensive financial management system and reporting tools.
- Establishment of the Human Resource Management System (HRMS) to increase efficiency and security in the Companies Commission's workflow.
- Installation of the performance appraisal and competence management system to reward employees based on their actual performance at work.
- As new initiatives to introduce the Companies Commission Training Academy, the Corporate Directors Training Program will be conducted along with accredited institutions and a new course, the Training Programme for Licensed Secretaries, will be introduced in 2005.

- Satu projek 'pembersihan data' bagi meningkatkan integriti dan ketepatan data (mengesahkan dan mengemaskinikan masukan maklumat perniagaan sedia ada bagi memastikan maklumat yang ada, lengkap dan tepat untuk manfaat pelanggan) dan meningkatkan imej korporat Suruhanjaya Syarikat, secara umum.
- Mewujudkan Sistem Pengurusan Kewangan yang baru bertujuan untuk melengkapkan Suruhanjaya Syarikat dengan sistem pengurusan kewangan dan perkakas pelaporan yang komprehensif.
- Mewujudkan Sistem Pengurusan Sumber Manusia untuk meningkatkan kecekapan dan keselamatan di dalam aliran kerja Suruhanjaya Syarikat.
- Mewujudkan sistem penilaian prestasi dan pengurusan pematuhan untuk memberi ganjaran kepada warga kerja berdasarkan prestasi mereka yang sebenar.
- Selaras dengan usaha memperkenalkan Akademi Latihan Suruhanjaya Syarikat, Program Latihan Pengarah Korporat akan diadakan oleh Suruhanjaya Syarikat bersama program yang dilaksanakan oleh institusi diiktiraf, dan kursus baru iaitu Program Latihan untuk Setiausaha Berlesen akan diperkenalkan pada tahun 2005.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA

Tingkat 2, 10-18, Putra Place, 100, Jalan Putra,
50622 Kuala Lumpur, MALAYSIA

Telephone : 03-40476000 Facsimile : 03-40476317